

MESYUARAT KEDUA, PENGGAJAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
2022

**HARI RABU : 3 OGOS 2022**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN  
( SOALAN NO. 6, 10 HINGGA NO. 90 )**

**[SOALAN NO. 6 DIJAWAB BERSEKALI DENGAN  
SOALAN NO. 48]**

**NOTA : [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. SHAHRUDDIN BIN MD. SALLEH  
[SRI GADING]**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK DR. SHAHRUDDIN BIN MD. SALLEH [ SRI GADING ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah solusi Kementerian dalam mengurangkan kadar pengangguran negara seperti paras pra pandemik pada kadar 3.5 peratus.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Izinkan saya menjawab pertanyaan YB Sri Gading bersekali dengan pertanyaan No. 48 daripada YB Pasir Gudang berkaitan isu pengangguran.

Berdasarkan Statistik Tenaga Buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, semasa pandemik Covid -19 kadar pengangguran negara telah mencatat rekod tertinggi iaitu 4.9 peratus pada Januari 2021.

Daripada usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan, kini kadar pengangguran telah menurun kepada 3.9 peratus pada Mei 2022. Walaupun begitu kadar pengangguran ini masih belum kembali ke tahap sebelum pandemik iaitu 3.2 peratus.

Bagi meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh serta mengurangkan kadar pengangguran, Kerajaan telah mempergiatkan usaha mengadakan program berikut:

- i. Melaksanakan **Program JaminKerja-Insentif Penggajian** yang akan memanfaatkan pencari kerja dari seluruh negara. Program ini merupakan satu insentif kewangan yang diberikan kepada majikan yang membuat pengambilan baharu mulai 1 Januari 2022 dalam kalangan perantis, graduan, golongan mudah terjejas termasuk OKU, bekas tentera, bekas banduan, warga emas serta penganggur am. Sehingga **29 Julai 2022** sebanyak **120,237 pencari kerja** telah berjaya ditempatkan melalui pelbagai aktiviti yang dilaksanakan oleh Kementerian melalui PERKESO.
- ii. Sebagai kesinambungan kejayaan **Program Perantisan** pada tahun 2021, JaminKerja-Insentif Penggajian akan meneruskan program ini dengan pemberian insentif RM900 sebulan untuk tempoh enam bulan kepada majikan yang menggajikan golongan perantis lepasan sekolah dan graduan berumur 18 hingga 30 tahun dalam jawatan Eksekutif. Golongan Perantis ini perlu ditawarkan kontrak 6 bulan dengan bayaran gaji pemula berjumlah RM1,500. Berdasarkan statistik, jumlah pekerja yang telah mendapat manfaat daripada **Program Perantisan JaminKerja-Insentif Penggajian** setakat **29 Julai 2022** adalah seramai 5,932 orang.
- iii. Kerajaan turut meluaskan program **Sistem Insuran Pekerjaan- Elaun Mencari Pekerjaan Plus** kepada golongan bukan pencarum bagi membantu mereka dalam usaha mendapatkan pekerjaan baharu. Setakat **29 Julai 2022**, seramai **1,487** pencari kerja **telah diluluskan permohonannya** bagi program ini.
- iv. Selain itu, Kerajaan juga telah meluaskan **Sistem Insuran Pekerjaan- Elaun Mencari Pekerjaan Plus** kepada **pencarum yang tidak layak mendapat Elaun Mencari Pekerjaan SIP**. Sehingga **29 Julai 2022**

pula, seramai **19,234** pencari kerja telah diluluskan permohonannya bagi program ini.

- v. Kerajaan melalui **HRD Corp** telah menubuhkan **Placement Centre** yang berperanan sebagai platform untuk memadankan pekerja dengan peluang pekerjaan yang tersedia oleh majikan. Sehingga **31 Julai 2022**, sebanyak **43,903 peluang pekerjaan tersedia** melalui platform ini di mana lebih **6,000 pekerja telah berjaya** mendapat pekerjaan dalam pelbagai sektor seperti Perkhidmatan, Perkilangan, Borong dan Runcit serta lain-lain lagi. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **60 peratus (3,600 pekerja)** adalah daripada golongan belia dan sebahagian besar mereka memperoleh gaji sebanyak RM2,000 dan ke atas.
- vi. Kerajaan juga telah melancarkan **Inisiatif PENJANA HRDF** dengan memperkenalkan lima skim yang terdiri daripada **Place & Train, B40 Development, SME Development, Industrial Revolution 4.0 dan Gerak Insan Gemilang**. Skim-skim ini diwujudkan dengan tujuan untuk membantu rakyat termasuk golongan belia dan graduan dalam mendapat pekerjaan, pekerjaan sendiri dan menambah serta meningkatkan kemahiran mereka. Setakat **31 Julai 2022**, sebanyak **85,527 pelatih** telah mengikuti skim-skim yang melibatkan penempatan pekerjaan dan pekerjaan sendiri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ROBERT LAWSON CHUAT  
[ BETONG ]**

**TARIKH : 03.08.2022 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK ROBERT LAWSON CHUAT [ BETONG ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian bagi mengetengahkan produk-produk Petunjuk Geografi Malaysia sebagai harta intelek agar setanding dengan produk Petunjuk Geografi luar negara dan bagaimanakah inisiatif ini turut dapat dinikmati oleh usahawan di negeri Sarawak.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Perlindungan terhadap harta intelek Petunjuk Geografi adalah penting terutamanya kepada usahawan-usahawan desa tempatan yang mengeluarkan dan memasarkan produk berasaskan hasil pertanian, produk kraftangan dan makanan. Petunjuk Geografi berkait rapat dengan perkembangan kemajuan ekonomi desa dalam memperkenalkan produk yang berkaitan persekitaran geografi sesuatu tempat misalnya Lada Sarawak, Teh Sabah, Beras Bario, Manga Harumanis Perlis, Beca Berhias, Belacan serta Asam Pedas Melaka. Produk-produk yang dikomersialkan secara meluas akan memberi keuntungan secara langsung kepada pemilik sama ada usahawan individu, syarikat, persatuan pengeluar, koperasi dan lain-lain entiti setempat. Produk-produk Petunjuk Geografi boleh dipasarkan pada harga yang *premium* di

dalam dan luar negara sebagai produk '*ecotourism*' yang boleh menaikkan nama sesuatu tempat dan kawasan geografi bagi tujuan pelancongan.

2. Kementerian melalui MyIPO telah mengambil beberapa langkah proaktif dalam memberikan kesedaran awam melalui program advokasi dan seminar-seminar fizikal serta dalam talian seperti ceramah, taklimat, bengkel dan siri-siri webinar. Hebahan melalui media massa dan media sosial akan kepentingan perlindungan harta intelek khususnya petunjuk geografi turut dijalankan. Pemilik dan pertubuhan yang memiliki produk Petunjuk Geografi yang berpotensi turut dikenalpasti dan diberi khidmat nasihat tentang kepentingan pendaftaran dan perlindungan harta intelek. Sebanyak 106 petunjuk geografi yang telah didaftarkan di Malaysia dan 92 daripadanya merupakan hasil Petunjuk Geografi tempatan. Daripada 92 jumlah Petunjuk Geografi tempatan tersebut, 30 daripadanya merupakan Petunjuk Geografi dari Negeri Sarawak. Usahawan, pengusaha serta komuniti setempat turut menikmati pemberian Dana Pemfailan Harta Intelek (Dana IP 2.0) di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dengan peruntukan kewangan sebanyak RM4,000,000 bagi tempoh 4 tahun bermula tahun 2022 sehingga 2025. Bagi tahun 2022, sebanyak 2 permohonan Petunjuk Geografi di bawah dana ini telah diterima, kedua-duanya di Sarawak iaitu Adan Rice Ba Kelalan (Padi Adan) dan Garam Bukit (Highland Salt) Ba Kelalan.

3. MyIPO melalui pejabat-pejabat cawangannya turut mengadakan kerjasama dengan Kerajaan-kerajaan negeri, Jabatan-jabatan Pertanian, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Koperasi, dan persatuan-persatuan termasuk individu-individu di kawasan geografi yang berpotensi bagi meningkatkan lagi pendaftaran Petunjuk Geografi. Inisiatif berterusan Kementerian ini bertujuan menggalakkan lagi usahawan termasuk di Sarawak untuk bergiat aktif dan meningkatkan pengeluaran produk-produk berasaskan Petunjuk Geografi untuk dikomersial dan dipasarkan ke pasaran global.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN [ SUBANG ]**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN WONG CHEN** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha dan bajet yang sedang digerakkan untuk meningkatkan lagi kadar vaksinasi dalam kalangan kanak-kanak berumur 5 hingga 11 tahun memandangkan kadar semasa kanak-kanak yang lengkap divaksin adalah sangat rendah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Kanak-kanak (PICKids) telah dilancarkan pada 3 Februari 2022, di mana sehingga sehingga 2 Ogos 2022, seramai 1,768,372 atau 49.8% kanak-kanak berusia 5 hingga 11 tahun telah menerima sekurang-kurangnya 1 dos vaksin COVID-19 dan 1,503,204 (42.3%) telah melengkapkan dua dos vaksin COVID-19. Manakala seramai 1,030 kanak-kanak dalam kategori *moderate to severe immunocompromised* berusia 5 hingga 11 tahun telah mendapat dos ketiga bagi melengkapkan vaksinasi primer sebanyak tiga (3) dos.

2. Kesedaran ibubapa terhadap kepentingan pemberian vaksin COVID-19 penting bagi mencegah jangkitan gelombang baru serta melindungi golongan yang tidak layak mendapat imunisasi adalah penting. Usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh KKM bagi meningkatkan kesedaran ibubapa dan masyarakat ialah:



## SOALAN NO. 8

- (i) Memberikan maklumat kepada orang awam melalui media televisyen dan media sosial mengenai jangkitan COVID-19 dalam kalangan kanak-kanak serta komplikasi jangkitan, kepentingan vaksinasi, kaedah mendapat vaksinasi serta kesan sampingan selepas vaksinasi;
  - (ii) Ibubapa digalakkan ibu bapa membawa anak mendapatkan imunisasi COVID-19 di klinik-klinik kesihatan berdekatan rumah mereka, Pusat Pemberian Vaksin atau membuat temujanji melalui MySejahtera;
  - (iii) Menggalakkan ibubapa melengkapkan dua dos vaksinasi COVID-19 anak-anak mereka. Ibubapa yang terlepas peluang mendapatkan dos kedua diminta untuk menghubungi klinik kesihatan berdekatan bagi melengkapkan dos primer anak-anak mereka; dan
  - (iv) Ibubapa yang mempunyai anak dalam kategori 'immunocompromise' sederhana dan teruk digalakkan untuk mendapatkan vaksinasi dos tambahan di hospital atau klinik yang merawat anak mereka.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 Jun 2022, sebanyak **RM267,669,468.00** telah dibelanjakan bagi pembelian vaksin COVID-19 kanak-kanak. Perbelanjaan ini tidak termasuk pembelian peralatan pakai buang, penyumberluaran pemberian vaksin melalui pengamal perubatan swasta yang diselaraskan oleh ProtectHealth Corporation Sdn. Bhd. dan pengoperasian Pusat Pemberian Vaksinasi (PPV).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM  
[BALING]**

**TARIKH : 3.8.2022 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM (BALING)** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah usaha Kementerian membantu melahirkan usahawan Orang Asli dan sejauh manakah bantuan yang diberikan mampu menggalakkan pendapatan mereka.

**JAWAPAN**

Pada tahun 2022, Jabatan Kemajuan Orang Asli telah diperuntukkan sebanyak RM2 juta untuk membantu usahawan perseorangan, perkongsian dan koperasi Orang Asli. Bantuan yang diberikan dalam bentuk geran, kursus, latihan serta program-program untuk usahawan dan koperasi Orang Asli.

Pemberian geran bantuan bimbingan usahawan Orang Asli maksimum berjumlah RM55,000.00 dalam bentuk peralatan dan pembinaan premis perniagaan kepada usahawan Orang Asli. Selain itu, Program Sokongan Pengukuhan Keusahawanan Luar Bandar (SPKLB) juga menyediakan geran berjumlah RM5,000.00 kepada setiap usahawan Orang Asli. Geran yang disediakan berbentuk bantuan premis, peralatan dan modal pusingan.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga tahun 2021, seramai 941 orang usahawan Orang Asli yang telah dibantu oleh pihak Jabatan. Daripada jumlah ini, seramai 629 orang usahawan Orang Asli bergiat aktif dalam perniagaan mereka. Manakala sehingga Mac 2022, seramai 411 usahawan Orang Asli telah berjaya meningkatkan pendapatan mereka sehingga 15% daripada jumlah keseluruhan pendapatan.

Selain daripada itu, Jabatan juga berperanan dalam membantu mempromosikan dan membuat jualan secara berkelompok melalui Program Karnival Usahawan Orang Asli (KUOA). Pada tahun 2022, KUOA telah diadakan di Negeri Perak melibatkan 35 orang usahawan terpilih dari setiap negeri dan hasil jualan selama 3 hari program tersebut berjumlah RM142,720.50, di samping mendapat sambutan yang menggalakkan dan tempahan daripada pihak pemborong.

Apa yang lebih membanggakan, terdapat juga usahawan Orang Asli yang telah berjaya memasarkan produk sehingga ke luar negara. Antaranya usahawan madu kelulut (Selangor), usahawan kayu gaharu (Pahang) dan usahawan perabot serta kraf tangan (Negeri Sembilan). Pihak KPLB dan JAKOA komited untuk terus membangun dan memastikan usahawan-usahawan Orang Asli terus berkembang dan berdaya saing sehingga ke peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN  
AYUB [ PULAI ]**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB [ PULAI ]** minta **MENTERI  
PENGANGKUTAN** menyatakan perincian terhadap projek pembinaan  
stesen Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) di Puncak Alam.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

1. Jajaran ECRL yang melibatkan negeri Selangor iaitu Seksyen C dibahagikan kepada dua (2) iaitu Seksyen C1 dari Mentakab ke ITT Gombak dan Seksyen C2 dari Gombak ke Pelabuhan Klang melalui Serendah. Jajaran ECRL bagi Seksyen C2 adalah sepanjang 74.25 km yang merangkumi empat (4) buah stesen iaitu, Serendah Baru (penumpang & kargo), Puncak Alam (stesen penumpang), Kapar (stesen penumpang) dan Pelabuhan Klang (penumpang & kargo).

2. Seksyen C ini juga telah menjalani pemeriksaan awam dari 23 Ogos 2021 sehingga 23 November 2021 dan telah mendapat kelulusan muktamad Skim Keretapi pada 20 Januari 2022. Pemeriksaan awam ini bertujuan untuk orang awam memberikan ulasan dengan mengemukakan maklumbalas terhadap cadangan jajaran dan stesen ECRL terutamanya di negeri Selangor yang pada masa itu mengenalpasti stesen Puncak Alam dan Kapar adalah stesen masa hadapan. Melalui pemeriksaan awam ini dan beberapa sesi libat urus yang telah dijalankan, maklumbalas daripada orang ramai telah diterima agar stesen Puncak Alam ini perlu dibina sekarang. Pada masa ini, stesen Puncak Alam ini masih di peringkat rekabentuk dan rundingan teknikal bersama dengan agensi-agensi kerajaan negeri Selangor.

3. Cadangan bagi stesen di Puncak Alam ini terletak di Bandar Puncak Alam, di dalam daerah Kuala Selangor. Bandar Puncak Alam merupakan perbandaran pembangunan bercampur yang terdiri daripada pembangunan residensi dan juga komersial. Jangkaan pembangunan disekeliling stesen tersebut terdiri daripada 5 jenis iaitu perumahan, perniagaan, industri, komuniti dan kemudahan rekreasi. Selain itu, ianya juga berdekatan dengan kampus Universiti Teknologi Mara (UITM) Puncak Alam.

5. Tarikh penyiapan bagi Seksyen C2 dari Gombak ke Pelabuhan Klang termasuk stesen Puncak Alam dijangkakan siap pada 31 Disember 2027. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN JUGAH ANAK MUYANG @  
TAMBAT [ LUBOK ANTU]**

**TARIKH JAWAB : 3 OGOS 2022 ( RABU )**

**SOALAN**

**YB TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT [ LUBOK ANTU ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah status untuk balai bomba di Lubok Antu dan untuk pengetahuan ia telah diluluskan pada 2019, bilakah dan mengapa ianya masih belum dilaksanakan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian sentiasa komited dalam memperluaskan capaian perkhidmatan kebombaian bagi memastikan aspek keselamatan dan kesejahteraan rakyat terus terjamin.

Berhubung isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, sukacita saya maklumkan bahawa cadangan pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat Lubok Antu ini sebenarnya belum lagi diluluskan dalam tahun 2019 seperti yang dinyatakan. Kementerian melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) pernah mengenalpasti sebidang tanah Lot 58, Bukit Besi Land seluas 2.5 ekar tetapi permohonan tersebut ditolak oleh Jabatan Tanah dan Survei Bahagian Sri Aman kerana tanah tersebut digunakan untuk keperluan Jabatan Kerja Raya. Kementerian melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah mengenalpasti dan memohon tapak baharu di atas Lot 382, Blok 5, Batang Ai seluas 1.77 hektar bagi membina sebuah balai bomba kategori E di kawasan Yang Berhormat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, permohonan pembinaan balai bomba di kawasan Lubok Antu telah dibuat dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) *Rolling Plan* Ketiga (RP3) Tahun 2023 dan sedang menunggu pertimbangan kelulusan daripada agensi pusat serta bergantung kepada keupayaan peruntukan kewangan semasa. Kita harap permohonan ini diluluskan dan Balai Bomba dan Penyelamat Lubok Antu, Sarawak akan dapat dibina pada tahun 2023.

Pada masa kini, kawasan Lubok Antu mendapat perlindungan kebakaran daripada Pasukan Bomba Sukarela (PBS) Lubok Antu dengan keanggotaan seramai 41 orang ahli yang dilengkapi dengan sebuah

kenderaan bersama peralatan asas pemadaman serta peralatan perlindungan diri yang telah disediakan oleh JBPM Negeri Sarawak.

Bagi mempertingkatkan aspek keselamatan kebakaran di kawasan Lubok Antu, Kementerian melalui JBPM telah dan akan melaksanakan beberapa program seperti berikut:

- (i) memperluaskan **Program Community Emergency Response Team (CERT)** melalui inisiatif Kerajaan Negeri Sarawak yang bertujuan untuk melatih masyarakat tempatan di suatu lokaliti sebagai Pasukan Bertindak Awal (*First Responder*);
- (ii) memperkasakan penubuhan **Bomba Komuniti** di mana kefahaman tentang pencegahan kebakaran, latihan kebombaian dan penyediaan peralatan asas kawalan awal kebakaran seperti alat pemadam api disediakan serta dibekalkan;
- (iii) mempertingkatkan kempen kesedaran keselamatan kebakaran termasuk Program Satu Rumah Satu Alat Pemadam Api (**1RAPI**), Program Sedia Urus Isi Rumah (**SURI**) dan penyediaan alat pengesan asap serta gas (**MyAlert**); dan
- (iv) mempergiatkan **program latihan dan pencegahan** di kawasan-kawasan luar bandar/ pedalaman (*Outreach and Summer Camp*).

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM  
(SUNGAI SIPUT)**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [ SUNGAI SIPUT ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan Skim Khas Pembiayaan Rumah Pekerja Estet (SKRE) Sime Darby, yang telah menyerahkan tanah seluas 4 hektar di Ladang Elphill Sungai Siput sewaktu Kerajaan PH untuk membina 100-unit rumah teres 2 tingkat. Nyatakan status semasa pelaksanaan program tersebut.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pelaksanaan Skim Khas Pembiayaan Rumah Estet (SKRE) telah tamat pada 31 Disember 2020 berikutan berakhirnya Rancangan Malaysia Ke-11. Walau bagaimanapun, Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah memohon kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU) supaya program ini dapat diteruskan melalui Rancangan Malaysia Ke -12 (RMKe-12).

Bagi pembangunan di Ladang Elphill, pihak KSM juga telah mengadakan perbincangan dengan pihak Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) berhubung cadangan pembangunan rumah pekerja estet dapat dilaksanakan melalui Program Rumah Mesra Rakyat (RMR). Melalui program RMR ini, rumah dibina berharga RM75,000.00 dengan keluasan 1,000 kaki persegi dan mempunyai 3 bilik tidur.

Permohonan untuk mendapatkan peruntukan khusus sebanyak RM 35.7 juta bagi melaksanakan program RMR ini telah dihantar kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) dan maklum balas berkenaan permohonan peruntukan tersebut masih belum diperolehi lagi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI [ DUNGUN ]**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD RAMLI** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tindakan jangka masa pendek dan panjang dari pihak Kementerian bagi menggantikan peralatan di hospital yang semakin usang dan daif di seluruh negara pada waktu ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah merancang tindakan jangka masa pendek dan panjang bagi penggantian peralatan secara bersasar dan berperingkat seperti beberapa langkah berikut:

i) Program Replacement Through Maintenance (RTM)

KKM telah memperkenalkan Program *Replacement Through Maintenance* (RTM) sejak tahun 2019 di bawah skop Perjanjian Konsesi Perkhidmatan Sokongan Hospital (PSH). Program RTM ini merupakan kaedah pendekatan terbaharu, pantas dan efektif di mana kerja-kerja penggantian peralatan perubatan yang telah melebihi jangka hayat sebagaimana yang disarankan oleh *American Society for Healthcare Engineering* (ASHE) akan

## SOALAN NO. 13

dilaksanakan oleh syarikat konsesi selaras dengan obligasi penyelenggaraan tanpa melibatkan sebarang implikasi kos penggantian / perolehan kepada pihak Kerajaan. Melalui program RTM, sejumlah 35 peralatan perubatan kritikal telah diganti sehingga tahun 2021 oleh syarikat konsesi dengan jumlah kos projek sebanyak RM267.5 juta. Pada tahun 2022 pula, sejumlah 68 peralatan perubatan pelbagai jenis telah diluluskan oleh KKM untuk penggantian.

ii) Penggantian peralatan secara sewaan atau *leasing*

KKM mula melaksanakan penggantian peralatan secara sewaan atau *leasing* sejak tahun 2020 bagi tempoh sewaan selama 5 tahun dengan peruntukan sebanyak RM19.6 juta. Peralatan yang terlibat adalah 300 unit katil ICU, 33 meja pembedahan am dan ortopedik, 20 unit mesin imbasan x-ray, 8 unit CT-Scan, 8 unit MRI dan 40 unit *power drill* orthopedik. Perancangan bagi memperluaskan kaedah perolehan ini sedang dipertimbangkan oleh KKM. Penggantian secara *leasing* akan mengurangkan beban perbelanjaan kapital pihak Kementerian secara *one-off*. Selain itu, kaedah ini juga akan memastikan peralatan tersebut dalam berkeadaan yang optimum dan mengikut standard yang ditetapkan memandangkan penyelenggaraan peralatan berkenaan akan dilakukan oleh pihak pengeluar. Melalui kaedah ini juga, KKM akan dapat memastikan peralatan perubatan yang digunakan adalah selari dengan perkembangan teknologi terkini.

iii) Penggantian dan pembelian peralatan secara sebutharga atau tender

KKM telah membelanjakan sebanyak RM1,267,663,047.00 dari tahun 2016 sehingga 2021 bagi penggantian peralatan perubatan yang usang dan pembelian peralatan perubatan baharu untuk kegunaan semua hospital dan institusi sedia ada di bawah KKM secara sebut harga atau tender. Bagi tahun 2022 pula, sebanyak RM 67,066,490.00 telah dibelanjakan sehingga Jun 2022.

2. Selain itu, di bawah *Rolling Plan 2*, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP2, RMK-12) tahun 2022, Kementerian telah mendapat kelulusan bagi perolehan empat (4) unit SPEC-CT dan dua (2) unit *Linear Accelerator* (LINAC). Empat (4) unit SPECT-CT tersebut akan dibekalkan kepada Hospital Kuala Lumpur (1 unit), Hospital Wanita dan Kanak-Kanak, Sabah (1 unit) serta Institut Kanser Negara (2 unit) manakala dua (2) unit LINAC pula akan dibekalkan kepada Hospital Sultan Ismail, Johor (1 unit) dan Institut Kanser Negara (1 unit).

3. Bagi memastikan penyampaian kesihatan berada pada tahap yang optimum, di bawah *Rolling Plan 3* (RP3), RMK-12 tahun 2023 pula, Kementerian telah mengemukakan permohonan perolehan satu (1) unit mesin PET-CT di Hospital Wanita Kanak-Kanak, Sabah, serta empat (4) unit mesin CT Scan, masing-masing satu (1) unit di Hospital Kota Marudu dan Hospital Beaufort di Sabah, Hospital Gua Musang di Kelantan serta Hospital Banting di Selangor. Kementerian sangat berharap permohonan ini akan mendapat pertimbangan sewajarnya daripada pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan juga Kementerian Kewangan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN KEEMPAT BELAS,  
TAHUN 2022**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN [ KOTA KINABALU ]**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN CHAN FOONG HIN [ KOTA KINABALU ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pendirian Kerajaan berkenaan program pemutihan pekerja asing tanpa dokumen sah, sedangkan Menteri sendiri menganggap ini sebagai 'idea bodoh'. Adakah Kerajaan bersetuju dengan kenyataan bekas Ketua Menteri Sabah, Harris Salleh bahawa tanpa pekerja-pekerja ini, ekonomi Sabah, terutamanya dalam sektor ladang sawit, akan lumpuh.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Memang tidak dapat dinafikan, kedatangan pekerja asing di negara ini telah membawa perubahan kepada kemajuan negeri Sabah. Pekerja asing memainkan peranan untuk membangunkan sektor-sektor ekonomi utama di negeri Sabah yang memerlukan tenaga buruh yang ramai. Antara sektor yang sangat bergantung kepada tenaga buruh asing ialah perladangan, pertanian, pembinaan, pembalakan, perkilangan yang berorientasikan eksport dan sektor domestik.

Sektor perladangan di negeri Sabah khususnya ladang kelapa sawit, memerlukan ramai tenaga pekerja. Kekurangan tenaga kerja khususnya sektor perladangan ini akan mengakibatkan kerugian yang amat besar kepada pengusaha-pengusaha ladang sawit, ekoran kekurangan pekerja yang sesuai untuk menjalankan aktiviti memotong dan mengutip buah kelapa sawit. Justeru itu, KSM amat prihatin akan isu ini agar ia dapat diselesaikan dengan secepat mungkin sekali gus memudahkan pemain industri untuk merancakkan lagi ekonomi di negara ini.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan telah mengambil maklum mengenai masalah kekurangan pekerja dalam sektor perladangan sawit ini. Oleh itu, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 10 Disember 2021 telah bersetuju membenarkan pengambilan pekerja warga asing dalam sektor yang dibenarkan bagi penggajian pekerja asing. Permohonan telah dibuka pada 28 Januari 2022 lalu untuk pengambilan 32,000 pekerja warga asing dalam sektor perladangan secara pengecualian khas. Manakala, permohonan pekerja asing untuk sektor-sektor lain yang dibenarkan bagi penggajian pekerja asing termasuk sektor perladangan tanpa pengecualian khas dibuka pada 15 Februari 2022.

Sehingga 24 Jun 2022, terdapat 320,199 kuota permohonan pekerja asing dari pelbagai sektor telah dibuat oleh syarikat / majikan. Manakala sejumlah 277,372 daripada kuota permohonan tersebut telah diluluskan. Untuk sektor perladangan sebanyak 45,222 kuota yang telah diluluskan. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE LIMA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS 2022**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG  
(HULU RAJANG)**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG ( HULU RAJANG )** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini pembinaan Ibu Pejabat Balai Polis Pekan Belaga.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Projek Pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Belaga telah diluluskan dibawah Rolling Plan Kedua (RP2), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) tahun 2022 dengan kajian semula kos projek.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [ PERMATANG PAUH ]**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan inisiatif Kementerian meningkatkan ketersediaan penjagaan kesihatan mental dan kebolehcapaian kepada orang ramai, usaha Kementerian meningkatkan keselamatan di kawasan ‘hotspot’ bunuh diri di Malaysia, dan bilakah Daftar Bunuh Diri dan Kecederaan Fatal Kebangsaan (NSFIRM) boleh diakses secara awam.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan sedar tentang kewujudan permasalahan kesihatan mental ekoran pandemik COVID-19. Secara dasarnya, pelaksanaan perkhidmatan kesihatan mental negara adalah berpandukan kepada Pelan Strategik Kesihatan Mental Kebangsaan (2020-2025) yang menggariskan inisiatif seperti promosi kesihatan mental kepada semua lapisan masyarakat, menyediakan perkhidmatan dan capaian kesihatan mental yang komprehensif dan berkualiti, memperkukuhkan kesiapsiagaan perkhidmatan kesihatan mental semasa krisis dan bencana serta meningkatkan usaha kolaborasi bersama agensi-agensi berkepentingan.

2. Sehingga kini, perkhidmatan kesihatan mental boleh didapati di 1,161 klinik kesihatan di seluruh Malaysia yang menyediakan saringan,

rawatan dan kaunseling kepada pesakit. Bagi perkhidmatan di hospital, terdapat 56 hospital berpakar dan 4 institusi mental yang memberi rawatan kepada pesakit mental. Terdapat juga 35 pusat kesihatan mental masyarakat (MENTARI) yang merupakan perluasan perkhidmatan hospital bagi rawatan penyakit mental di peringkat komuniti.

3. Selain dari perkhidmatan sedia ada, Kementerian Kesihatan juga telah mengambil tindakan proaktif bagi memperkukuhkan perkhidmatan kesihatan mental untuk masyarakat termasuk:

a) **Memperluaskan perkhidmatan kaunseling di peringkat kesihatan primer melalui penempatan 200 kaunselor secara kontrak (CFS).**

Kaunselor kontrak ini telah ditempatkan di 138 Pejabat Kesihatan Daerah bagi memberikan perkhidmatan secara berjadual di 831 klinik kesihatan di seluruh negara. Kerajaan juga telah memberi kelulusan bagi pelanjutan perkhidmatan 200 kaunselor kontrak ini sehingga 3 Ogos 2023. Selain itu, terdapat juga Badan Bukan Kerajaan yang berperanan dalam menyampaikan perkhidmatan kaunseling dan sokongan psikososial di peringkat komuniti.

b) **Perkhidmatan Talian Bantuan Sokongan Psikososial**

Perkhidmatan Talian Bantuan Sokongan Psikososial ini dijalankan di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah bagi memberi bantuan sokongan emosi dan psikososial kepada mereka yang terkesan. Sehingga 30 Jun 2022, jumlah panggilan yang diterima adalah sebanyak 306,524 di mana 72.4% panggilan yang diterima memerlukan sokongan emosi dan kaunseling.

c) **Memperkukuhkan program sokongan kesihatan mental dan psikososial di peringkat komuniti.**

Program Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial atau *Mental Health Psychosocial Support (MHPSS)* bertujuan membantu memberi sokongan emosi kepada masyarakat umum. Pasukan MHPSS yang terdiri daripada pakar-pakar perubatan (kesihatan awam, psikiatri, perubatan

keluarga), pegawai perubatan, pegawai psikologi kaunseling (kaunselor), pegawai psikologi klinikal, paramedik, memberikan perkhidmatan saringan, bantuan awal psikologi (*PFA* atau *Psychological First Aid*), psikopendidikan, tele-psikososial dan telekaunseling kepada orang awam dan petugas barisan hadapan yang memerlukan.

**d) Implementasi kempen *Let's TALK* Minda Sihat merentas agensi.**

Kempen ini merupakan kolaborasi pintar (*smart partnership*) bersama agensi-agensi kerajaan, bukan kerajaan dan NGO dalam usaha mempertingkatkan kesedaran kesihatan mental secara meluas bagi mengatasi stigma terhadap kesihatan mental dalam kalangan masyarakat.

**e) Pemerkasaan komuniti setempat dalam usaha mengendalikan isu permasalahan kesihatan mental dan tingkah laku bunuh diri secara bersepadu.**

Bagi tujuan ini, ketua-ketua masyarakat setempat dan sukarelawan turut diberi latihan untuk mengenalpasti masalah kesihatan mental serta memberi bantuan sokongan kepada ahli masyarakat yang memerlukan bantuan.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Kementerian Kesihatan akan terus meningkatkan usaha bagi memastikan kesihatan mental rakyat. Bagi meningkatkan kebolehcapaian perkhidmatan kesihatan mental kepada masyarakat, Kementerian Kesihatan juga merancang untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan mental melalui platform digital. Perkhidmatan ini membolehkan masyarakat mendapat akses terhadap perkhidmatan seperti tele-kaunseling secara atas talian. Perkhidmatan ini seiring dengan arus semasa yang bertujuan untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan mental.

5. Inisiatif Kementerian Kesihatan seterusnya bagi memastikan kesejahteraan mental masyarakat adalah melalui penubuhan Pusat

Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan (*National Centre of Excellence for Mental Health – NCEMH*) yang dijangka dapat dilaksanakan dalam masa yang terdekat. Diharapkan penubuhan pusat ini dapat mengurangkan jurang perkhidmatan kesihatan mental serta meningkatkan mutu perkhidmatan kesihatan mental negara melalui pelaksanaan aktiviti, promosi, pencegahan dan intervensi yang bertujuan untuk meningkatkan literasi, mengurangkan stigma serta meningkatkan kebolehcapaian perkhidmatan kesihatan mental.

6. Kementerian Kesihatan sentiasa komited bagi memastikan segala usaha dilakukan bagi mengekang berlakunya kejadian bunuh diri. KKM telah mengambil tindakan untuk mengukuhkan peranan secara bersepadu pelbagai agensi di dalam menangani permasalahan kesihatan mental dan seterusnya membendung tingkah laku bunuh diri dalam kalangan rakyat Malaysia. Antara inisiatif yang dilaksanakan termasuklah meningkatkan keselamatan di kawasan ‘*hotspot*’ bunuh diri.

7. Antara inisiatif terkini yang berjaya dilakukan adalah kerjasama baik di antara KKM dan juga Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah melaksanakan usaha bagi pemasangan jaring keselamatan bagi mengelak kejadian bunuh diri dan menghalang tindakan cubaan bunuh diri di atas Jambatan Pulau Pinang.

8. Kementerian Kesihatan bersedia bekerjasama dengan agensi penguatkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan juga Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bagi mengurangkan kadar risiko tingkah laku bunuh diri.

9. Pembangunan *National Suicide and Fatal Injury Registry Malaysia* (NSFIRM) juga akan membolehkan statistik terperinci dan tepat berkaitan kejadian bunuh diri dan kecederaan fatal diperolehi, yang mana ia akan membantu memperkukuhkan usaha pembangunan polisi dan program pencegahan tingkah laku bunuh diri. Projek ini kini sedang dalam peringkat pembangunan dan dijangka akan siap pada akhir tahun 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN  
(PONTIAN)**

**TARIKH : 3.8.2022 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN (PONTIAN)** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan usaha-usaha mengurangkan kos hidup rakyat di desa serta menjadikan kawasan desa yang tidak produktif sebagai gedung makanan negara dan usaha-usaha bagi mengurangkan penghijrahan anak muda ke kawasan kota.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah mengambil beberapa pendekatan untuk meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar untuk menangani peningkatan kos sara hidup. Antara program yang telah dilaksanakan untuk meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar adalah Program Peningkatan Pendapatan dengan peruntukan sebanyak RM10 juta dengan sasaran peserta seramai 700 orang, Aktiviti Ekonomi Tambahan dengan peruntukan RM33.77 juta dengan sasaran peserta seramai 3,377 orang dan Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya dengan peruntukan RM10 juta dengan sasaran peserta seramai 1,200 orang.

Selain itu, terdapat pelbagai program keusahawanan luar bandar keusahawanan luar bandar yang dilaksanakan oleh KPLB dan agensi-agensi di bawah KPLB untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup penduduk luar bandar. Program-program ekonomi ini juga diharapkan dapat menggalakkan belia untuk kekal di kawasan luar bandar dengan mewujudkan peluang pekerjaan dan penjana pendapatan yang lebih konsisten.

Dalam masa yang sama, KPLB melalui Lembaga Kemajuan Wilayah, Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan FELCRA menjalankan beberapa program pertanian dan penternakan di kawasan luar bandar yang bertujuan untuk meningkatkan jaminan keselamatan makanan negara. Antara program yang dilaksanakan adalah pengeluaran ayam dan lembu pedaging, projek akuakultur serta tanaman cili, jagung, pisang dan sayuran.

Terdapat perancangan di masa hadapan untuk meningkatkan lagi aktiviti pertanian dan penternakan bagi memperkukuh peranan luar bandar sebagai hab keselamatan negara selaras dengan objektif di bawah Teras Ekonomi, Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED  
FADZIL  
[ LEMBAH PANTAI ]**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD FAHMI BIN MOHAMED FADZIL [ LEMBAH PANTAI ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah strategi dan langkah-langkah Kerajaan bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas di Lembah Klang amnya dan di Kuala Lumpur khususnya.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

1. Kementerian Pengangkutan sentiasa komited untuk memperkasa pengangkutan awam sebagai salah satu langkah bagi mengatasi kesesakan lalu lintas khususnya di Lembah Klang.

2. Jumlah bas yang beroperasi secara purata di Lembah Klang adalah sebanyak 867 bas dengan rangkaian perkhidmatan merangkumi jalan-jalan utama di semua koridor. Manakala sebanyak lebih 20 ribu teksi dan lebih 50 ribu kenderaan e-*Hailing* sedang aktif memberikan perkhidmatan batuan pertama dan terakhir (*1st – last mile*) setakat Jun 2022 di Lembah Klang.

3. Kerajaan juga telah menjalankan projek-projek bagi meluaskan liputan rangkaian rel bandar sebagai salah satu langkah untuk meningkatkan perkongsian mod (*mode share*) pengangkutan awam. Projek MRT Putrajaya (MRT2) yang menghubungkan Sungai Buloh – Serdang - Putrajaya sejauh 56.4km dan terdiri daripada 36 buah stesen (tidak termasuk 4 stesen *provisional*). dijangka siap sepenuhnya menjelang Januari 2023. Fasa 1 MRT Laluan Putrajaya sepanjang 17.8km iaitu dari Stesen Kwasa Damansara ke Kampung Batu telah pun memulakan operasi pada 16 Jun 2022. Jajaran Fasa 1 ini yang melibatkan 12 buah stesen akan memberikan perkhidmatan kepada kawasan-kawasan yang berkepadatan tinggi seperti Sungai Buloh, Damansara Damai dan Sri Damansara di Petaling Jaya, serta Kepong, Jinjang dan Kampung Batu di Kuala Lumpur;

4. Menerusi projek MRT3 ataupun MRT Laluan Lingkaran pula, jajaran yang dicadangkan adalah sepanjang 51.3km dan termasuk 2 depoh dan 33 stesen (termasuk 2 stesen *provisional*). 10 stesen adalah merupakan stesen pertukaran yang menyambungkan MRT3 dengan stesen-stesen yang sedia ada termasuk KTM, LRT, Monorail, MRT Laluan Kajang dan MRT Laluan Putrajaya. Sepanjang 10.7km daripada jajaran MRT3 adalah jajaran bawah tanah manakala 40.1km lagi merupakan jajaran ternaik (*elevated*) dan projek dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2030.



5. Projek LRT3 sejauh 37.8 km pula dijangka siap sepenuhnya menjelang Februari 2024.

6. Selain itu, Kerajaan telah memperkenalkan inisiatif langganan Pas Bulanan Tanpa Had iaitu MY100 dan MY50 bagi semua perkhidmatan rel dan bas di bawah kendalian syarikat Prasarana Malaysia Berhad. Dengan hanya membayar RM100 bagi MY100 atau RM50 bagi MY50, pengguna rel dan bas boleh menikmati perjalanan tanpa had selama sebulan. Bermula 1 Januari 2021, Kerajaan telah memperkenalkan inisiatif MyRail5 khusus bagi perkhidmatan KTM Komuter termasuk di sektor Lembah Klang untuk pelajar sekolah Tahun 1 sehingga Tingkatan 6 dan golongan orang kurang upaya (OKU) kendalian Keretapi Tanah Melayu Berhad sebagai sebahagian usaha untuk meningkatkan penggunaan pengangkutan awam.

7. Kementerian Pengangkutan akan terus bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk menyediakan lebih banyak laluan khas kenderaan pengangkutan awam bagi memastikan kelancaran perjalanan.

8. Selain itu, cadangan waktu bekerja fleksi juga dapat membantu mengurangkan isu kesesakan jalan raya selain kajian untuk mengenakan caj kesesakan di bawah Akta 715 bagi menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS  
[ JERANTUT ]**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [ JERANTUT ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha Kementerian untuk menggalakkan pemaju hartanah menyerap kenaikan kos dan tidak mengalihkan kos kepada pembeli bagi mengekang kenaikan harga jualan hartanah negara serta perancangan Kementerian untuk menggalakkan pemilikan rumah dalam kalangan rakyat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Lanjutan daripada kelembapan ekonomi akibat kesan pandemik COVID-19 menyebabkan berlakunya peningkatan harga bahan binaan utama. Peningkatan ketara melibatkan bahan keratan keluli dan logam serta besi iaitu sebanyak 13.16% dan 19%. Peningkatan harga bahan binaan ini telah menjejaskan kelancaran pembinaan projek-projek perumahan termasuk Program Perumahan Rakyat (PPR) yang diselia oleh kementerian ini. Perkara ini juga turut dibincangkan dalam Mesyuarat Majlis Perumahan Mampu Milik Negara (MPMMN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 10 Februari 2022.

Bagi mendepani isu ini, salah satu cadangan penyelesaian yang konstruktif bagi projek Kerajaan adalah melalui pindaan Pelaksanaan Syarat Perubahan Harga (Variation of Price; VOP) di dalam Kontrak Kerja di bawah Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PK 2.4) yang akan berkuat kuasa pada 18 Julai 2022. Kebenaran perubahan harga ini bertujuan untuk memastikan projek Kerajaan tidak akan terjejas dan dapat disiapkan mengikut jadual.

KPKT melalui Panel Berkepakaran (Panel of Experts, POE) yang dianggotai 25 ahli panel yang terdiri dalam kalangan tokoh perkhidmatan awam/korporat, pemain industri, ahli akademik, wakil media, dan Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) telah mengadakan satu sesi Jawatankuasa Kerja Teknikal (Technical Working Group - TWG) POE pada 5-7 Julai 2022. POE akan membentuk kerangka strategi bagi menyelesaikan isu-isu perumahan berteraskan konsep 5K iaitu Ketersediaan (availability), Kemampuan (affordability), Kemudahan pembiayaan (accessibility), Kualiti (quality) dan Kediaman berdaya huni (liveability)

KPKT juga akan memperkenalkan Indeks Harga Rumah Mampu Milik berdasarkan lokaliti. Indeks ini akan dijadikan sebagai panduan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan pemaju perumahan swasta untuk membangunkan perumahan mengikut kemampuan pembeli. Indeks ini akan dipaparkan melalui Dashboard Maklumat Rumah Mampu Milik untuk memudahkan penyedia perumahan di peringkat Persekutuan, Negeri dan pemaju swasta serta rakyat untuk melihat maklumat rumah mampu milik yang dinamik di bawah program KPKT.

KPKT juga telah mengambil tindakan seperti berikut untuk meningkatkan aksesibiliti perumahan oleh rakyat:

- (i) melaksanakan Program Pemilikan Rumah atau *Home Ownership Programme* (HOPE) iaitu bagi melihat ekosistem keseluruhan perumahan menerusi 4 komponen utama iaitu penyediaan perumahan, pembiayaan, promosi dan polisi;
- (ii) Di bawah HOPE, KPKT memperkenalkan Inisiatif Pembiayaan Perumahan Malaysia (i-Biaya) seperti Skim Rumah Pertamaku (SRP) di bawah Cagamas Berhad, Skim Jaminan Kredit Perumahan di bawah Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad (SJKP) dan Rent-to-Own (RTO) PR1MA dengan kerjasama institusi kewangan yang terpilih agar dapat menarik minat pembeli khususnya golongan B40 dan M40 untuk memudahkan pembiayaan bagi memiliki rumah; dan
- (iii) program Karnival Jom Beli Rumah di bawah HOPE akan diperluaskan ke seluruh negara untuk menguar-uarkan bekalan rumah mampu milik sedia ada serta meningkatkan pemilikan rumah di kalangan rakyat.

Seterusnya bagi mendukung Program HOPE ini, YAB Perdana Menteri semasa Majlis Pelancaran HOPE dan KJBR pada 15 Julai 2022

## SOALAN NO: 19

telah mengumumkan Inisiatif Pemilikan Perumahan Keluarga Malaysia atau i-MILIKI yang melibatkan pemberian insentif pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman bagi pembelian rumah pertama secara peringkat atau tier harga rumah iaitu:

Pertama: Bagi rumah berharga RM500,000 dan ke bawah, insentif pengecualian duti setem adalah sebanyak 100 peratus; dan

Kedua: Bagi rumah berharga melebihi RM500,000 sehingga RM1 juta, insentif pengecualian sebanyak 50 peratus.

Pengecualian ini adalah bagi perjanjian jual beli yang disempurnakan dalam tempoh mulai 1 Jun 2022 sehingga Disember 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT]**

**TARIKH : 3 OGOS 2022**

**SOALAN**

**TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapa ramai pekerja mahir *skill workers* dari Malaysia yang bekerja di luar negara dan mengapa langkah-langkah *entice* tidak diambil oleh Kerajaan untuk mencipta peluang pekerjaan kepada mereka.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Berdasarkan kepada Laporan Bank Dunia yang bertajuk "Malaysia Economic Monitor" pada 2011, dianggarkan diaspora Malaysia pada 2010 adalah seramai satu juta orang di mana satu per tiga daripadanya adalah bakat berkemahiran tinggi. Bakat-bakat berkemahiran tinggi ini merangkumi professional dan usahawan dalam sektor-sektor utama seperti sektor perbankan, pembinaan, kejuruteraan, perubatan, perundangan, perkhidmatan teknologi komunikasi dan maklumat, pendidikan serta penyelidikan.

Bagi menggalakkan bakat-bakat berkemahiran tinggi tersebut pulang ke Malaysia, Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui TalentCorp telah melaksanakan Program Kepulangan Pakar (REP) sejak tahun 2011 lagi. Sehingga kini, REP telah menerima lebih daripada 10,000 permohonan daripada golongan profesional Malaysia atau diaspora yang menetap di luar negara untuk kembali ke tanah air dengan purata permohonan adalah konsisten di antara 400 ke 500 setahun. Daripada jumlah ini lebih 6,000 orang pakar telah diluluskan di bawah inisiatif ini.

KSM melalui TalentCorp berusaha keras untuk memudahcara kepulangan mereka ke tanah air. Satu struktur yang strategik yang sedang dibangunkan adalah MyHeart untuk merealisasikan aspirasi ini. Pembangunan inisiatif ini adalah berdasarkan kepada hasil dapatan kaji selidik yang telah dilaksanakan dalam kalangan diaspora Malaysia pada awal 2021 di mana 92 peratus daripada diaspora bersedia untuk menyumbang kepada negara dalam pelbagai kapasiti, manakala 85 peratus lagi bersedia untuk kembali ke Malaysia.

Melangkau program REP, pelaksanaan MyHeart ini akan turut merangkumi pelbagai usaha untuk memudahcara diaspora Malaysia yang merangkumi peluang pekerjaan, pendidikan untuk anak-anak, peluang untuk berkolaborasi dengan institusi tempatan, usaha mudahcara permit masuk pasangan dan anak-anak bukan warga negara, maklumat pasaran kerja dan sebagainya. Sebagai permulaan kepada pelaksanaan MyHeart, TalentCorp telah melaksanakan MyHeart-REP Career and Facilitation Fair (MyHeart CaFe) selama sebulan bermula daripada 1 hingga 27 Jun 2022.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM  
[ SERIAN ]**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM [ SERIAN ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk meminda Akta Kerja 1955 bagi membolehkan pekerja mencarum dan menikmati faedah-faedah PERKESO setelah mereka menjangkau usia 60 tahun seperti yang ada sekarang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Tiada keperluan untuk meminda Akta Kerja 1955 bagi tujuan mewajibkan pekerja mencarum di bawah Akta-akta yang ditadbir urus oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO). Seksyen 24 Akta Kerja 1955 memperuntukkan potongan-potongan sah yang boleh dibuat oleh majikan termasuklah potongan bagi caruman PERKESO.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG  
[ ISKANDAR PUTERI ]**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN LIM KIT SIANG [ ISKANDAR PUTERI ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan rancangan Kementerian untuk memastikan pembinaan rumah dalam masa yang akan datang akan mengambil kira aspek kesediaan untuk berhadapan dengan bencana alam seperti banjir, hakisan tanah dan gempa bumi.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Terima kasih atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat terhadap perancangan perumahan yang berisiko. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa (PLANMalaysia) telah menyediakan Garis Panduan Perancangan Perumahan sebagai panduan perancangan fizikal kepada agensi Persekutuan, Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, agensi awam, agensi swasta dan badan bukan kerajaan dalam merancang, membangunkan dan mereka bentuk pembinaan perumahan.

Garis panduan ini turut memberi fokus kepada Kawalan dan Panduan Umum Perancangan Tapak. Dengan yang demikian, perancangan pemajuan perumahan dipohon atau diberi kelulusan perlu memenuhi beberapa aspek perancangan seperti kesesuaian tapak, aksesibiliti, pemeliharaan topografi, orientasi dan sebagainya yang perlu diambil kira oleh Pihak berkuasa perancang tempatan (PBPT) dan dipatuhi oleh pemaju. Kawalan perancangan tapak adalah penting bagi memastikan perumahan dibangunkan secara terancang dan tidak memberi kesan negatif kepada alam sekitar dan kesejahteraan sosial setempat. Pembangunan perumahan tidak dibenarkan di kawasan berisiko bencana alam dan kawasan sensitif alam sekitar seperti kawasan banjir, lembah, kawasan paya (*wetland*), kawasan tanah runtuh, tanah lombong yang tidak stabil dan kawasan-kawasan yang telah disahkan sebagai kawasan tidak selamat berdasarkan kajian siasatan tanah oleh jurutera bertauliah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE LIMA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS 2022**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD TARMIZI B. SULAIMAN (SIK)**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**YTUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN ( SIK )** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kesediaan Kerajaan Malaysia berikutan tindakan Kerajaan Thailand membenarkan tanaman dan penggunaan ganja di negara tersebut dan kesan serta impak besar terhadap penyeludupan dadah ke negara ini terutamanya di kawasan sempadan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Kedudukan Malaysia yang strategik di rantau Asia Pasifik yang menghubungkan Timur dan Barat telah menyebabkan negara ini menjadi pilihan utama sindiket pengedaran dadah antarabangsa untuk dijadikan 'negara transit dadah'.

Polis Diraja Malaysia khususnya Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik sentiasa bersedia dalam menangani masalah ganja melalui penguatkuasaan undang-undang dadah dan kawalan sempadan negara dengan lebih ketat melalui pelaksanaan OPS Benteng. Selain itu, agensi penguatkuasaan lain seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia turut bersama memperketatkan kawalan sempadan Negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR  
(SETIU)**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR (SETIU)** minta  
**MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status terkini  
naik taraf LRA Bukit Kemudu dan LRA Sungai Tong 2 di Setiu.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Menaiktaraf Loji Rawatan Air (LRA) Bukit Kemudu dan LRA Sungai Tong 2 di Setiu telah diluluskan di bawah RP2 RMK12 tahun 2022 dengan kos keseluruhan masing-masing berjumlah RM7.0 juta dan RM6.5 juta. Projek ini melibatkan skop naik taraf LRA sedia ada termasuk muka sau, loji rawatan, tangki, sistem perpaipan dan kerja lain berkaitan bagi meningkatkan bekalan air kepada kawasan liputan luar bandar.

Pihak Kementerian bersama Syarikat Air Terengganu (SATU) dan Jabatan Bekalan Air (JBA) Terengganu telah melaksanakan lawatan serta siasatan tapak bagi pelaksanaan projek ini. Projek adalah dalam proses pelantikan perunding reka bentuk di mana perunding perlu mengemukakan perincian reka bentuk bagi kelulusan pihak SATU dan SPAN sebelum projek dilaksanakan. Projek dijangka boleh ditender pada tahun 2023 dan tempoh pelaksanaan dianggarkan mengambil masa 12-18 bulan bagi penyiapan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL  
(MAS GADING)**

**TARIKH : 3.8.2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN MORDI BIMOL (MAS GADING)** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah yang terjadi kepada peruntukan RM27.92 juta yang diluluskan pada Bajet 2019 untuk Projek Jambatan Selampit memandangkan pelaksanaanya masih sangkut di peringkat Majlis Perlaksanaan Negeri (SPA).

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, Projek Jambatan Selampit, Bau, Sarawak telah diluluskan di bawah *Rolling Plan* Kedua, Rancangan Malaysia Sebelas (RP2, RMKe-11) Tahun 2017 dengan siling peruntukan sebanyak RM27.9 juta. Bagaimanapun, kelulusan bagi permohonan pertapakan masih lagi belum diluluskan oleh pihak Majlis Perancang Negeri (SPA) Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan bagi projek ini masih kekal berjumlah RM27.9 juta dan hanya sebahagian kecil sahaja peruntukan telah dibelanjakan untuk tujuan bayaran kerja-kerja awalan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT  
NAWI (TUMPAT)**

**TARIKH : 3 OGOS 2022**

**SOALAN**

**DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI [ TUMPAT ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan projek-projek pembinaan rumah mampu milik di negeri Kelantan yang sedang atau bakal diusahakan oleh pihak Kementerian dalam masa terdekat ini.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah siap membina 6 projek PPR dengan jumlah 3,268 unit di negeri Kelantan yang merangkumi PPR Gua Musang, PPR Kota Bharu, PPR Machang, PPR Pasir Mas, PPR Gual Ipoh dan PPR Batang Merbau. KPKT juga sedang membina PPR Ayer Lanas, Jeli yang melibatkan pembinaan 150 unit teres satu tingkat yang dijangka siap pada tahun 2023.

Di samping itu, Kementerian juga telah mencadangkan dua (2) projek baru untuk tahun 2023 (di bawah Rolling Plan 3, Rancangan Malaysia ke-12) di negeri Kelantan, iaitu PPR Bachok dan PPR Rantau Panjang. Namun, kelulusan projek tersebut bergantung kepada kedudukan dan keupayaan kewangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID  
[ KAPAR ]**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [ KAPAR ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan komitmen tindakan penguatkuasaan undang-undang terhadap barangan bersubsidi hanya boleh dinikmati oleh golongan sasaran dan warganegara sahaja.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan serius dan komited dalam melaksanakan tindakan penguatkuasaan undang-undang terhadap barangan subsidi kerana adalah menjadi kesalahan barangan subsidi dinikmati oleh pihak yang tidak sepatutnya. Antara pematuhan dan penguatkuasaan yang telah diambil oleh pihak kementerian adalah seperti pemeriksaan dan pengauditan di setiap peringkat rantai pengedaran minyak masak melalui aktiviti semakan *Pre-Delivery Plan*, menjalankan pemeriksaan pematuhan permit ke atas peniaga-peniaga kecil dan pengusaha restoran, membuat risikan ke atas pengilang, pembungkus, pemborong dan peruncit dengan sasaran terpilih yang disyaki menyeleweng minyak masak bersubsidi termasuk risikan ke negara jiran, menetapkan had pembelian minyak masak polibeg sebanyak 3 paket, mempertingkatkan kerjasama dengan agensi-agensi

penguatkuasaan di sempadan seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) dan mengadakan publisiti yang meluas melalui media arus perdana dan media sosial bagi mempertingkatkan kesedaran serta mewujudkan kegerunan di kalangan peniaga.

Kerajaan juga menyeru agar pihak pengguna berperanan menjadi mata dan telinga ke atas sebarang salah laku dengan menyalurkan aduan rasmi mengikut saluran yang telah disediakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WILSON UGAK ANAK  
KUMBONG [ HULU RAJANG ]**

**TARIKH JAWAB : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**YB Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [ Hulu Rajang ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status cadangan pembinaan balai bomba di Pekan Sungai Asap Belaga.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sentiasa berusaha untuk memastikan khidmat kebombaannya terus diperkasa dan diperluas kepada seluruh masyarakat terutamanya melibatkan kawasan-kawasan di luar capaian *response time*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah pun diperuntukkan satu tapak tanah di Lot 980, Blok 26, Punan *Land District* dengan keluasan 1.028 hektar bagi tujuan pembinaan balai bomba kategori E di kawasan Sungai Asap.

Pada masa yang sama juga, pihak Kementerian telah membuat permohonan projek pembinaan balai tersebut dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) *Rolling Plan* Ketiga (RP3) Tahun 2023. Walaubagaimanapun, pembinaan BBP Sg. Asap ini bergantung kepada kelulusan serta peruntukan kewangan semasa agensi pusat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kawasan Sungai Asap kini mendapat perlindungan kebakaran daripada Pasukan Bomba Sukarela (PBS) Uma Daro Liling dengan kekuatan anggota seramai 27 orang ahli yang dilengkapi dengan sebuah kenderaan bomba sukarela Proton Arena bersama peralatan asas bagi kerja-kerja pemadaman.

Dalam mempertingkatkan aspek keselamatan kebakaran di kawasan Sg. Asap, Kementerian melalui JBPM telah merancang untuk memperluaskan penubuhan Bomba Komuniti dimana kefahaman tentang pencegahan kebakaran, latihan kebombaannya dan penyediaan peralatan asas kawalan awal kebakaran seperti alat pemadam api disediakan serta dibekalkan.

Selain daripada itu, pelaksanaan kempen kesedaran keselamatan kebakaran akan terus dipergiat melalui program Satu Rumah Satu Alat pemadam Api (1RAPI), Sedia Urus Isi Rumah (SURI) dan penyediaan alat pengesan asap serta gas (*MyAlert*). Kementerian melalui JBPM juga akan terus memantapkan hubungan kerjasama dengan pihak kerajaan negeri, syarikat swasta dan *Non-Government Organizations* (NGO) melalui program *Corporate Social Responsibility* (CSR) dalam mengadakan latihan dan pencegahan di kawasan-kawasan rumah panjang atau pedalaman (*Outreach* dan *Summer Camp*).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE LIMA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS 2022**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN LEOW HSIAD HUI (HULU SELANGOR)**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI ( HULU SELANGOR )** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah permohonan kewarganegaraan yang telah diterima, diluluskan dan ditolak berdasarkan artikel 15(1) untuk tempoh 5 tahun (2018-2022) dan bagi anak-anak yang telah diberikan status warganegara Malaysia, apakah kewarganegaraan asal mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), sejumlah 6,373 permohonan kewarganegaraan telah diterima di bawah Perkara 15(1) Perlembagaan Persekutuan dari 2018 sehingga Jun 2022. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,239 permohonan telah diluluskan, 4,735 permohonan sedang diproses dan 64 permohonan telah ditolak.

Kewarganegaraan seseorang individu adalah ditentukan berdasarkan kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa kandung individu berkenaan sewaktu kelahiran berlaku selaras dengan peruntukan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuatkuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, pengangkatan, kesahtarafan anak, dan peraturan imigresen.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI MOHD. SALIM SHARIF  
(JEMPOL)**

**TARIKH : 3.8.2022 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK SERI HAJI MOHD. SALIM SHARIF (JEMPOL)** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan perancangan untuk memastikan murid-murid yang memasuki Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) benar-benar layak setelah pemansuhan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3).

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

MARA menetapkan kelayakan bagi kemasukan ke Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) adalah berdasarkan penilaian Ujian Kecenderungan Kemasukan MRSM (UKKM). Semua pelajar yang memohon wajib menduduki UKKM dan perlu mencapai merit tertinggi sebagai syarat utama penawaran kemasukan ke MRSM.

Untuk makluman Yang Berhormat, UKKM merupakan satu ujian berkomputer yang mengandungi lima (5) instrumen penilaian iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains, Matematik dan Keperibadian.

Instrumen yang dipraktikkan oleh MARA ini berjaya memastikan hanya pelajar yang benar-benar layak sahaja yang ditawarkan kemasukan ke MRSM walaupun setelah pemansuhan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh mana peningkatan gaji minimum ke paras RM1500 membantu rakyat dalam usaha pemulihan ekonomi negara selepas pandemik COVID-19. Berapa ramai yang tersingkir dari pekerjaan akibat kenaikan gaji minimum ke RM1500 dan apakah bacaan indeks pengangguran untuk 2016 hingga 2022.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kerajaan amat prihatin terhadap cabaran yang dihadapi oleh rakyat akibat pandemik COVID-19. Pelaksanaan gaji minimum di Malaysia adalah selari dengan konsep 'Keluarga Malaysia' yang menggariskan tiga teras utama iaitu Keterangkuman (*inclusivity*), Kebersamaan (*common ground*) dan Kesyukuran (*contentment*). Peningkatan kadar gaji minimum daripada RM1,200 kepada RM1,500 sebulan dijangka dapat membantu pemulihan ekonomi negara melalui:

- (i) peningkatan kuasa beli pekerja. Ini secara tidak langsung akan memberi suntikan kepada ekonomi domestik dan memberi semula pulangan manfaat kepada majikan;



## SOALAN NO : 32

- (ii) peningkatan sumbangan pampasan pekerja terhadap Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 40% menjelang tahun 2025 dan 48% menjelang tahun 2030 melalui Wawasan Kemakmuran Bersama. Dalam masa yang sama, sasaran gaji dan upah penengah bulanan sebanyak RM2,900 dijangka akan dapat dicapai menjelang tahun 2025;
- (iii) peningkatan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk simpanan hari tua dan selepas persaraan serta caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) pekerja bagi memastikan jaminan keselamatan sosial kepada pekerja dan waris sekiranya pekerja ditimpa kemalangan; dan
- (iv) peningkatan kadar bayaran kerja lebih masa (*overtime*) kepada pekerja dapat meningkatkan motivasi pekerja dan produktiviti syarikat.

Tuan Yang Di Pertua,

Semenjak Perintah gaji minimum baru dari RM1200 kepada RM1500 yang mula dikuatkuasakan mulai 1 Mei 2022, JTK masih belum menerima sebarang laporan tentang pemberhentian pekerja kerana majikan tidak mampu untuk membayar gaji minimum RM1500 kepada pekerja mereka.

Namun begitu JTK telah menerima sebanyak 157 pada Bulan Jun 2022 aduan tentang kegagalan majikan membayar gaji minimum kepada pekerja mereka. Dari jumlah tersebut sebanyak 118 aduan didapati benar. Majikan telah dinasihatkan supaya mematuhi Perintah Gaji Minimum yang baru ini. Sekiranya majikan gagal berbuat demikian, kertas siasatan untuk tujuan pendakwaan akan dibuka.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB  
[ TANJONG MANIS ]**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tentang status terkini pembinaan klinik kesihatan di Kampung Semop di Pulau Bruit dan nyatakan tahap kesiapsiagaan dan kelengkapan hospital dan klinik-klinik kesihatan yang lain di Parlimen Tanjung Manis untuk menghadapi penularan wabak penyakit berjangkit.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak telah melantik kontraktor projek ini dan kerja-kerja pembinaan telah dimulakan pada 4 Oktober 2021 dengan tarikh jangka siap pada 3 April 2023. Sehingga 30 Jun 2022, kemajuan fizikal projek telah mencapai 24.00%.
2. Bagi kesiapsiagaan menghadapi penularan wabak penyakit berjangkit, kesemua klinik kesihatan di Parlimen Tanjung Manis mempunyai perancangan yang sistematik. Semua kes positif COVID-19 akan dirujuk kepada Pusat Penilaian COVID-19 iaitu di KK Tanjung Manis bagi Daerah Tanjung Manis dan KK Daro bagi Daerah Daro (untuk klinik-klinik kesihatan di Pulau Bruit). Perkhidmatan yang diberikan adalah termasuk rawatan, pemantauan setiap kes dan rujukan ke hospital jika perlu. Aktiviti pengesanan kontak, kawalan dan pencegahan turut

dijalankan oleh pasukan dari Pejabat Kesihatan Daerah Tanjong Manis dan Pejabat Kesihatan Daerah Daro.

3. Selain itu, terdapat dua (2) hospital di Parlimen Tanjong Manis iaitu Hospital Sarikei dan Hospital Mukah. Kedua-dua hospital ini merupakan Hospital *Hybrid* COVID-19. Hospital Sarikei merupakan sebuah Hospital Pakar Minor berkapasiti 212 katil telah mengkhaskan 64 katil sebagai katil COVID-19 manakala Hospital Mukah yang merupakan sebuah Hospital Tanpa Pakar berkapasiti 80 katil telah mengkhaskan 14 katil sebagai katil COVID-19. Pada masa ini, penggunaan katil COVID-19 di kedua-dua hospital tersebut berada pada 0%.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE LIMA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS 2022**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH  
(LEDANG)**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH ( LEDANG )** minta **MENTERI  
DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) bilangan tahanan di Pusat Tahanan Imigresen atau Depot Imigresen di semua negeri mengikut pecahan warganegara pada tahun 2021 dan 2022.  
; dan
- (b) statistik kematian dalam tahanan di depot imigresen mengikut pecahan warganegara bagi tahun 2021 dan 2022.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 12 Julai 2022, terdapat 17,703 orang PATI ditahan di semua depot imigresen seluruh negara yang terdiri daripada 12,722 orang lelaki, 3,217 orang wanita, 996 orang kanak-kanak lelaki dan 768 orang kanak-kanak perempuan. Warganegara Filipina merupakan tahanan paling ramai iaitu 7,022 orang (39.67%), diikuti warganegara Indonesia seramai 4,625 orang (26.13%) dan warganegara Myanmar seramai 1,390 orang (7.85%).

Bagi tempoh 2021 sehingga 12 Julai 2022, terdapat 247 kematian melibatkan 217 orang tahanan lelaki, 26 orang tahanan wanita dan 4 orang tahanan kanak-kanak lelaki. Antara punca kematian yang dikenal pasti oleh pihak hospital adalah berpunca daripada jangkitan *COVID-19*, *Tuberculosis*, sakit jantung, sakit buah pinggang, kanser dan jangkitan paru-paru (*Pneumonia*).

Bagi tempoh yang sama, kematian tertinggi melibatkan warganegara Filipina sebanyak 140 kematian direkodkan. Manakala, kematian kedua tertinggi melibatkan warganegara Indonesia sebanyak 55 (39.28%) kematian, diikuti warganegara Myanmar dan Bangladesh masing-masing sebanyak 20 dan 8 kematian. Kematian melibatkan warganegara Vietnam pula sebanyak 9 kematian (3.71%) daripada jumlah keseluruhan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI HAJI IDRIS BIN JUSOH  
[ BESUT ]**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TAN SRI HAJI IDRIS BIN JUSOH** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tindakan pihak Kementerian dalam membolehkan penanaman hemp dilaksanakan bagi tujuan penyelidikan perubatan dan farmaseutikal.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan kepada tafsiran “cannabis” yang diperuntukkan di bawah Akta Dadah Berbahaya 1952, hemp adalah kanabis. Oleh itu, kawalan ke atas hemp adalah sama seperti kawalan ke atas kanabis. Buat masa ini, penanaman kanabis tidak dibenarkan di Malaysia sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta tersebut.
2. Walaupun penanaman kanabis bagi tujuan penyelidikan perubatan tidak dapat dilaksanakan di Malaysia, Akta Dadah Berbahaya 1952 dan dua (2) Akta lain iaitu Akta Racun 1952 dan Akta Jualan Dadah 1952 tidak menghalang pengimportan dan penggunaan keluaran (ubat) yang mengandungi ekstrak kanabis bagi tujuan penyelidikan perubatan atau percubaan klinikal tertakluk kepada pematuhan kepada undang-undang tersebut.

3. Setakat ini tiada penyelidikan atau percubaan klinikal yang sedang dijalankan ke atas keluaran yang mengandungi ekstrak kanabis bagi tujuan perubatan di Malaysia. Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) amat mengalu-alukan permohonan untuk menjalankan penyelidikan atau percubaan klinikal ke atas keluaran mengandungi ekstrak kanabis bagi apa-apa tujuan pengubatan di Malaysia.

4. KKM mengambil perhatian terhadap keperluan untuk menyemak semula dasar kawalan kanabis terutamanya penanaman bagi tujuan perubatan termasuklah penyelidikan perubatan. Selaras dengan pendirian ini dan keputusan Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 13 April 2022, KKM telah menubuhkan Jawatankuasa Induk Pembangunan Industri Kanabis dan Ketum Bagi Tujuan Perubatan bagi mengenal pasti potensi penggunaan kanabis dan ketum untuk tujuan perubatan dan mesyuarat pertama Jawatankuasa ini telah diadakan pada 25 Julai 2022.

5. Jawatankuasa ini yang dipengerusikan oleh YB Menteri Kesihatan dengan keanggotaannya terdiri daripada semua kementerian dan agensi berkaitan termasuklah Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia bertanggungjawab untuk mengkaji serta merangka hala tuju pembangunan industri kanabis dan ketum bagi tujuan perubatan.

6. Jawatankuasa ini akan mendapatkan pandangan pakar berhubung penggunaan kanabis untuk tujuan perubatan terutamanya daripada aspek keselamatan dan KKM akan menyediakan kerangka bagi pendaftaran keluaran mengandungi ekstrak kanabis untuk tujuan tersebut. Kerangka ini dijangka akan siap penyediaannya pada akhir tahun ini untuk digunakan sebagai panduan dalam penilaian dan pertimbangan permohonan pendaftaran keluaran mengandungi ekstrak kanabis untuk tujuan rawatan perubatan di negara ini.

7. Dalam pada itu, sekiranya terdapat pihak yang mempunyai bukti saintifik yang mencukupi untuk menggunakan keluaran (ubat) yang mengandungi ekstrak kanabis bagi tujuan perubatan, pihak berkenaan

## **SOALAN NO. 35**

boleh mengemukakan permohonan pendaftaran keluaran tersebut kepada Pihak Berkuasa Kawalan Dadah dan seterusnya untuk dipasarkan di Malaysia.

8. KKM ingin menekankan bahawa Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Racun 1952 dan Akta Jualan Dadah 1952 yang mengawal selia penggunaan ekstrak kanabis bagi tujuan perubatan tidak menghalang pengimportan, penjualan, pembekalan atau pengilangan keluaran mengandungi ekstrak kanabis bagi tujuan penyelidikan atau percubaan klinikal selagi mana aktiviti tersebut dilakukan dengan mematuhi undang-undang.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT]**

**TARIKH : 3 OGOS 2022**

**SOALAN**

**TUAN M. KULASEGARAN [IPOH BARAT]** minta **MENTERI SUMBER  
MANUSIA** menyatakan

- (a) Jumlah pekerja asing yang telah dipohon oleh majikan dan berapa ramai di antara mereka yang diluluskan dengan mengikut negara masing-masing pada tahun 2020 sehingga tahun 2022; dan
- (b) Jumlah pembantu rumah Indonesia yang bekerja di Malaysia sejak menandatangani MOU.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 20 April 2022 telah bersetuju supaya fungsi *One Stop Center*, Kementerian Dalam Negeri dipindahkan kepada Kementerian Sumber Manusia sebagai Kementerian yang menggubal dasar pengambilan pekerja warga asing. Pengambilan pekerja asing telah dibuka bermula 15 Februari 2022 menerusi platform *Foreign Workers Centralized Management System* (FWCMS).

Sebelum ini, Kerajaan telah menetapkan tempoh moratorium kemasukan pekerja asing mulai bulan Mac 2020 sehingga April 2022 dan dalam tempoh ini, kemasukan pekerja asing masih di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri.

Adalah dimaklumkan bahawa permohonan pekerja asing yang dibuat oleh majikan adalah **tidak berdasarkan kepada kewarganegaraan pekerja tetapi permohonan adalah berdasarkan kepada pekerja asing daripada 15 negara sumber**. Kelulusan yang diberikan oleh Kementerian Sumber manusia untuk kuota pekerja asing adalah berdasarkan kepada sektor pekerjaan yang dibenarkan bagi penggajian pekerja asing. **Kelulusan kuota tidak berdasarkan kepada kewarganegaraan pekerja asing.**

Sehingga 22 Julai 2022, sebanyak **440,198 permohonan kuota pekerja asing telah diterima** daripada syarikat atau majikan dan daripada jumlah ini, sebanyak **330,223 permohonan kuota telah diluluskan**.

Mengenai Pekhidmat Domestik Indonesia, seramai 8 orang telah tiba di Malaysia setakat ini dan jumlah kemasukan dijangka meningkat selepas integrasi antara sistem Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Kedutaan Besar Republik Indonesia (KBRI) bagi pengambilan PDI dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ANYI NGAU [ BARAM ]**

**TARIKH : 03.08.2022 (RABU)**

**SOALAN**

Tuan Anyi Ngau [ Baram ] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan tindakan pihak Kementerian agar bekalan serta harga barangan seperti minyak masak, beras dan bahan api adalah sentiasa terkawal sepanjang masa di kawasan-kawasan pedalaman seperti Baram. Nyatakan keberkesanan tindakan tersebut.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian sentiasa prihatin terhadap bekalan serta harga barangan seperti minyak masak, beras dan bahan api sentiasa terkawal sama ada di kawasan bandar atau luar bandar termasuk kawasan-kawasan pedalaman seperti di Baram. Antara usaha-usaha Kementerian untuk mengawal kenaikan harga makanan dan keperluan harian adalah di seperti berikut:

1. Kementerian melalui Pegawai Penguat Kuasa dan Pegawai Pemantau Harga telah melaksanakan pemeriksaan dan pemantauan berterusan secara harian untuk memastikan keberadaan bekalan dan kestabilan harga makanan di pasaran.
2. Melaksanakan penguatkuasaan tegas di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 iaitu:
  - i. Penguatkuasaan terhadap pencatutan atau pengambilan untung secara tidak munasabah oleh peniaga di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) 2018 yang mula berkuatkuasa sejak 6 Jun 2018;
  - ii. Pemantauan dan penguatkuasaan yang lebih agresif meliputi seluruh rantai pengedaran barangan dan perkhidmatan di seluruh negara di bawah Ops Catut, Ops Rantai dan Ops Pasar. Operasi ini telah menggerakkan semua anggota penguatkuasa Kementerian seluruh negara bagi membendung isu kenaikan harga barangan di pasaran;
  - iii. Pengeluaran Notis bertulis di bawah Seksyen 21 AKHAP 2011 ke atas mana-mana pihak yang didapati menaikkan harga secara mendadak dan ketara untuk mendapatkan maklum balas dan penjelasan secara bertulis mengenai kenaikan harga bagi menentukan berlakunya elemen pencatutan; dan
  - iv. Mengadakan program libat urus untuk memberi penjelasan, khidmat nasihat dan kerjasama bersama peniaga dalam

memahami dan mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan;

3. Melaksanakan kawalan harga ke atas barang-barang tertentu walaupun bukan pada musim perayaan seperti Gula, Tepung Gandum Kegunaan Am, Minyak Masak Sawit Tulen, Minyak Diesel/ Petrol Ron 95, Ayam dan Telur Ayam.
4. Melaksanakan langkah kolaborasi bersama agensi Kerajaan yang berkaitan seperti Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MAFI) untuk memastikan bekalan mencukupi dan ditawarkan pada harga yang munasabah di bawah Majlis Tindakan Sara Hidup Negara.
5. Meningkatkan keberadaan (*omnipresence*) pegawai-pegawai penguatkuasa di lokasi yang menjadi tumpuan pengguna bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang selamat dan beretika.
6. Menyediakan pelbagai medium penyaluran aduan bagi memudahkan rakyat mengemukakan aduan berkaitan isu pencatutan untuk diambil tindakan oleh Kementerian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE LIMA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS 2022**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' RAMLI BIN DATO' MOHD NOR  
(CAMERON HIGHLANDS)**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' RAMLI BIN DATO' MOHD NOR ( CAMERON HIGHLANDS )** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah yang dilakukan oleh pihak Kementerian dalam memperkukuh lagi depot tahanan Imigresen di seluruh negara supaya kejadian seperti tahanan yang terlepas daripada depot tahanan Imigresen tidak berlaku lagi.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Imigresen Malaysia komited dalam memastikan kebajikan dan keselamatan semua tahanan depot imigresen terpelihara. Antara langkah-langkah yang diambil termasuklah:

- (i) menyediakan perkhidmatan kesihatan percuma melalui penempatan penolong pegawai perubatan Gred U29/32 di depot-depot Imigresen sementara;
- (ii) penyediaan makanan berkhasiat sebanyak empat kali sehari mengikut spesifikasi yang diluluskan oleh Bahagian Pemakanan, Kementerian Kesihatan Malaysia; dan
- (iii) menaiktaraf infrastruktur blok tahanan dari masa ke semasa agar tahap keselamatan sentiasa terjamin dan menyediakan fasiliti untuk blok wanita dan kanak-kanak serta menjalankan aktiviti pembelajaran asas serta aktiviti riadah ringan.

Manakala bagi memastikan kejadian seperti tahanan yang terlepas daripada depot tahanan Imigresen tidak berulang, JIM telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) meningkatkan ciri-ciri keselamatan di depot imigresen dengan pemasangan pagar *anti-climb* dan pagar kawat besi;
- (ii) meningkatkan kawalan keselamatan dengan bantuan anggota RELA; dan
- (iii) mempergiat aktiviti pengusiran tahanan ke negara asal.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN  
[ROMPIN]**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN [ ROMPIN ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pada tahap manakah keyakinan Kerajaan dalam merealisasikan perlaksanaan gaji minimum RM1,500 dan apakah solusi Kerajaan dalam menangani majikan yang menentang kenaikan gaji minimum ini atas alasan menjejaskan pemulihan perniagaan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kerajaan telahewartakan Perintah Gaji Minimum 2022 (PGM 2022) pada 27 April 2022 di mana tiada klausa pengecualian terhadap mana-mana majikan dalam pelaksanaan PGM 2022.

Kerajaan yakin pelaksanaan gaji minimum dapat dilaksanakan berdasarkan indikator ekonomi yang semakin pulih seperti yang tercatat pada bulan Mei tahun ini. Peningkatan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) terus berkembang 5.0% bagi suku tahun pertama berbanding 3.6% pada suku tahun sebelumnya. Malah, kadar pengangguran juga menurun kepada 3.9%, di bawah 4.0% buat kali pertama sejak pandemik COVID-19. Pemulihan pasaran buruh pada bulan Mei 2022 terus stabil sejajar dengan pengoperasian penuh semua aktiviti ekonomi.

Keadaan ini telah merangsang lebih banyak permintaan untuk barangan dan perkhidmatan, seterusnya membuka peluang kepada perniagaan untuk memulihkan perniagaan dan pendapatan mereka. Pasaran buruh juga didapati berkembang susulan peningkatan



## SOALAN NO : 41

permintaan dan penawaran buruh dalam pasaran untuk menampung keperluan aktiviti ekonomi yang semakin rancak. Kerajaan percaya pemulihan ekonomi Malaysia kekal utuh bagi menjayakan pelaksanaan Perintah Gaji Minum 2022.

Aktiviti penguatkuasaan terhadap pelaksanaan PGM 2022 giat dijalankan oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak berpandukan Akta Majlis Perundangan Gaji Negara 2011 [Akta 732]. Untuk melaksanakan PGM 2022, majikan akan diberi khidmat nasihat untuk mematuhi. Majikan yang didapati bersalah kerana tidak membayar gaji minimum kepada pekerja boleh dikenakan penalti mengikut kategori kesalahan yang dilakukan. Sehubungan itu, semua majikan diminta mematuhi pelaksanaan gaji minimum baharu ini.

Tuan Yang Di Pertua,

Mana-mana majikan yang enggan mematuhi perintah gaji Minimum 2022 akan diambil tindakan perundangan. Bagi tahun 2022 sehingga 30 Jun 2022 sebanyak 34 kertas siasatan untuk tujuan pendakwaan telah dibuka, Dari jumlah tersebut sebanyak 14 keizinan pendakwaan telah diterima dan 7 telah selesai pendakwaan oleh Jabatan Tenaga Kerja seluruh negara bagi kesalahan di bawah Perintah Gaji Minimum 2020. Namun begitu bagi kesalahan di bawah Perintah Gaji Minimum 2022, masih belum ada tindakan pendakwaan diambil oleh pihak JTK kerana perintah ini mula dikuatkuasa pada 1 Mei 2022 dan pembayaran gaji bulan Mei mula diterima oleh para pekerja pada awal Jun.

Untuk makluman Dewan yang mulia mana-mana majikan yang disabitkan kesalahan denda maksimum sebanyak RM10,000 boleh dikenakan bagi setiap seorang pekerja yang majikan gagal membayar gaji minimum.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
[ SELAYANG ]**

**TARIKH JAWAB : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [ SELAYANG ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan:-

- (a) bilangan kes Pengawal Perumahan mengetepikan keperluan pemaju untuk menyampaikan pemilikan kosong hartanah bersama dengan hakmilik strata; dan
- (b) sebab-sebab pengecualian tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- a) Berdasarkan permohonan daripada pihak pemaju perumahan yang diterima dari tahun 2017 sehingga Julai 2022, Jabatan telah menerima sebanyak 638 permohonan untuk membenarkan berimilikan kosong kepada pembeli bagi hakmilik strata yang belum dikeluarkan dan dipindah hakmilik. Daripada jumlah tersebut sebanyak 488 permohonan adalah permohonan kali pertama manakala baki 150 permohonan adalah

permohonan lanjutan. Perincian permohonan yang diluluskan adalah seperti berikut:

	Permohonan	
Tahun	Pertama	Lanjutan
2017	8	2
2018	43	13
2019	124	19
2020	122	46
2021	127	49
2022	64	21
<b>JUMLAH</b>	<b>488</b>	<b>150</b>

b) Apabila Pemaju tidak dapat menyerahkan pemilikan kosong Petak tersebut mengikut cara yang dinyatakan dalam fasal 27(1)(b), dimana hak milik strata berasingan yang berhubungan dengan Petak tersebut tidak dapat dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Yang Berkenaan iaitu **Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)** dan **Pejabat Tanah Dan Galian (PTG)**, menurut fasal 28(1) “Walau apa pun perenggan 27(1)(b), sekiranya hakmilik strata berasingan Petak tersebut tidak dikeluarkan atas apa jua sebab yang bukan disebabkan oleh Pemaju, maka Pemaju boleh memohon kepada Pengawal suatu perakuan bertulis untuk menyerahkan pemilikan kosong Petak tersebut dalam tempoh masa yang dinyatakan bagi penyerahan pemilikan kosong di bawah subfasal 25(1) dan mengikut cara yang dinyatakan di bawah fasal 27. Ini bagi membolehkan pembeli menerima pemilikan rumah dalam tempoh yang ditetapkan dalam perjanjian jual beli.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN  
HAJI NASARAH [ LENGGONG ]**

**TARIKH JAWAB : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK SERI DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [LENGGONG]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian telah mengadakan perbincangan dengan pihak Bank Negara Malaysia dan pemegang taruh bagi mengkaji semula sistem pinjaman perumahan sedia ada agar suatu mekanisme pinjaman yang lebih mudah dan tidak membebankan dapat disediakan bagi memudahkan urusan pemilikan kediaman pertama golongan B40 dan M40.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengadakan Mesyuarat Majlis Perumahan Mampu Milik Negara (MPMMN) Bilangan 1 Tahun 2022 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 10 Februari 2022. Isu pembiayaan dan pemilikan perumahan telah dibincangkan pada mesyuarat tersebut dan MPMMN berpandangan Bank Negara Malaysia (BNM) sebagai badan kawal selia institusi kewangan dan perbankan, perlu memainkan peranan untuk membantu pemilikan rumah dalam kalangan B40 dan M40.

Bagi meningkatkan aksesibiliti perumahan oleh rakyat, KPKT telah mengambil tindakan seperti berikut:

- (i) melaksanakan Program Pemilikan Kediaman atau *Home Ownership Programme* (HOPE) bagi melihat ekosistem keseluruhan perumahan menerusi 4 komponen utama iaitu penyediaan perumahan, pembiayaan, promosi dan polisi;
- (ii) Di bawah HOPE, KPKT memperkenalkan **Inisiatif Pembiayaan Perumahan Malaysia atau i-Biaya** seperti Skim Rumah Pertamaku (SRP) di bawah Cagamas Berhad, Skim Jaminan Kredit Perumahan di bawah Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad (SJKP) dan Rent-to-Own (RTO) PR1MA dengan kerjasama institusi kewangan yang terpilih agar dapat menarik minat pembeli khususnya golongan B40 dan M40 untuk memudahkan pembiayaan bagi memiliki rumah. Pencapaian skim-skim tersebut sehingga kini adalah seperti berikut:
  - a. **Skim Rumah Pertamaku (SRP) di bawah Cagamas Berhad.**  
SRP membolehkan individu berumur 40 tahun dan ke bawah memperoleh nisbah pinjaman kepada nilai (*loan-to-value*,

LTV) sehingga 110% untuk membeli hartanah yang berharga sehingga RM500,000. Ini membolehkan peminjam memiliki rumah tanpa perlu membayar wang muka. Skim ini dijamin oleh Cagamas Berhad, yang akan menanggung sebarang kerugian untuk pembiayaan dengan nisbah LTV melebihi paras 90%. Berdasarkan data yang dilaporkan sehingga 30 Mei 2022, sebanyak 73,839 pinjaman pembiayaan telah diluluskan di bawah SRP yang ditawarkan oleh Cagamas SRP Berhad. 91% (67,400) pemohon yang berjaya terdiri dalam julat umur 35 tahun ke bawah. Terdapat peningkatan pembiayaan sebanyak 27% (2,755) pada bulan Mei 2022 berbanding April 2022.

**b. Skim Jaminan Kredit Perumahan oleh Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad (SJKP)**

Skim ini membolehkan individu memperoleh pembiayaan sehingga 100% daripada institusi kewangan kepada mereka yang berpendapatan dan tidak tetap untuk membeli hartanah yang berharga sehingga RM300,000. SJKP ditawarkan menerusi bank – bank terpilih oleh Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad. Sejak i-Biaya dilancarkan iaitu pada 14 April 2022, sebanyak 637 permohonan pembiayaan perumahan telah diluluskan menerusi SJKP bermula 15 April 2022 sehingga 30 Jun 2022. 68.8% (438 orang) pemohon berjaya terdiri dalam julat umur 35 tahun ke bawah.

- (iii) seterusnya bagi mendukung Program HOPE ini, YAB Perdana Menteri semasa Majlis Pelancaran HOPE dan KJBR pada 15 Julai 2022 telah mengumumkan **Inisiatif Pemilikan Perumahan Keluarga Malaysia atau i-MILIKI** yang melibatkan pemberian insentif pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman bagi pembelian rumah pertama secara peringkat atau tier harga rumah iaitu:

**Pertama:** Bagi rumah berharga RM500,000 dan ke bawah, insentif pengecualian duti setem adalah sebanyak 100 peratus; dan

**Kedua:** Bagi rumah berharga melebihi RM500,000 sehingga RM1 juta, insentif pengecualian sebanyak 50 peratus.

Pengecualian ini adalah bagi perjanjian jual beli yang disempurnakan dalam tempoh mulai 1 Jun 2022 sehingga Disember 2023.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan maklumat yang diperoleh dari Bank Negara Malaysia (BNM), bank-bank terus menyokong pemilikan rumah di Malaysia dengan lebih RM60 bilion telah disalurkan kepada pembeli rumah kali pertama pada tahun 2021. Daripada jumlah tersebut, dua pertiga daripada pinjaman baharu yang diluluskan adalah untuk segmen pasaran besar-besaran (*mass-market segment*), atau dengan kata lain, rumah berharga RM500,000 dan ke bawah.

Pelbagai jenis skim pembiayaan disediakan dengan kerjasama Kerajaan atau oleh institusi kewangan sendiri untuk membantu pembeli rumah yang layak, terutamanya pembeli rumah kali pertama, belia atau segmen berpendapatan rendah. Pihak institusi kewangan giat membangunkan inisiatif yang sesuai bagi memudahkan pemilikan rumah untuk kumpulan B40, seperti pinjaman untuk membina rumah di atas tanah sendiri, berkolaborasi dengan Kerajaan Negeri dan/atau pemaju perumahan dalam menyediakan produk pembiayaan bersesuaian untuk golongan berpendapatan rendah, serta meneroka penggunaan dana sosial (contohnya bantuan zakat bagi menampung sebahagian kos membina rumah) sebagai salah satu penyelesaian pembiayaan rumah mampu milik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE LIMA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS 2022**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN  
(SEGAMBUT)**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN ( SEGAMBUT )** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status program MM2H, peserta yang keluar daripada program ini akibat perubahan syarat, jumlah kehilangan hasil Kerajaan dalam setahun berbanding sebelum perubahan syarat.



**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) yang diaktifkan semula pada Oktober 2021 telah mendapat sambutan yang menggalakkan. Bermula 16 September 2021 hingga Jun 2022, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) telah menerima sebanyak 267 permohonan baharu untuk menyertai Program MM2H. Sehingga kini terdapat seramai 53,356 pemegang pas Program MM2H dan Program *Silver Hair* yang masih aktif.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat jua, mulai September 2021 hingga Jun 2022 terdapat seramai 1,461 orang peserta telah mengemukakan permohonan untuk menarik diri dari menyertai Program MM2H. Kementerian Dalam Negeri menolak dakwaan penarikan diri disebabkan oleh syarat baharu kerana peserta MM2H sedia ada tidak tertakluk kepada syarat-syarat baharu kecuali berkaitan tempoh pas baharu, fi proses dan bayaran untuk fi pas RM500 yang akan dikenakan kepada peserta selepas tempoh pas sedia ada tamat.

Antara faktor-faktor penarikan diri para peserta ini adalah disebabkan oleh ketidakmampuan peserta untuk memberikan komitmen kepada program, alasan peribadi serta kesan pandemik COVID-19 yang telah menjejaskan tahap ekonomi peserta.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE LIMA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS 2022**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIM CHEE KEONG (BUKIT MERTA JAM)**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN SIM CHEE KEONG ( BUKIT MERTA JAM )** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status siasatan dan pendakwaan terhadap anak seorang Ahli Parlimen Barisan Nasional yang menyalah guna kemudahan pengiring polis trafik di Pulau Pinang seperti yang dilaporkan di media pada 7 Mei 2022.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Polis Pulau Pinang telah membuka Kertas Siasatan Tatatertib (KST) ke atas dua anggota trafik kerana mengiringi individu dipercayai anak lelaki kepada Ahli Parlimen Barisan Nasional menggunakan motosikal Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Jalan Bukit Gambir, Georgetown. PDRM juga telah menjalankan siasatan terperinci berhubung kejadian itu setelah rakaman video berdurasi 20 saat tular di media sosial sejak 7 Mei 2022 (Sabtu). Dua anggota trafik tersebut telah diambil tindakan di bawah Peraturan 36 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [ JERAJ ]**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN SABRI BIN AZIT** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tahap keberkesanan atau kesan sampingan ubat Paxlovid bagi menangani penyakit COVID-19.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Produk Paxlovid (Bahan aktif: Nirmatrelvir 150mg Tablet + Ritonavir 100mg Tablet) telah diberikan kelulusan pendaftaran secara bersyarat oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) melalui mesyuarat kali ke-370 pada 3 Mac 2022.
2. Bagi menyokong permohonan pendaftaran produk tersebut, data kajian klinikal *Evaluation of Protease Inhibition for COVID-19 in High Risk Patients* (EPIC-HR) telah dikemukakan kepada Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) dimana subjek kajian adalah merupakan orang dewasa berumur 18 tahun dan ke atas yang tidak memerlukan terapi oksigen serta berisiko tinggi untuk mendapat simptom COVID-19 yang teruk (severe). Keputusan kajian klinikal tersebut menunjukkan bahawa tahap keberkesanan produk Paxlovid adalah 88.9% (di administrasi dalam tempoh 3 hari setelah mendapat simptom COVID-19) dan 87.8% (di administrasi dalam tempoh 5 hari setelah mendapat simptom COVID-

## SOALAN NO. 49

19) dalam mengurangi risiko kadar kemasukan ke hospital atau kematian berbanding dengan *placebo* (tanpa rawatan).

3. Berdasarkan data kajian klinikal yang sama, penggunaan produk Paxlovid tidak menunjukkan sebarang kesan sampingan yang serius berbanding *placebo*. Kesan sampingan dengan kekerapan yang sedikit tinggi berbanding *placebo*:

- a) Cirit-birit (3.9% bagi Paxlovid, 1.9% bagi *placebo*)
- b) Muntah-muntah (1.3% bagi Paxlovid, 0.3% bagi *placebo*)
- c) *Dysgeusia* (perubahan deria rasa) (4.8% bagi Paxlovid, 0.1% bagi *placebo*).

4. Oleh itu, berdasarkan data keselamatan dalam kajian tersebut, dirumuskan bahawa manfaat Paxlovid adalah melebihi risiko untuk rawatan COVID-19. Kesan-kesan sampingan ini juga ada dinyatakan dalam sisip bungkusan produk untuk makluman kepada pegawai perubatan dan pesakit.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @  
YUSRE BIN MOHD AKIN [HANG TUAH  
JAYA]**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK SERI SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan dapatan kajian terkini serta pendirian Kementerian berhubung cadangan untuk mengoptimumkan potensi tumbuhan kanabis, hemp dan juga ketum bagi tujuan perubatan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengalu-alukan dan menyokong sepenuhnya sebarang inisiatif untuk menjalankan kajian, penyelidikan atau percubaan klinikal ke atas apa-apa keluaran yang mengandungi ekstrak kanabis atau ketum (mitragynine) bagi tujuan perubatan di Malaysia tertakluk kepada pematuhan undang-undang yang mengawal selainya iaitu Akta Dadah Berbahaya 1952, Akta Racun 1952 dan Akta Jualan Dadah 1952.

2. KKM mengambil perhatian terhadap keperluan untuk menyemak semula dasar kawalan kanabis terutamanya penanaman bagi tujuan perubatan termasuklah penyelidikan perubatan. Selaras dengan pendirian ini dan keputusan Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada

13 April 2022, KKM telah menubuhkan Jawatankuasa Induk Pembangunan Industri Kanabis dan Ketum Bagi Tujuan Perubatan bagi mengenal pasti potensi penggunaan kanabis dan ketum untuk tujuan perubatan dan mesyuarat pertama Jawatankuasa ini telah diadakan pada 25 Julai 2022.

3. Jawatankuasa ini yang dipengerusikan oleh YB Menteri Kesihatan dengan keanggotaannya terdiri daripada semua kementerian dan agensi berkaitan termasuklah Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Sehubungan dapatan kajian penggunaan kanabis dan ketum bagi tujuan perubatan masih dalam kajian dan penelitian Jawatankuasa Induk ini.

4. Jawatankuasa ini akan mendapatkan pandangan pakar berhubung penggunaan kanabis untuk tujuan perubatan terutamanya daripada aspek keselamatan dan KKM akan menyediakan kerangka bagi pendaftaran keluaran mengandungi ekstrak kanabis untuk tujuan tersebut. Kerangka ini dijangka akan siap penyediaannya pada akhir tahun ini untuk digunakan sebagai panduan dalam penilaian dan pertimbangan permohonan pendaftaran keluaran mengandungi ekstrak kanabis untuk tujuan rawatan perubatan di negara ini.

5. Namun begitu, KKM ingin juga memaklumkan bahawa satu Kertas Makluman Cadangan Kawalan Ketum disediakan oleh Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Berhubung Tanaman Ketum (JTUU) yang diterajui oleh KKM akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Bertindak Penguatkuasaan Undang-Undang (JPU) yang antara lain mengandungi cadangan kawalan ketum.

6. Oleh itu, hala tuju pembangunan industri kanabis dan ketum terutamanya penanaman kanabis dan ketum bagi tujuan perubatan di Malaysia adalah bergantung kepada keputusan Jemaah Menteri terhadap hasil dapatan Jawatankuasa Induk Pembangunan Industri Kanabis Dan Ketum Bagi Tujuan Perubatan dan JPU dengan mengambil kira aspek perundangan, sosiobudaya, kesihatan, ekonomi, hukum syarak dan sebagainya.

7. Dalam pada itu, sekiranya terdapat pihak yang mempunyai bukti saintifik yang mencukupi untuk menggunakan keluaran (ubat) yang mengandungi ekstrak kanabis atau ketum (mitragynine) bagi tujuan perubatan, pihak berkenaan boleh mengemukakan permohonan pendaftaran keluaran tersebut kepada Pihak Berkuasa Kawalan Dadah dan seterusnya untuk dipasarkan di Malaysia.

8. KKM ingin menekankan bahawa Akta Dadah Berbahaya 1952 dan dua (2) Akta lain iaitu Akta Racun 1952 dan Akta Jualan Dadah 1952 yang mengawal selia penggunaan ekstrak kanabis atau ketum (mitragynine) bagi tujuan perubatan tidak menghalang kajian, penyelidikan atau percubaan klinik untuk dijalankan ke atas apa-apa keluaran mengandungi ekstrak kanabis atau ketum (mitragynine) selagi mana pengimportan, penjualan, pembekalan atau pengilangan keluaran tersebut dilakukan dengan mematuhi undang-undang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN  
YAAKUB [ MACHANG ]**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK HAJI AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB [ MACHANG ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk meneruskan House Ownership Campaign (HOC) berikutan laporan jualan hartanah yang kembali lembab pada suku pertama 2022 kerana berakhirnya kempen tersebut. Dan apakah langkah Kementerian dalam membendung kenaikan harga hartanah yang dijangka akan naik sebanyak 11 peratus berikutan kenaikan kos pembinaan sekitar 19 peratus pada tahun ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kempen HOC yang bermula sejak Januari 2019 telah ditamatkan pada 31 Disember 2021. Sehingga kini, kempen ini telah melibatkan 117,538 unit rumah dengan nilai jualan berjumlah RM92.5 bilion dan melibatkan diskaun jualan sebanyak RM15.8 bilion. Penyerahan dokumen masih lagi berjalan hanya untuk perjanjian jual beli (SPA) sehingga 31 Disember 2021 sahaja. Namun begitu,



kempen ini masih diteruskan bagi pembelian rumah pertama bernilai sehingga RM500,000 sehingga 31 Disember 2025.

KPKT telah melaksanakan Program Pemilikan Kediaman atau Home Ownership Programme (HOPE) bagi melihat ekosistem keseluruhan perumahan menerusi 4 komponen utama iaitu penyediaan perumahan, pembiayaan, promosi dan polisi. Seterusnya bagi mendukung Program HOPE ini, YAB Perdana Menteri semasa Majlis Pelancaran HOPE dan KJBR pada 15 Julai 2022 telah mengumumkan **Inisiatif Pemilikan Perumahan Keluarga Malaysia atau i-MILIKI** yang melibatkan pemberian insentif pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman bagi pembelian rumah pertama secara peringkat atau tier harga rumah iaitu:

**Pertama:** Bagi rumah berharga RM500,000 dan ke bawah, insentif pengecualian duti setem adalah sebanyak 100 peratus; dan

**Kedua:** Bagi rumah berharga melebihi RM500,000 sehingga RM1 juta, insentif pengecualian sebanyak 50 peratus.

Pengecualian ini adalah bagi perjanjian jual beli yang disempurnakan dalam tempoh mulai 1 Jun 2022 sehingga Disember 2023.

Kerajaan melakukan pelbagai cara untuk memudahkan pemilikan rumah kediaman dalam kalangan Keluarga Malaysia seperti pemberian insentif pengecualian cukai duti setem bagi perjanjian pindah milik harta tanah dan perjanjian pinjaman. Meskipun pengecualian duti setem ini akan mengurangkan kutipan hasil kepada negara, namun Kerajaan yakin tindakan tersebut merupakan komitmen kepada Keluarga Malaysia dan Kerajaan harus memperkukuhkannya. Untuk rekod, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) memaklumkan bahawa tuntutan pengecualian duti setem di bawah HOC adalah sebanyak RM957.8 juta. Malah, tuntutan

pengecualian duti setem paling tinggi adalah bagi harga rumah RM500,000 dan ke bawah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPKT juga telah mengadakan Mesyuarat Majlis Perumahan Mampu Milik Negara (MPMMN) Bilangan 1 Tahun 2022 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 10 Februari 2022. Isu harga rumah telah turut dibincangkan pada mesyuarat tersebut. Walaupun terdapat isu kenaikan kos dalam pembinaan perumahan, ini tidak akan menghalang Kerajaan untuk meneruskan sasaran di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12), iaitu untuk menyediakan sebanyak 500,000 unit rumah mampu milik. Kerajaan berpandangan usaha ini boleh direalisasikan dengan bantuan dan gandingan tenaga daripada semua pihak. Untuk merealisasikan hasrat ini, seperti yang diputuskan dalam mesyuarat MPMMN, Kerajaan Persekutuan akan memberi subsidi dan Kerajaan Negeri pula menyediakan tanah bagi pembangunan rumah mampu milik. Manakala pihak bank telah diminta untuk mempermudah pembiayaan bagi memastikan Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan rumah mampu milik dapat dijual atau dibeli dengan harga yang berpatutan.

Di masa yang sama, KPKT sedang meneliti mekanisme pelaksanaan PPR yang baharu daripada segi aspek reka bentuk, kemudahan dan fasiliti serta bahan-bahan binaan yang akan digunakan semasa pembinaan nanti bagi memastikan bagi memastikan pembinaannya lebih efisien dan *value for money* kepada Kerajaan. Di dalam meneliti perkara ini, KPKT dibantu oleh Panel Pemikir (*Panel of Experts*, POE) merangka strategi pendekatan aksesibiliti perumahan ideal yang praktikal dan mampan dan melalui platform Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) agar pembangunan perumahan dapat mengekalkan harga perumahan pada harga mampu milik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [ TAIPING ]**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN TEH KOK LIM** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan cabaran dalam bidang kesihatan yang bakal dihadapi rakyat kita pada ketika ini dan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian dalam usaha menangani cabaran-cabaran tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sistem kesihatan di Malaysia berhadapan dengan pelbagai cabaran berkaitan dengan penjagaan kesihatan. Antara cabaran utama yang dihadapi adalah:

**a) perubahan demografi**

Pada masa ini, penduduk yang berumur lebih 60 tahun adalah seramai 11.2%. Unjuran Jabatan Perangkaan (DOSM) menunjukkan menjelang tahun 2030 Malaysia dijangka mencapai status negara menua, di mana jumlah warga emas akan meningkat kepada 15%. Prevalen penyakit dan permintaan untuk penjagaan kesihatan adalah lebih tinggi di kalangan warga emas. Dianggarkan kos penjagaan kesihatan warga emas adalah 2 hingga 3 kali ganda lebih tinggi berbanding orang

dewasa yang lebih muda dan ini akan memberikan cabaran besar kepada sistem penjagaan kesihatan;

**b) beban sistem kesihatan semakin meningkat**

Kini negara berhadapan dengan beban penyakit berganda. Prevalen penyakit tidak berjangkit dan penyakit berjangkit terus meningkat dan membebankan sistem penyampaian kesihatan.

Kehadiran pandemik COVID-19 juga telah mengubah kehidupan seharian rakyat dan menjejaskan penyampaian kesihatan. Kapasiti KKM telah diuji pada tahap yang luar biasa. Kepentingan kesiapsiagaan sistem penjagaan kesihatan dalam menghadapi semua krisis kesihatan sekarang mesti menjadi keutamaan negara;

**c) peningkatan permintaan terhadap perkhidmatan kesihatan**

Perubahan sosio demografi dan corak penyakit ini menyebabkan peningkatan permintaan dan penggunaan perkhidmatan kesihatan. Contohnya, kehadiran pesakit ke jabatan pesakit luar di fasiliti Kerajaan meningkat daripada lebih kurang 43 juta pada tahun 2006 kepada 70 juta pada tahun 2019, dan 64 juta pada tahun 2020 dalam suasana pandemik COVID-19. Kemasukan pesakit ke wad hospital Kerajaan juga meningkat daripada 1.9 juta pada tahun 2006 kepada 4.7 juta pada tahun 2019, dan 4.3 juta pada tahun 2020. Situasi ini menyebabkan kesesakan dan masa menunggu yang lama untuk mendapatkan rawatan; dan

**d) kekangan pembiayaan kesihatan**

Pada tahun 2020, jumlah perbelanjaan kesihatan awam negara adalah rendah pada tahap 2.58% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), berbanding saranan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) supaya sekurang-kurangnya 5% hingga 6% daripada KDNK dibelanjakan untuk menjamin perlindungan risiko kewangan kesihatan untuk penduduk.

Perbelanjaan kesihatan secara *out of pocket*, (OOP) pada tahun yang sama adalah tinggi yakni 34.5% berbanding negara berpendapatan sederhana tinggi seperti Thailand (8.67%) dan Turki (16.9%).

Selain itu, Kerajaan tetap menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan pada kadar subsidi yang tinggi, lebih-lebih lagi bagi mereka yang kurang mampu. Akan tetapi, kenaikan kos juga menimbulkan persoalan kemampanan pembiayaan penjagaan kesihatan untuk jangka masa panjang.

2. Bagi mengatasi cabaran-cabaran tersebut, KKM telah merangka hala tuju untuk memperkukuhkan sistem kesihatan negara. Perkara ini turut dimasukkan di dalam Kertas Putih Kesihatan yang sedang dibangunkan supaya sistem kesihatan negara kalis masa hadapan. Antara tumpuan kertas putih ini ialah:

- a) mengoptimumkan sumber kesihatan melalui kerjasama antara sektor awam dengan swasta untuk mempergiatkan dan meluaskan liputan perkhidmatan penjagaan kesihatan;
- b) mencegah dan mengawal penyakit berjangkit, terutamanya dengan meningkatkan sistem surveilans penyakit berjangkit dan siap siaga bencana, termasuklah penubuhan *Centre for Disease Control and Prevention* (CDC) Malaysia;
- c) mencegah dan mengawal penyakit tidak berjangkit untuk menambah baik status kesihatan rakyat serta mengurangkan risiko penyakit;
- d) memperkukuh program penjagaan kesihatan untuk warga emas sebagai langkah persediaan bagi menangani isu penuaan rakyat;
- e) meningkatkan literasi dan kesedaran kesihatan serta memperkasakan komuniti melalui pelaksanaan pelbagai program di semua peringkat;

## SOALAN NO. 52

- f) memperkuat pembiayaan kesehatan dengan memastikan kemampuan kewangan untuk penjaminan serta perlindungan kesehatan;
- g) memanfaatkan teknologi dan inovasi dengan pendigitalan perkhidmatan penjaminan kesehatan serta meningkatkan kapasiti penyelidikan dan inovasi; dan
- h) memperkuat dasar, tadbir urus dan pengawasan dalam sistem kesehatan bagi memastikan penyampaian penjaminan kesehatan yang cekap dan berkesan disediakan kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA HAJAH AZIZAH BINTI  
DATUK SERI PANGLIMA HAJI MOHD DUN  
[ BEAUFORT ]**

**TARIKH : 03 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK SERI PANGLIMA HAJAH AZIZAH BINTI DATUK SERI  
PANGLIMA HAJI MOHD DUN [ BEAUFORT ]** minta **MENTERI  
PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA**  
menyatakan apakah langkah Kementerian bagi memastikan pembekal  
minyak masak paket bersubsidi tidak terlibat dalam aktiviti penyeludupan  
ke negara jiran.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kerajaan menzahirkan komitmen tinggi dalam usaha membendung sebarang penyelewangan atau kepincangan berhubung barangan keperluan bersubsidi negara terutama minyak masak. Justeru, Kementerian telah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- i. Mengarahkan pemeriksaan dan pengauditan di setiap peringkat rangkaian pengedaran minyak masak melalui aktiviti semakan *Pre-Delivery Plan*;
- ii. Menjalankan pemeriksaan pematuhan permit ke atas peniaga-peniaga kecil dan pengusaha restoran;
- iii. Membuat risikan ke atas pengilang, pembungkus, pemborong dan peruncit dengan sasaran terpilih yang disyaki menyeleweng minyak masak bersubsidi termasuk risikan ke negara jiran seperti Thailand;
- iv. Menetapkan had pembelian minyak masak polibeg sebanyak 3 paket untuk memastikan lebih ramai pengguna isi rumah dapat menikmati subsidi yang diberikan oleh Kerajaan;
- v. Mempertingkatkan kerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Eastern Sabah Security Command (ESSCOM); dan
- vi. Mengadakan publisiti yang meluas melalui media arus perdana dan media sosial bagi mempertingkatkan kesedaran serta mewujudkan kegerunan di kalangan peniaga.

Tindakan penguatkuasaan bagi membanteras penyelewengan minyak masak paket dan botol telah dipertingkatkan bagi memastikan subsidi sampai ke golongan sasaran. Sepanjang tahun 2018 sehingga Jun 2022, sebanyak 430 kes telah dihasilkan berkaitan penyelewengan minyak masak paket dan botol melibatkan nilai rampasan hampir RM15.7 juta.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE LIMA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS 2022**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING  
(PENAMPANG)**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING ( PENAMPANG )** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan yang telah, sedang dan akan diambil untuk membetulkan dengan memadam perkataan ISLAM pada MyKad bagi pemegang yang tidak pernah menganuti atau mengamalkan ajaran Islam serta bagi mereka yang mengaku bukan Islam secara sukarela dan cara untuk mengelakkan daripada perkara tersebut berulang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) melaksanakan pendaftaran dan perekodan butiran agama dan catatan agama Islam di hadapan Kad Pengenalan selaras dengan Peraturan 4(cc) dan Jadual Pertama Peraturan 5(2) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara [PPN 1990]. Bagi individu beragama selain daripada agama Islam, butiran agama hanya direkodkan dalam cip Kad Pengenalannya.

Mana-mana individu yang mengisytiharkan dirinya telah keluar daripada agama Islam perlulah terlebih dahulu mendapatkan pengesahan dan perintah daripada Mahkamah Syariah. Setelah itu, individu berkenaan boleh hadir ke Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi meminda butiran kad pengenalannya selaras dengan Peraturan 14, Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 [PPN1990].

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI  
MOHD FAKEH [ SABAK BERNAM ]**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan setakat manakah kemampuan rakyat negara ini untuk menjayakan fasa peralihan dari fasa pandemik ke fasa endemik khususnya dari segi tingkah laku, tahap pematuhan vaksinasi dan pematuhan kepada SOP yang ditetapkan serta nyatakan langkah Kementerian bagi memastikan kadar COVID-19 tidak meningkat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sejak 1 April 2022, Malaysia telah berada di dalam Fasa Peralihan ke Endemik susulan keberkesanan tindakan pencegahan dan kawalan kesihatan awam. Peralihan fasa ini juga disebabkan oleh kejayaan program vaksinasi COVID-19 di seluruh negara.
2. Sehingga 2 Ogos 2022, sebanyak **86.0%** daripada keseluruhan populasi penduduk telah menerima sekurang-kurangnya 1 dos vaksin dan sebanyak **84.1%** penduduk telah menerima lengkap imunisasi. Sementara, pecahan liputan mengikut kumpulan umur adalah seperti di bawah:

- (i) Peratus liputan imunisasi COVID-19 bagi populasi dewasa iaitu yang berumur 18 tahun dan ke atas adalah sebanyak **99.2%** penduduk telah menerima sekurang-kurangnya 1 dos dengan **98.0%** penduduk dewasa telah lengkap imunisasi;
- (ii) Bagi populasi remaja berumur 12 hingga di bawah 18 tahun, peratus liputan populasi remaja menerima dos 1 adalah **95.1%** manakala bagi dos 2 adalah **92.6%**; dan
- (iii) Bagi populasi kanak-kanak berumur 5 hingga di bawah 12 tahun, peratus liputan populasi kanak-kanak yang menerima dos 1 adalah **49.8%** manakala bagi dos 2 adalah **42.3%**.

3. Berdasarkan kepada peratusan liputan imunisasi COVID-19 di atas, Kementerian Kesihatan Malaysia berpendapat rakyat negara ini telah bersedia dan mampu untuk menghadapi **fasa peralihan iaitu dari fasa pandemik ke fasa endemik** dalam masa yang terdekat. Walau bagaimanapun, penekanan pemberian vaksin akan diberikan secara berterusan kepada populasi kanak-kanak dan populasi sasaran bagi dos penggalak pertama dan kedua bagi menghadapi varian-varian COVID-19 yang baru serta dapat mengurangkan jangkitan serius serta kematian di kalangan populasi ini.

4. Bagi memastikan rakyat negara ini mampu menghadapi **fasa peralihan dari fasa pandemik ke fasa endemik**, perkara ini tidak hanya bergantung kepada pematuhan dari segi penerimaan vaksin tetapi juga dari segi pematuhan SOP dan tingkah laku masyarakat di dalam mengurangkan transmisi jangkitan COVID-19 ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM (SEPUTEH)**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapa orang pekerja domestik Indonesia akan tiba di Malaysia pada tahun ini dan gaji yang akan dibayar kepada mereka. Nyatakan nama agensi yang membawa mereka masuk ke Malaysia dan fi agensi yang perlu dibayar oleh pemohon pekerja domestik.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Dijangkakan pada tahun ini, seramai 100 orang pekhidmat domestik indoneisa (PDI) akan masuk ke Malaysia. Jumlah terkini Visa dengan Rujukan (VDR) yang telah diluluskan dan dikeluarkan oleh pihak Jabatan Imigresen Malaysia adalah sebanyak 67 orang PDI. Sepertimana dinyatakan dalam Memorandum Persefahaman mengenai Penggajian dan Perlindungan Pekhidmat Domestik Indonesia yang telah ditandatangani pada 1 April 2022, gaji minimum yang perlu dibayar kepada PDI adalah RM1,500 sebulan. Kos maksimum pengambilan PDI adalah RM15,000 dan ditanggung sepenuhnya oleh majikan. Kos yang termasuk adalah seperti berikut:

(a) Kos pengambilan di Malaysia adalah merangkumi:

- a. deposit sekuriti kepada JIM;
- b. fi proses;
- c. pas kerja sementara;

- d. insuran kesihatan dan caruman di bawah PERKESO iaitu Skim Bencana Pekerjaan (EIS);
- e. pemeriksaan kesihatan (sebelum berangkat, 30 hari selepas ketibaan, pemeriksaan tahunan, dan lain-lain pemeriksaan yang diwajibkan oleh Kerajaan Malaysia);
- f. levi tahunan; dan
- g. ujian COVID-19 dan kos kuarantin (tertakluk kepada SOP terkini);

(b) Kos pengambilan di Republik Indonesia meliputi:

- a. pasport;
- b. sosial sekuriti (BPJS Ketenagakerjaan);
- c. sijil kesihatan;
- d. pemeriksaan kesihatan;
- e. ujian psikologi;
- f. kos perjalanan tempatan;
- g. visa kerja;
- h. latihan pekerjaan;
- i. sijil kompetensi;
- j. fi agensi di Republik Indonesia
- k. tiket penerbangan; dan
- l. penginapan

Sehingga 30 Jun 2022, 9 Agensi Pekerjaan Swasta berlesen B dan C telah membuat permohonan penggajian PDI dan mendapat kelulusan *Job Order* adalah seperti berikut;

- 1. Agensi Pekerjaan Citra Unggul Sdn Bhd;
- 2. Agensi Pekerjaan Swaslink Sdn Bhd;
- 3. Agensi Pekerjaan U-Jing Sdn Bhd;
- 4. Agensi Pekerjaan Fayyaz Sdn Bhd;
- 5. Agensi Pekerjaan CSE Sdn Bhd;
- 6. Agensi Pekerjaan Sands Sdn Bhd;
- 7. Agensi Pekerjaan Sinar Niaga Sdn Bhd;
- 8. Agensi Pekerjaan Sri Nadin Sdn Bhd; dan
- 9. Agensi Pekerjaan SriManisa Sdn Bhd;

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE LIMA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS 2022**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE (SANDAKAN)**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE ( SANDAKAN )** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) apakah status kewarganegaraan Rohana Abdullah selepas Perdana Menteri berjanji untuk membantu dengan permohonan kewarganegaraannya; dan

(b) bagaimana pula dengan kanak-kanak lain yang tiada kerakyatan di negara ini yang sama seperti kes Rohana yang boleh memohon untuk kerakyatan atau mana-mana dokumen yang sah untuk tinggal di Malaysia.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

- a) Permohonan kewarganegaraan Rohana Abdullah telah diluluskan pada **5 April 2022** dan sijil kewarganegaraan telah dikeluarkan pada 29 April 2022.
  
- b) Kewarganegaraan seseorang individu adalah ditentukan berdasarkan kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa kandung individu berkenaan sewaktu kelahiran berlaku selaras dengan peruntukan Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuatkuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, pengangkatan, kesahtarafan anak, dan peraturan imigresen. Bagi kelahiran yang berlaku sebelum pendaftaran perkahwinan ibu bapa mengikut perundangan negara, taraf kewarganegaraan kanak-kanak tersebut adalah mengikut taraf kewarganegaraan ibunya selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Seksyen 17, Bahagian III, Jadual Kedua, Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini, ibu bapa dan penjaga kepada kanak-kanak berkenaan bertanggungjawab sepenuhnya untuk menguruskan kewarganegaraan, dokumen pengenalan diri dan dokumen perjalanan dengan negara asal bagi memastikan kanak-kanak ini masih boleh menggunakan keistimewaan negara asal ibunya seperti boleh memohon dokumen perjalanan negara asal ibunya sekaligus mengelakkan kanak-kanak berkenaan tiada dokumen pengenalan diri, keberadaan tidak sah di Malaysia dan seterusnya disalah anggap sebagai tidak memiliki kewarganegaraan dari mana-mana negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TENGKU ZULPURI BIN RAJA PUJI  
[ RAUB ]**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TENGKU ZULPURI BIN RAJA PUJI** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan banyak klinik-klinik swasta mengeluh mengenai bekalan ubat sirap untuk kanak-kanak seperti penyakit demam, selsema serta antibiotik sukar didapati daripada pembekal atas alasan tiada bahan mentah, Apakah usaha Kementerian untuk mengatasi masalah ini dan juga ubat-ubatan lain.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memandang serius isu-isu kekurangan bekalan ubat-ubatan di pasaran termasuk farmasi, klinik swasta, hospital swasta dan juga hospital Kerajaan. Ini termasuklah ubat sirap untuk kanak-kanak seperti penyakit demam, selsema serta antibiotik.
2. Beberapa faktor telah dikenal pasti sebagai punca kekurangan bekalan ubat-ubatan di pasaran yang berlaku baru-baru ini iaitu:



## SOALAN NO. 58

- (i) Permintaan mendadak sejak awal tahun 2022 terhadap ubat demam dan batuk serta selsema akibat kes COVID-19 dan penyakit *Hand, Foot and Mouth Disease* (HFMD);
  - (ii) kecenderungan pengguna untuk membeli ubat jenama tertentu walaupun terdapat jenama lain yang tersedia di pasaran, sebagai contoh jenama Panadol berbanding jenama lain yang mengandungi bahan aktif yang sama iaitu paracetamol;
  - (iii) kelewatan dalam pembekalan bahan farmaseutikal aktif (API), eksipien, standard analisis rujukan dan bahan pembungkusan disebabkan cabaran logistik akibat peperangan di Ukraine dan perintah berkurung di China;
  - (iv) kekurangan sumber manusia di peringkat kilang pengeluar; dan
  - (v) kegagalan pihak pengeluar utama solvents (contoh: chloroform spirit, denatured alcohol, absolute alcohol, alcohol) untuk mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi pelupusan sisa buangan yang menyebabkan pencemaran sungai. *Solvents* ini diperlukan untuk proses pembuatan produk farmaseutikal.
3. KKM melalui Program Perkhidmatan Farmasi telah mengambil beberapa tindakan penyelesaian untuk memastikan kesinambungan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti kepada rakyat dapat diteruskan.
4. Bagi tindakan penyelesaian jangka masa pendek:
- (i) Fasiliti kesihatan swasta boleh memohon pinjaman bekalan ubat-ubatan daripada fasiliti kesihatan swasta yang lain atau fasiliti kesihatan kerajaan yang terdekat. Fasiliti kesihatan kerajaan boleh menimbang untuk meminjamkan bekalan ubat-ubatan untuk kegunaan ketika kecemasan, krisis dan bencana dengan memastikan terlebih dahulu ketersediaan dan baki stok ubat-ubatan adalah mencukupi untuk kegunaan aktiviti harian fasiliti kesihatan kerajaan tersebut;

- (ii) Sekiranya perlu, pesakit daripada fasiliti kesihatan swasta boleh dirujuk ke fasiliti kesihatan kerajaan terdekat untuk meneruskan rawatan. Namun demikian, pesakit mungkin memerlukan perubahan regimen ubat-ubatan berdasarkan ketersediaan di fasiliti kerajaan yang dirujuk; dan
- (iii) Pesakit daripada fasiliti kesihatan swasta juga boleh membeli ubat-ubatan tersebut daripada farmasi komuniti dengan preskripsi yang diterima daripada klinik atau hospital swasta berkenaan.

5. Pada masa yang sama, Program Perkhidmatan Farmasi telah memulakan perkongsian maklumat senarai ubat-ubatan yang mengalami gangguan dan cadangan produk alternatif bagi ubat-ubatan tersebut dengan pihak pengamal perubatan swasta, hospital swasta dan kerajaan serta farmasi komuniti.

6. Manakala penyelesaian jangka panjang sedang diusahakan KKM bagi menangani isu ini dan pemantauan berterusan dibuat untuk memastikan ketersediaan ubat-ubatan di seluruh Malaysia.

7. Program Perkhidmatan Farmasi akan sentiasa bekerjasama dengan pihak industri produk farmaseutikal bagi memastikan bekalan ubat-ubatan yang berkualiti, selamat dan berkesan kepada rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE LIMA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS 2022**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN  
CHIK (BALIK PULAU)**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK ( BALIK PULAU )** minta  
**MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :

(a) apakah pecahan secara terperinci daripada banciaan terhadap pendatang asing di Malaysia termasuk bagi pendatang yang masuk ke negara dan tidak keluar; dan

(b) adakah Kerajaan mempertimbangkan prosedur yang lebih ketat di setiap pintu masuk negara dalam mengurangkan risiko lambakan pendatang asing.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Berdasarkan rekod di Jabatan Imigresen Malaysia, bilangan warga asing dari pelbagai negara yang mempunyai pas yang sah untuk berada di Malaysia sehingga 30 Jun 2022 adalah seramai 1,455,344 orang. Keberadaan warga asing tersebut adalah atas pelbagai tujuan dan memegang pas jangka panjang mengikut kategori.

Daripada jumlah berkenaan, seramai 1,149,608 warga asing merupakan pemegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS), 164,507 pemegang Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang Pasangan kepada Warganegara, 58,783 lagi memegang Pas Pelajar manakala baki 82,446 lagi memegang pas-pas lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) sebagai agensi yang mengawal selia pintu-pintu masuk negara sentiasa meneliti semula dan menambah baik prosedur kemasukan warga asing. Antara langkah-langkah yang diambil bagi mengekang lambakan dan kemasukan warga asing berisiko adalah seperti berikut:

- (i) **Proses tapisan awal** melalui pengeluaran visa di kedutaan / pejabat perwakilan Malaysia di luar negara, di mana tapisan akan dibuat untuk mengenal pasti sama ada warga asing berkenaan telah dimasukkan dalam senarai syak (*suspect list*) Jabatan. Sekiranya nama mereka tersenarai dalam senarai syak, warganegara asing ini tidak diberikan kemudahan dan dilarang daripada memasuki Malaysia;
- (ii) **Kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu masuk negara** meliputi pemeriksaan dokumen perjalanan, latar belakang pengembara dan penyemakan identiti melalui *National*

*Enforcement and Registration Biometrics System (NERS).* Sistem NERS berupaya merekod maklumat biometrik warga asing serta mengenal pasti ketulenan identiti individu berdasarkan semakan silang dengan maklumat biometrik yang terkandung dalam pangkalan data NERS;

- (iii) **Kerjasama strategik** dengan Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan agensi-agensi berkaitan yang lain bagi memantapkan maklumat warga asing yang berisiko ke dalam pangkalan data senarai syak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN  
[ BANDAR KUCHING ]**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**DR. KELVIN YII LEE WUEN** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kesediaan Kementerian untuk menangani pertambahan kes COVID-19 disebabkan penularan varian BA.5 dan e BA.2.12.1 yang lebih berjangkit dan mungkin boleh membawa simptom yang lebih serius.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam menghadapi gelombang varian Delta dan Omicron sebelum ini, Kementerian Kesihatan (KKM) telah melaksanakan strategi yang berlandaskan kepada empat (4) pendekatan berikut:

- (i) Menyelamatkan nyawa;
- (ii) Mengurangkan tahap keterukan jangkitan COVID-19, terutama sekali dalam kalangan golongan berisiko tinggi;
- (iii) Melindungi sistem kesihatan awam negara bagi memastikan ia mampu untuk berfungsi secara optima pada setiap masa; dan
- (iv) Memudahkan proses pemulihan penghidupan (*livelihood*) rakyat yang terjejas akibat kejadian pandemik yang berlaku.

2. Justeru, bagi menghadapi ancaman varian baru COVID-19 di Malaysia sebagaimana yang turut dilaporkan di peringkat antarabangsa, KKM telah mempersiapkan beberapa langkah proaktif sebagaimana berikut:

- (i) Mengaktifkan semula *National COVID-19 Rapid Response Task Force* (RRTF) apabila peningkatan kes COVID-19 mencapai suatu nilai ambang yang dikenal pasti. Pasukan RRTF ini ditubuhkan bagi mengelakkan krisis apabila sistem kesihatan di Malaysia semakin dibebani dengan lambakan kes COVID-19. Antara objektif utama penubuhan pasukan RRTF adalah bagi:
  - a) Menyelamatkan nyawa dengan memastikan akses rakyat kepada Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) dan hospital terjamin serta melakukan pemantauan kes positif COVID-19 melalui Pusat Penilaian COVID-19 secara maya (*Virtual COVID-19 Assessment Centre*);
  - b) Memastikan akses kecemasan dan krisis sentiasa tersedia apabila diperlukan, seperti menyediakan jumlah ambulans yang mencukupi dan tepat waktu melalui sistem

- pengurusan berpusat;
- c) Memastikan kebajikan individu yang terkesan dengan jangkitan COVID-19 tidak terabai termasuk anak-anak kepada kes positif selain menitikberatkan kesihatan mental mereka; dan
  - d) Memastikan pengendalian dan penyampaian komunikasi strategik yang berkesan bagi mengurangkan serta meredakan kegusaran dalam kalangan masyarakat umum.
- (ii) Memperkenalkan penggunaan ubat antiviral Paxlovid ke dalam *COVID-19 Clinical Care Pathway* sejak 15 April 2022 dalam kalangan pesakit yang menerima rawatan di Klinik Kesihatan, CAC, PKRC dan hospital KKM. Ia merupakan ubat antiviral *oral* pertama di Malaysia untuk merawat pesakit COVID-19 yang mengalami gejala ringan hingga sederhana, ataupun kategori 2 dan kategori 3. Keutamaan pemberian rawatan Paxlovid adalah kepada kumpulan pesakit COVID-19 yang berisiko tinggi.

Seterusnya, bagi memastikan akses yang lebih baik kepada pesakit, rawatan ini telah juga diperluaskan ke fasiliti kesihatan swasta dikenal pasti bermula 20 Jun 2022. Pemberian ubat ini kepada pesakit di fasiliti kesihatan swasta adalah secara percuma. Namun, pesakit masih tertakluk kepada caj khidmat rundingan dan lain-lain caj berkaitan yang ditentukan oleh fasiliti kesihatan swasta tersebut.

- (iii) Meningkatkan peratusan individu yang layak menerima vaksin dos penggalak bagi mengurangkan penularan jangkitan, jangkitan serius serta kematian. KKM menggesa agar semua individu yang layak, tampil untuk mendapatkan perkhidmatan ini supaya populasi Malaysia mendapat perlindungan yang optimum terhadap penyakit COVID-19. Bagi menggalakkan lagi individu mengambil dos penggalak ini, KKM telah mengambil langkah-langkah berikut:
- a) Bekerjasama dengan fasiliti swasta bagi pengoperasian PPV termasuk PPV Integrasi di fasiliti tersebut serta PPV



“*Offsites*” serta membenarkan pemberian vaksin secara “*walk-in*” di semua PPV;

- b) Menggunakan pendekatan “*outreach*” bagi kawasan yang sukar dicapai; dan
  - c) Meningkatkan hebahan melalui media sosial dan media arus perdana serta di kawasan setempat.
- (iv) Memperkukuhkan pengurusan COVID-19 melalui pendigitalan pengurusan kesihatan. Perkara ini dilaksanakan dengan menambah baik pengurusan COVID-19 melalui pendekatan *FTTIS (Find, Test, Trace, Isolate and Support)* yang diautomasikan. Melalui pendekatan ini, individu yang menjalani ujian pengesanan COVID-19 sendiri boleh melaporkan keputusan ujian mereka ke dalam aplikasi MySejahtera – selain melakukan ujian tersebut di fasiliti kesihatan. Keputusan ujian akan segera dikemas kini dalam MySejahtera pengguna. Kes positif akan diberikan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian (*Home Surveillance Order*; HSO) dan juga Pelepasan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian (*Release Order*; RO) secara digital dan tidak perlu hadir secara fizikal di Pejabat Kesihatan Daerah mahupun COVID-19 *Assessment Centre (CAC)*;
- (v) Memastikan semua CAC yang beroperasi secara fizikal (iaitu di Klinik Kesihatan dan di komuniti) mahupun secara maya bersedia untuk menerima kedatangan/ panggilan pesakit yang tinggi untuk membuat penilaian terhadap pesakit yang disahkan positif jangkitan COVID-19. Fungsi CAC meliputi perkara-perkara berikut:
- a) Mengenal pasti pesakit yang memenuhi kriteria untuk dipantau di rumah;
  - b) Menilai dan memantau perkembangan pesakit sepanjang tempoh pengasingan;

## SOALAN NO. 60

- c) Memulakan rawatan Paxlovid kepada kumpulan pesakit COVID-19 yang berisiko tinggi dan memenuhi kriteria yang ditetapkan;
  - d) Mengenal pasti dan menyelaraskan pesakit yang perlu dirujuk Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC)/ hospital; dan
  - e) Menjalankan penilaian dan pelepasan (*release order*) kepada kes positif yang telah tamat tempoh pengasingan – bagi individu yang tidak menerima HSO digital.
- (vi) Memantau rapi penularan jangkitan COVID-19 dalam masyarakat melalui pelaksanaan aktiviti surveilans melibatkan lokasi sentinel *influenza-like illness* (ILI) dan *severe acute respiratory infection* (SARI) di seluruh negara. Perkara ini turut disokong dengan aktiviti penjujukan genom menyeluruh (*whole genome sequencing* – WGS) bagi virus SARS-CoV-2 serta aktiviti surveilans persekitaran melalui persampelan air kumbahan dari lokasi persampelan yang dikenal pasti di seluruh negara.
- (vii) Menggerakkan inisiatif Agenda Nasional Malaysia Sihat (ANMS) sejak awal tahun 2022 di semua peringkat. Ia antara lain bertujuan untuk memperkasa kawalan sendiri kesihatan merangkumi pemerkasaan individu dalam mengambil tindakan pencegahan penyakit, menilai status kesihatan diri, memastikan kepatuhan rawatan dan mengamalkan norma baharu iaitu penjarakan fizikal, kerap mencuci tangan dan pemakaian pelitup muka.

ANMS turut memberi tumpuan kepada pemerkasaan komuniti dalam membudaya hidup sihat. MyCHAMPION atau *Malaysian Health Community Agent* merupakan satu platform kolaborasi merentasi pelbagai kementerian, organisasi sektor awam, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan sebagai rakan strategik untuk memainkan peranan membantu Kementerian Kesihatan dalam inisiatif dan aktiviti promosi kesihatan di peringkat

komuniti serta sebagai penggerak dan penyokong (*advocator*). Keperluan penyelarasan sukarelawan dan agen kesihatan amat penting bagi membolehkan inisiatif ini dilaksanakan secara bersepadu dan terancang.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Daripada segi perspektif Kesiapsiagaan Perkhidmatan Hospital, empat (4) teras utama dan 12 strategi akan terus dipantau untuk menangani pertambahan kes COVID-19 disebabkan penularan varian baru. Empat (4) teras tersebut ialah kecukupan akses, kelestarian rawatan, pengurusan pra hospital dan kecemasan dan pencegahan jangkitan *nosocomial* COVID-19. Manakala 12 strategi kesiapsiagaan perkhidmatan hospital ialah:

- (i) Meningkatkan koordinasi & komunikasi strategik;
- (ii) Menyediakan fasiliti perkhidmatan penjagaan dan perawatan COVID-19;
- (iii) Kesiapsiagaan bantuan sokongan fasiliti dan perkhidmatan;
- (iv) Pengurusan sumber manusia kesihatan;
- (v) Rawatan yang berkesan;
- (vi) Kompetensi anggota kesihatan;
- (vii) Pemantapan sistem pengangkutan dan pemindahan pesakit ke hospital;
- (viii) Pemantapan pengesanan kes COVID-19;
- (ix) Pemantauan jangkitan COVID-19 di kalangan pesakit;
- (x) Pemantauan jangkitan COVID-19 di kalangan anggota perubatan;
- (xi) Pengurusan wabak *nosocomial* COVID-19 (*Healthcare associated COVID-19*); dan
- (xii) Prosedur operasi standard dan vaksinasi anggota.

4. KKM mempunyai persediaan jangka masa pendek, sederhana dan panjang bagi menangani peningkatan kes. Perancangan jangka masa pendek ialah meningkatkan kapasiti katil, fasiliti, makmal dan sumber manusia di hospital. Perancangan jangka masa sederhana ialah mewujudkan *semi-permanent structure* di Jabatan Kecemasan, menukar

fungsi wad kepada wad *multidisciplinary* COVID-19 dan mengubah suai bangunan hospital lama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sebagai *Field Hospital* atau Pusat Kuarantin Berisiko Rendah (PKRC). Bagi perancangan jangka masa panjang ialah penubuhan *Infectious Disease Center* di beberapa negeri mengikut keperluan sebagai pusat rawatan penyakit berjangkit di fasiliti KKM yang tersedia ada.

5. Pada masa yang sama, KKM akan terus memantau tahap jangkitan COVID-19 semasa termasuk ancaman varian atau gelombang baharu. Indikator-indikator penting seperti kadar penggunaan katil bukan ICU, katil ICU, katil PKRC penggunaan alat bantuan pernafasan (ventilator) akan terus dipantau secara harian melalui sistem *CPRC Hospital System* bagi memastikan kecukupan akses bagi pesakit COVID-19.

6. Agensi bukan KKM seperti Hospital Pengajar Universiti, ATM, fasiliti swasta dan agensi bukan kerajaan (NGO) juga bersedia dan boleh membantu daripada segi kesiapsiagaan bantuan sokongan fasiliti, perkhidmatan dan rawatan pesakit.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS  
[HULU LANGAT]**

**TARIKH : 3.8.2022 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS [HULU LANGAT]**  
minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan  
apakah Kementerian mempunyai perancangan untuk menambah  
perjawatan gred S40 dan mewujudkan gred kenaikan pangkat S42 untuk  
warga kerja Jabatan Kemajuan Orang Asli di daerah-daerah.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga bulan Julai 2022, terdapat 2 perjawatan Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat Gred S40 di JAKOA dimana satu perjawatan ini bertanggungjawab sebagai Timbalan Pengarah JAKOA Negeri Kelantan/Terengganu manakala satu lagi perjawatan bertanggungjawab sebagai Ketua Unit Tanah di Bahagian Pembangunan Sosioekonomi di Ibu Pejabat.

Perjawatan ini merupakan perjawatan tertinggi dalam kalangan Kumpulan Pelaksana yang mempunyai kuasa mengesyor namun tidak mempunyai kuasa membuat keputusan seperti pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

Untuk makluman YB, perancangan JAKOA untuk menambah bilangan pegawai pada Gred 41 berdasarkan kepada peranan, tanggungjawab dan kuasa yang dipegang memandangkan pegawai pada Gred 41 mempunyai kuasa dan peranan yang lebih tinggi yang diperlukan di dalam Jabatan terutama dalam urusan perolehan dan pentadbiran.

JAKOA memahami keperluan untuk kemajuan kerjaya dalam kalangan pegawai pelaksana, namun berdasarkan situasi semasa serta dasar Kerajaan, Jabatan ini mendahulukan pengisian kepada JAKOA Negeri yang kritikal dan melihat keperluan kemajuan kerjaya setiap gred jawatan di JAKOA.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING]**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN MORDI BIMOL** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah prosedur untuk mewujudkan pusat dialisis serta perancangan untuk menambah mesin dialisis bagi Hospital Bau, Hospital Lundu dan Klinik Kesihatan di kawasan Parlimen Mas Gading yang dilihat tidak mencukupi bagi merawat pesakit yang memerlukan hemodialisis.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Setiap perancangan projek hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang baru akan mempunyai komponen perkhidmatan dan unit hemodialisis, dengan juga mengambil kira faktor populasi setempat dan keperluan semasa.
2. Selain KKM, perkhidmatan hemodialisis juga turut disediakan oleh pihak swasta. Dalam mengawal selia kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan swasta, KKM amat mementingkan keselamatan pesakit dan kualiti jagaan kesihatan yang disediakan. KKM mengawal selia pusat hemodialisis swasta selaras dengan ketetapan yang digariskan bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] dan Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan

Kesihatan Swasta Lain) 2006 [*P.U. (A) 138/2006*].

3. Bagi kawasan Parlimen Mas Gading, pesakit menerima perkhidmatan dialisis di Hospital Bau (3 km, 6 minit perjalanan) dan Hospital Lundu (50 km, 45 minit - 1 jam perjalanan). Buat masa ini, bilangan mesin hemodialisis di 2 buah hospital tersebut masih dapat menampung pesakit yang memerlukan dialisis dari kawasan Parlimen Mas Gading. Terdapat juga pesakit yang mendapatkan rawatan di pusat hemodialisis swasta di kawasan Kuching (1 jam perjalanan).

4. Sehingga 23 Jun 2022, tiada pusat hemodialisis swasta yang berlesen bawah Akta 586 di sekitar kawasan Mas Gading (Sarawak). Namun demikian, terdapat sebanyak 11 pusat hemodialisis swasta di Kuching, 1 di Kota Samarahan dan 1 lagi di Serian yang berada dalam 1-2 jam perjalanan dari kawasan Mas Gading.

5. KKM sentiasa komited dalam memastikan perkhidmatan dialisis yang sewajarnya dapat disediakan di seluruh negara termasuk kawasan luar bandar. KKM juga telah memperluaskan perkhidmatan hemodialisis kepada pesakit di pedalaman dengan mewujudkan unit-unit hemodialisis di klinik kesihatan.

6. Walau bagaimanapun, dengan peningkatan pesakit yang memerlukan rawatan dialisis di seluruh negara, KKM juga sedang berusaha memperluaskan kaedah rawatan *Peritoneal Dialysis* (PD) di kalangan pesakit kegagalan ginjal peringkat akhir. Kaedah rawatan ini adalah berbeza daripada rawatan hemodialisis kerana rawatan PD dapat dilakukan di rumah oleh pesakit sendiri. Ini akan dapat mengurangkan keperluan kemudahan hemodialisis untuk pesakit baru kegagalan ginjal peringkat akhir yang memerlukan rawatan dialisis dan memberi kemudahan kepada pesakit khususnya di luar bandar kerana tidak perlu berulang-alik ke fasiliti kesihatan untuk rawatan.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN  
[KALABAKAN]**

**TARIKH : 03 OGOS 2022 [RABU]**

**SOALAN**

**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan perancangan jangka pendek dan jangka panjang untuk membantu mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja di ladang-ladang di Sabah. Syarikat-syarikat perladangan di Sabah terutama di kawasan Parlimen Kalabakan telah dan sedang menghadapi kekurangan tenaga buruh penuaian sawit dan tanaman lain sehingga pada kadar 40% daripada keperluan normal.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Bagi mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja di Malaysia termasuk di Sabah, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif jangka pendek dan jangka panjang merentasi kementerian dan agensi bagi menarik minat para pencari kerja untuk mengisi keperluan majikan dan industri dalam pelbagai sektor.

Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) mempergiatkan beberapa program bagi menggalakkan penyertaan tenaga kerja serta memastikan pengambilan pekerja dapat dilaksanakan dengan berkesan melalui program-program penempatan pekerjaan seperti Karnival Pekerjaan, E-Career Fair, Program Temu Duga Khas, Program Temu Duga Mingguan, *Career talk*, Program Profiling Golongan Sasar, Bengkel Kebolehpasaran Pekerjaan, Kaunseling Kerjaya, Kaunter Pendaftaran MYFutureJobs dan pelbagai program berteraskan pembangunan modal insan.

KSM melalui PERKESO juga melaksanakan Program Penempatan Pekerjaan Semula (PPPS) bagi membantu Orang Berinsurans (OB) yang kehilangan pekerjaan mendapatkan pekerjaan yang baharu. Program ini juga telah diperluaskan kepada golongan khas yang lain seperti Belia, OKU, Gelandangan, Bekas Banduan, Pelatih Perintah Khidmat Masyarakat (PPKM), Golongan B40, rakyat Malaysia yang diberhentikan kerja di Singapura, rakyat yang menetap di rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) dan lain-lain golongan sasaran.

Untuk memastikan golongan pencari kerja yang berada di kawasan pedalaman tidak tercicir, Kementerian melalui PERKESO turut mengadakan kerjasama strategik bersama Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) melalui pelaksanaan inisiatif Pusat Sehenti MYFutureJobs di Pusat Komuniti Desa (PKD) seluruh Malaysia. Inisiatif ini berfungsi sebagai *focal point* untuk komuniti setempat terutamanya pencari kerja dari luar bandar

untuk mendapatkan pekerjaan melalui Portal MYFutureJobs serta membantu masyarakat luar bandar mendapatkan perkhidmatan seperti penggunaan komputer, capaian internet yang lebih stabil dan tempat yang selesa.

Tuan Yang Dipertua

KSM melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) secara berterusan melaksanakan program latihan **reskilling dan upskilling**. Melalui Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad (Akta PSMB 2001), majikan yang berdaftar dengan PSMB akan membayar levi Pembangunan Sumber Manusia berjumlah 1% daripada gaji pekerja warganegara Malaysia dan levi tersebut boleh digunakan kembali bagi menggalakkan latihan dan pembangunan pekerja tempatan, perantis dan pelatih.

Melalui levi ini yang berperanan sebagai insentif latihan, majikan boleh menghantar pekerja tempatan mengikuti pelbagai aktiviti latihan peningkatan kemahiran dan latihan semula kemahiran melalui PSMB. Setakat Jun 2022, seramai 561,324 pelatih telah diluluskan merangkumi pelbagai sektor meliputi bidang latihan kemahiran; insaniah (*softskills*) dan teknikal.

PSMB juga menubuhkan **HRDCorp Placement Centre (HPC)** yang berperanan sebagai platform untuk memadankan pekerja dengan peluang pekerjaan yang tersedia oleh majikan. Sehingga Jun 2022, sebanyak **42,310 peluang pekerjaan tersedia** melalui HPC dan lebih **6,000 pekerja berjaya** ditempatkan melalui inisiatif ini.

Tuan Yang Dipertua,

Dalam usaha mengurangkan kebergantungan kepada guna tenaga asing dalam pelbagai sektor termasuk sektor perladangan, Kerajaan masih berpegang kepada dasar-dasar sedia ada yang memberikan keutamaan kepada penggajian pekerja tempatan seperti berikut:

- i. menggalakkan sektor-sektor berintensifkan buruh beralih kepada penggunaan mekanisasi dan automasi bagi mengurangkan kebergantungan ke atas pekerja asing dan mewujudkan peluang pekerjaan yang memerlukan kemahiran;
- ii. program *Technical and Vocational Education and Training* (TVET) untuk warga tempatan diperkasakan bagi melahirkan individu berkemahiran tinggi selaras dengan hasrat Negara untuk beralih daripada industri berintensif buruh kepada *high end industry*; dan
- iii. pembiayaan latihan di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) melalui caruman levi majikan untuk melatih semula pekerja bagi meningkatkan kemahiran pekerja.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk tempoh jangka panjang, Kerajaan menggalakkan bakat tempatan termasuk anak muda menyertai sektor perladangan dan pertanian. Dalam usaha menggalakkan anak muda menyertai sektor ini, KSM telah membangunkan sebanyak seratus tiga belas (113) Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) berasaskan industri pertanian dan perladangan. Selain menyenaraikan keperluan kompetensi, SKPK juga secara jelas memperincikan potensi dan laluan kerjaya dalam sektor perladangan dan pertanian ini yang dapat dijadikan rujukan oleh golongan ini.

Selain itu, KSM juga menyediakan kemudahan pinjaman latihan Kemahiran yang disediakan oleh Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) kepada pelatih yang mengikuti kursus dalam pelbagai bidang termasuk sektor perladangan dan pertanian di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN  
[SEGAMBUT]**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN [ SEGAMBUT ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tindakan yang telah diambil untuk menambah baik sistem perkhidmatan dalam talian seperti menambah bilangan pegawai dan fasiliti, membuka lebih banyak kaunter dan pejabat cawangan serta memperuntukkan kemudahan terkini untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan JPJ kepada orang ramai.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

1. Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) melalui Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) sentiasa komited dan akan terus mendukung dasar Kerajaan berpandukan aspirasi Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara, Dasar Pengangkutan Negara (DPN) 2030, *Blueprint MyDigital* dan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam bagi menambahbaik kaedah penawaran perkhidmatan JPJ kepada orang ramai.
2. Selaras dengan itu, JPJ sentiasa melakukan pembaharuan bagi memperkasa kaedah penawaran perkhidmatan JPJ secara dalam talian. Melalui sistem mySIKAP, orang awam boleh melaksanakan sebanyak 38 urusan secara dalam talian. JPJ juga sedang mengambil usaha untuk mempercepatkan urusan para pelanggan yang telah melaksanakan urusan secara dalam talian dengan memperkenalkan kaunter khas bagi tujuan mendapatkan dokumen.
3. Selain itu, JPJ juga telah memperkenalkan Sistem JPJ eBID, yang merupakan satu medium untuk membida nombor pendaftaran kenderaan secara dalam talian. Melalui sistem ini, pembida boleh membida nombor pilihan mereka dan membuat bayaran dari mana-mana sahaja serta akan menerima keputusan seawal dua jam setelah tamat tempoh bidaan. Pada ketika ini, JPJ juga sedang melakukan usaha untuk menambahbaik sistem ini bagi memastikan kelancaran dan aksesibiliti.
4. JPJ juga telah memperkenalkan Sistem Aplikasi Mudah Alih Temujanji dan Nombor Giliran JPJ (JPJeQ) bagi mengurangkan kesesakan dan mengoptimumkan tempoh keberadaan pelanggan di premis JPJ. Dengan adanya sistem JPJeQ ini, pelanggan JPJ dapat merancang masa untuk berurusan dengan lebih baik. Sehubungan dengan itu, pelanggan juga boleh menyelesaikan urusan peribadi yang lain terlebih dahulu memandangkan notifikasi nombor giliran akan diterima melalui telefon pintar apabila giliran pelanggan dijangka akan tiba. Bagi mengurangkan masa menunggu, orang awam juga telah

disediakan dengan kemudahan Mesin Kios JPJ bagi melaksanakan urusan-urusan terpilih sebagai langkah alternatif. Selain itu, JPJ juga sedang berusaha untuk memperbaiki proses pengurusan perkhidmatan dalam talian bagi mempercepatkan penyelesaian sesuatu urusan niaga.

5. Melalui inisiatif Belanjawan Tahun 2022, JPJ juga sedang melaksanakan perolehan 100 unit Mesin Kios JPJ dan 20 unit Van Mobil JPJ. Perolehan Mesin Kios ini akan membolehkan semua pejabat JPJ Negeri, Cawangan, UTC dan Stesen Penguat Kuasa (SPK) yang terpilih, termasuk di Sabah, Sarawak dan Labuan, dilengkapi dengan perkhidmatan ini. Selain itu, perolehan Van Mobil JPJ juga mampu memperluaskan lagi tahap penawaran perkhidmatan (*Service Deliverance*) kepada secara terus kepada rakyat dengan lebih efisien dan efektif.

6. Pada ketika ini, JPJ juga sedang melaksanakan inisiatif untuk menaik taraf Stesen Penguat Kuasa (SPK), yang sebelum ini hanya melaksanakan penguatkuasaan pelesenan pemandu, pelesenan kenderaan, kesalahan teknikal dan kenderaan lebih muatan. SPK yang dinaik taraf ini akan meningkatkan saluran penawaran perkhidmatan JPJ yang mana orang awam boleh membuat urusan niaga asas, tanpa perlu hadir ke Pejabat JPJ Negeri/ Cawangan.

7. JPJ sentiasa berusaha dan komited untuk menambah baik serta memperkasa kaedah penawaran perkhidmatan demi kesejahteraan dan keselesaan orang awam, selaras dengan tema ulang tahun JPJ pada kali ini, iaitu 'Digitalisasi Kebitaraan JPJ'.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE LIMA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS 2022**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN (SUBANG)**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN WONG CHEN ( SUBANG )** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan bersetuju membenarkan UNHCR dan NGO hak asasi manusia diberikan akses penuh ke pusat tahanan Imigresen untuk memantau dan memberikan sokongan kemanusiaan kepada tahanan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, akses ke pusat tahanan imigresen bagi mana-mana pihak Badan Bukan Kerajaan termasuklah pihak *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR) untuk masuk ke depot tahanan dibenarkan bagi tujuan bantuan kemanusiaan tertakluk kepada Peraturan-peraturan Imigresen (Pentadbiran dan Pengurusan Depot) 2003.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS [HULU LANGAT]**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS [HULU LANGAT]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Kementerian akan memperoleh kapal-kapal baharu untuk kegunaan Jabatan Laut menguatkuasakan undang-undang dan peraturan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

1. Jabatan Laut Malaysia (JLM) iaitu agensi di bawah Kementerian Pengangkutan, bertanggungjawab untuk mentadbir urus aktiviti perkapalan dan pelabuhan di perairan Malaysia dengan memastikan kelancaran sistem pengangkutan maritim yang berpaksikan elemen keselamatan pelayaran, mengutamakan perlindungan persekitaran marin serta kebajikan hal ehwal pelaut.

2. Pada masa ini, JLM memiliki **58 buah kapal** untuk menguatkuasakan undang-undang dan peraturan sedia ada. Antara fungsi-fungsi utama kapal JLM adalah seperti yang berikut:

- (i) menjalankan pemeriksaan kawalan negara pelabuhan (*Port State Control - PSC*) dan kawalan negara bendera (*Flag State Control - FSC*);

- (ii) memantau operasi pemindahan kargo dari kapal ke kapal (*ship-to-ship transfer*) dan mengisi bahan api (*bunkering*);
- (iii) memantau operasi pengerukan dan perlombongan pasir;
- (iv) menjalankan *survey* di alur pelayaran, marina dan jeti serta *wreck* lama dan baru; dan
- (v) menghantar bahan api dan air tawar ke rumah-rumah api di pulau-pulau.

3. Berdasarkan kadar penggunaan aset-aset sedia ada, JLM tidak akan menerima sebarang kapal baru dalam masa terdekat. Sebaliknya, JLM hanya menyelenggara dan membuat pembaikan bot (*refitting*) bagi kapal dan bot sedia ada bagi kegunaan operasi harian.

4. Walau bagaimanapun, JLM melalui Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) sedang dalam perancangan untuk memohon kapal-kapal baharu untuk kegunaan Jabatan pada masa akan datang memandangkan terdapat keperluan meningkatkan tugas operasi aktiviti perkapalan di bawah pemantauan JLM. Hal ini demi memastikan operasi kawalselia keselamatan pelayaran dapat dilaksanakan dengan efisien melalui penggunaan teknologi sistem kawalan trafik dan komunikasi maritim yang terkini dan secara optimum.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE LIMA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS 2022**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING ( KULAI )**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN TEO NIE CHING ( KULAI )** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah dan peratusan Permohonan Pendaftaran Kewarganegaraan oleh wanita warganegara untuk anak mereka yang dilahirkan di luar negara tetapi ditolak di bawah Artikel 15(2) Perlembagaan Persekutuan. Apakah langkah-langkah yang perlu diikuti oleh mereka yang bercerai atau kematian suami dan kembali ke tanahair.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), sebanyak **2,484 permohonan** kewarganegaraan yang diterima di bawah Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan bagi individu di bawah umur 21 tahun yang dilahirkan di luar negara oleh ibu bertaraf warganegara yang berkahwin dengan bapa bertaraf bukan warganegara dari tahun 2017 hingga 30 Jun 2022. Dari jumlah berkenaan sebanyak **31 permohonan** yang ditolak.

Mengikut Perlembagaan Persekutuan, pemerolehan kewarganegaraan Malaysia bagi individu berumur di bawah 21 tahun yang dilahirkan di luar negara oleh ibu bertaraf warganegara Malaysia yang berkahwin dengan bapa bertaraf bukan warganegara adalah secara pendaftaran di bawah Perkara 15(2) tertakluk kepada pematuhan syarat dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuatkuasa dalam isu pendaftaran perkahwinan, kesahtarafan serta peraturan imigresen.

Permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15(2) Perlembagaan Persekutuan bagi individu berkenaan boleh dibuat di pejabat perwakilan Malaysia di luar negara dalam tempoh setahun dari tarikh kelahiran. Manakala bagi individu yang telah berusia melebihi setahun tetapi di bawah umur 21 tahun, permohonan boleh dibuat di mana-mana pejabat JPN di seluruh negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG  
[ TANJONG MALIM ]**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN CHANG LIH KANG [ TANJONG MALIM ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan unjuran purata jumlah penumpang harian (*average daily ridership*) untuk MRT 3 dan langkah-langkah untuk memastikan unjuran ini tidak tersasar.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

1. Projek MRT3 ataupun MRT Laluan Lingkaran adalah sebuah laluan lingkaran yang meliputi perimeter luar bandaraya Kuala Lumpur dan sebahagian kawasan berpenduduk padat di kawasan Ampang Jaya, Selangor. Jajaran terkini bagi projek MRT 3 adalah sebuah lingkaran sepanjang 51 km di mana 39 kilometer terletak di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan 12 kilometer terletak di Selangor. Laluan lingkaran ini akan merentasi rangkaian rel sedia ada, termasuk laluan MRT1, MRT2, LRT, Monorel dan KTM Komuter untuk membentuk 10 buah stesen pertukaran (*interchange station*) baharu supaya sistem rangkaian pengangkutan awam di Lembah Klang ini lebih menyeluruh, berkesinambungan dan efisien. 80% daripada keseluruhan jajaran ini merupakan laluan bertingkat manakala 20% adalah laluan bawah tanah.

2. MRT3 dirancang untuk memulakan operasi dalam dua fasa pembukaan iaitu pada 2028 dan 2030. Apabila siap kelak, MRT3 dianggarkan membawa sejumlah 180,300 penumpang sehari dan dijangka akan meningkat kepada 1.01 juta penumpang sehari menjelang tahun 2060.

3. Bagi memastikan unjuran tidak tersasar, terdapat beberapa langkah yang telah digariskan dalam perancangan projek MRT3. Antaranya adalah:

- a. Memastikan cadangan lokasi stesen-stesen MRT3 adalah pada tempat yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi, iaitu dengan kawasan *catchment* penumpang rel yang tinggi seperti kawasan Mont Kiara, Segambut, Setapak, Danau Kota, Setiawangsa, Pandan, Sri Permaisuri, Jalan Klang Lama dan Kerinchi;
- b. Laluan MRT3 akan mempunyai cadangan 10 stesen pertukaran yang akan menghubungkan laluan-laluan rel sedia ada, termasuk LRT, KTM, Monorel, MRT Laluan Putrajaya dan MRT Laluan Kajang;
- c. Menyediakan kemudahan "*park & ride*" yang mencukupi bagi memastikan orang ramai menggunakan MRT sebagai mod pengangkutan utama mereka; dan
- d. Memastikan ketersambungan (*connectivity*) *first and last mile* yang cukup, seperti rangkaian bas perantara, untuk memudahkan para penumpang tiba di stesen-stesen MRT3.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN  
[ KALABAKAN ]**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini projek pembinaan Klinik Kesihatan Jenis 6 di Pulau Sebatik yang telah lama tidak dimulakan pembinaannya walaupun sudah diluluskan sejak 2016 dan sangat diperlukan oleh penduduk Pulau Sebatik. Apakah Kementerian bersedia untuk menaik taraf klinik-klinik kesihatan sedia ada yang usang dan daif di lokasi lokasi Pekan Merotai Besar, Pekan Kalabakan, Kg Sungai Imam dan Kg Tanjung Batu Darat Tawau.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Projek Klinik Kesihatan (Jenis 6) dengan kuarters di Pulau Sebatik, Tawau mengalami kelewatan kerana tapak projek hanya selesai diwartakan pada 8 Ogos 2019. Tapak yang diluluskan berkeluasan hanya 2.88 ekar dan terdapat rizab jalan di tengah tapak tersebut yang menyebabkan lukisan pembinaan tidak dapat dimuktamadkan. Pada bulan April 2022, Jabatan Tanah Ukur Sabah telah memutuskan bahawa dua (2) tanah lot tersebut digabungkan menjadi satu lot.

2. Pada masa ini, KKM dan JKR Sabah sedang mengemas kini pelan pembangunan seterusnya menyediakan anggaran kos projek. Projek ini dijangka tender pada bulan September 2022 dan kontraktor dijangka akan dilantik pada bulan Mac 2023.
3. Kementerian Kesihatan mengambil maklum terhadap keadaan klinik-klinik daif dan uzur yang masih terdapat di seluruh negara. Di Sabah terdapat 179 buah fasiliti berusia 21 hingga 50 tahun iaitu 61% dan 43 fasiliti berusia melebihi 50 tahun iaitu 14.7%.
4. Dalam RMK-12 RP2, Sabah telah mendapat kelulusan peruntukan sebanyak RM650 ribu untuk empat (4) Klinik Kesihatan iaitu Klinik Pergigian Pitas, Klinik Kesihatan Ibu Anak Kudat, Klinik Desa Tontolob Liwan dan Klinik Kesihatan Tongod yang melibatkan kerja-kerja pembaikan dan naik taraf bangunan, sistem kejuruteraan dan infra di klinik sedia ada. Untuk permohonan RMK-12 RP3, sebanyak RM6.5 juta melibatkan sembilan belas (19) klinik akan dilaksanakan sekiranya permohonan diluluskan.
5. KKM akan terus memohon peruntukan untuk pembaikan dan dinaiktaraf fasiliti dan klinik-klinik kesihatan terutamanya di luar bandar yang uzur dan daif bagi meningkatkan kesediaan fasiliti berkenaan dalam menyediakan perkhidmatan kesihatan yang terbaik kepada rakyat.
6. Atas faktor keselamatan dan tidak ekonomik untuk dinaiktaraf serta dibaiki, klinik-klinik yang berusia melebihi 50 tahun dicadangkan untuk diganti dengan bangunan baru dengan mengambil kira keperluan populasi dan perkhidmatan yang akan diberikan serta liputan perkhidmatan kesihatan berdasarkan kepada kelulusan peruntukan yang diperolehi.

Sekian, terima kasih.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG  
[ LANANG ]**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [ LANANG ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan usaha dan langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menangani masalah pembatalan / penjadualan semula penerbangan yang sering berlaku sejak bulan April ini dan apakah pampasan yang dapat diberi kepada pengguna memandangkan isu ini banyak memberi kesulitan kepada setiap pengguna terutama golongan pelajar dan golongan B40 yang terlibat.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) telah membuat pemantauan berterusan berkaitan pembatalan / penjadualan semula penerbangan yang sering berlaku sejak bulan April lepas. Dalam hubungan ini, daripada jumlah 67,298 penerbangan yang dijadualkan bagi tempoh April hingga Mei 2022, 29,956 atau 44.51% penerbangan domestik dan antarabangsa telah dibatalkan. Punca pembatalan/ penjadualan semula adalah disebabkan kekangan pesawat dan juga kekurangan kakitangan.

2. Selanjutnya, MAVCOM melalui suratnya bertarikh 7 Julai 2022 kepada semua syarikat penerbangan telah mengingatkan syarikat penerbangan untuk mematuhi jadual penerbangan yang telah ditetapkan bagi sebarang gangguan terhadap penumpang. Dalam hubungan ini, syarikat penerbangan telah diminta untuk memastikan kesediaan operasi pada setiap masa terutama sepanjang musim perayaan.
3. Di samping itu, bagi memastikan syarikat penerbangan mematuhi jadual-jadual penerbangan yang telah ditetapkan, pihak MAVCOM sedang mempertimbangkan cadangan untuk mengenakan penalti kewangan kepada syarikat penerbangan atau tindakan-tindakan lain yang bersesuaian dengan syarat-syarat lesen/permit yang ditetapkan. Cadangan ini boleh dilaksanakan dengan perubahan atau tambahan kepada syarat lesen/permit sedia ada. Tindakan tegas seperti ini boleh diambil bagi memastikan kejadian pembatalan/ penjadualan semula penerbangan tidak lagi berulang.
4. Bagi maksud bayaran pampasan kepada penumpang, Kod Perlindungan Pengguna Penerbangan Malaysia 2016 (*Malaysian Aviation Consumer Protection Code 2016*, MACPC) telah memperuntukkan tanggungjawab syarikat penerbangan terhadap pengguna. Kod ini bertujuan untuk melindungi hak dan kepentingan pengguna dengan memastikan semua aduan terhadap syarikat-syarikat penerbangan diambil tindakan dan diselesaikan.
5. Syarikat penerbangan yang menunda penerbangan atas faktor di bawah kawalan syarikat penerbangan seperti masalah operasi, komersial atau teknikal adalah tertakluk untuk menawarkan pampasan dan penjagaan kepada penumpang sepertimana yang diperuntukkan di dalam MACPC.
6. Sekiranya syarikat penerbangan gagal mematuhi **MACPC**, MAVCOM boleh mengenakan penalti kewangan sebanyak amaun yang tidak melebihi RM200,000, dan ketidakpatuhan kedua atau berikutnya, amaun sepuluh kali daripada penalti kewangan yang dikenakan bagi ketidakpatuhan yang pertama. Dari tahun 2018 sehingga 2020, MAVCOM telah mengenakan penalti sebanyak RM4.72 juta ke atas

kegagalan syarikat penerbangan dalam mematuhi Pelbagai kesalahan di bawah MACPC.

7. Syarikat penerbangan yang membatalkan penerbangan atas faktor di bawah kawalan syarikat penerbangan seperti teknikal, atau kapasiti penumpang yang tidak memuaskan menyebabkan penerbangan tersebut dilewatkan atau dibatalkan adalah tertakluk untuk menawarkan pembayaran ganti dalam masa 30 hari atau perubahan laluan sepertimana yang diperuntukkan di dalam MACPC.

8. Dalam situasi berbeza di mana **pengguna sendiri yang membatalkan penerbangan**, maka bayaran balik tiket kepada pengguna adalah tertakluk kepada terma dan syarat tiket penerbangan yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak iaitu syarikat penerbangan dan pengguna.

9. Untuk makluman Yang Berhormat, syarikat penerbangan di Malaysia secara amnya menawarkan bayaran balik (*refund*) kepada penumpang yang terkesan daripada pembatalan penerbangan akibat daripada penularan wabak COVID-19. Dalam hubungan ini, syarikat penerbangan pada kebiasaannya akan menawarkan pilihan kepada penumpang untuk menerima bayaran balik dalam bentuk baucar perjalanan atau kredit akaun yang boleh digunakan untuk perjalanan yang ingin dilakukan pada masa hadapan.

10. Selain itu, syarikat penerbangan juga menawarkan pilihan untuk penumpang membuat sekali penukaran tarikh perjalanan dengan caj perubahan tarikh serta perbezaan harga tiket dikecualikan. Pihak syarikat penerbangan turut menawarkan pilihan untuk bayaran balik dalam bentuk pembayaran asal namun pilihan ini akan dipertimbangkan berasaskan kes demi kes.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW  
[WANGSA MAJU ]**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW [WANGSA MAJU ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan kes HIV di Kuala Lumpur dalam tempoh 5 tahun ini dan nyatakan sebab peningkatan atau penurunan kes mengikut kategori umur pesakit.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bilangan kes baru HIV yang dilaporkan antara tahun 2015 ke 2021 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya ialah 3,030 kes. Secara amnya, kes baru HIV menunjukkan *trend* mendatar, dengan bilangan kes HIV yang dilaporkan pada tahun 2015 sebanyak 448 orang, atau pada kadar 27.8 kes bagi setiap 100 ribu penduduk. Manakala bagi tahun 2019, sebanyak 448 kes HIV baru telah dilaporkan, atau pada kadar 22.5 kes bagi setiap 100 ribu penduduk.

2. Untuk tahun 2020–2021, kes baru HIV yang dilaporkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya menunjukkan *trend* penurunan yang signifikan. Namun, penurunan ini mungkin merupakan kesan dari kawalan pergerakan akibat pandemik COVID-19 yang melanda seluruh negara, menyebabkan aktiviti saringan HIV tersekat. Oleh itu, tren

sebenarnya kes baru HIV boleh dilihat selepas tahun 2022, sejajar dengan kelonggaran SOP COVID-19.

3. Sepanjang tempoh tahun 2015 ke 2021, 91% kes baru HIV adalah daripada kategori umur 20 ke 49 tahun (45% dari kategori umur 20-29, 33% daripada kategori umur 30-39, dan 13% dari kategori 40-49), 3% kes baru berumur kurang dari 20 tahun, dan 6% kes baru berumur 50 tahun ke atas. Secara amnya, tren kes baru HIV mengikut kategori umur adalah mendatar.

4. Dari tahun 2015 ke 2021, transmisi seksual menjadi faktor risiko utama bagi jangkitan HIV baru yang dilaporkan kepada KKM. Sepanjang tempoh ini, sebanyak 68% jangkitan HIV baru yang dilaporkan adalah menerusi hubungan homoseksual/biseksual, manakala 26% adalah menerusi hubungan heteroseksual. Tren kes baru HIV adalah mendatar untuk semua kategori faktor risiko.

5. KKM telah mengambil langkah-langkah kawalan dan pencegahan bagi mencapai matlamat Ke Arah Sifar HIV dan Mengakhiri AIDS seperti digariskan melalui beberapa siri Pelan Strategik Kebangsaan Bagi Mengakhiri HIV/AIDS (2016 - 2030) yang menggariskan fokus utama yang merangkumi (i) uji dan rawat, (ii) pengukuhan pengurangan mudarat, (iii) pencegahan jangkitan ibu ke anak, dan (iv) eliminasi stigma dan diskriminasi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO  
[KLANG]**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan senarai 25 agensi terlibat dalam pengambilan pekerja asing dari Bangladesh. Bagaimana Kementerian menapis agensi ini dan bagaimana unsur buruh paksa diteliti dan mohon menyatakan kenapa pengambilan pekerja ini tidak dibuka kepada semua agensi di Bangladesh.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Migrasi adalah merupakan isu global dan kompleks yang perlu ditangani secara berhemah. Terdapat banyak faktor yang berkaitan dengan migrasi termasuk jenayah pemerdagangan orang. Negara pada masa ini diletakkan di dalam kedudukan yang rendah (Tahap 3) bagi penilaian Laporan Tahunan Pemerdagangan Orang yang dikeluarkan oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat.

Laporan ini secara konsisten telah menyatakan mengenai kos pengambilan yang tinggi bagi kemasukan warga Bangladesh ke Malaysia. Sebagai contohnya, sebuah syarikat berkaitan Kerajaan telah diminta untuk membayar semula kepada pekerja-pekerja warga Bangladesh kos pengambilan yang dikenakan terhadap mereka.

## SOALAN NO : 73

Sehubungan itu, Kerajaan perlu menangani isu yang dibangkitkan ini dan menghadkan bilangan agensi pengambilan dari Bangladesh adalah merupakan salah satu daripada langkah bagi menangani eksploitasi buruh dan buruh paksa yang berkait dengan pengambilan pekerja daripada negara sumber khususnya Bangladesh.

Malaysia menyokong sepenuhnya inisiatif Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) mengenai pengambilan pekerja warga asing secara adil dan beretika daripada negara sumber terutamanya dalam menangani elemen buruh paksa termasuk memastikan kos yang minima kepada pekerja terbabit.

Keputusan Kerajaan Malaysia untuk meningkatkan jumlah agensi pekerjaan Bangladesh daripada 10 kepada 25 merupakan satu pendekatan yang wajar. Ini mengambil kira tumpuan yang diberikan oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat bagi pengambilan pekerja daripada negara tersebut. Justeru itu, langkah sebegini perlu diambil oleh Malaysia bagi menangani kebimbangan mengenai perkara ini. Keputusan untuk menghadkan jumlah agensi pekerjaan Bangladesh dalam proses pengambilan merupakan salah satu tindakan pencegahan dalam membendung permasalahan buruh paksa.

Proses pengambilan bagi pekerja warga Bangladesh adalah berdasarkan obligasi yang dinyatakan di bawah Memorandum Persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani oleh kedua negara. Malahan, ianya telah dibincangkan secara terperinci sebelum MoU tersebut dimuktamadkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [ BUKIT BINTANG]**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kekurangan pekerja yang diperlukan oleh industri dan bagaimana kekurangan ini ditampung sekarang selepas negara beralih ke tempoh endemik COVID-19.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Statistik Job Market Insights (JMI) oleh Jabatan Perangkaan Malaysia yang menggunakan Analitik Data Raya menunjukkan bahawa bilangan kekosongan jawatan yang diiklankan oleh majikan dalam talian mula meningkat pada Suku Tahun Ketiga 2020 dengan peningkatan yang tertinggi direkodkan pada Suku Tahun Ketiga 2021 kepada 192,480 kekosongan jawatan. Bilangan itu kekal tinggi pada Suku Tahun Keempat 2021 selari dengan peralihan seluruh negara kepada fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Dari perspektif sektor ekonomi, kebanyakan kekosongan dalam talian yang diiklankan adalah dalam sektor Perkhidmatan meliputi 54.8% pada



Suku Tahun Keempat 2021. Walaupun sektor Perkhidmatan mencatatkan sumbangan terbesar dalam kekosongan jawatan yang diiklankan dalam talian, ianya masih belum kembali kepada sekitar 70 hingga 80 peratus yang direkodkan dalam tempoh pra-pandemik.

Bagi mengatasi masalah kekurangan pekerja dalam pelbagai sektor, Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui PERKESO melaksanakan inisiatif di bawah Jamin Kerja Keluarga Malaysia atau Program JaminKerja Insentif Penggajian (JKIP) di bawah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) dengan sasaran 300 ribu orang dan peruntukan sebanyak RM2 bilion.

Menerusi JKIP, para majikan yang menggajikan individu yang tidak aktif bekerja bakal menerima insentif sebanyak 20 peratus daripada gaji bulanan bagi tempoh enam (6) bulan pertama dan 30 peratus bagi 6 bulan berikutnya. Bagi golongan rentan pula, majikan layak menerima insentif sebanyak 30 peratus untuk 6 bulan pertama, sebelum dinaikkan kepada 40 peratus bagi 6 bulan berikutnya. Kadar insentif yang sama turut akan dipanjangkan bagi pengambilan pekerja golongan wanita yang telah mengganggur melebihi tempoh setahun, ibu tunggal dan suri rumah.

Selain itu, sebagai kesinambungan kejayaan Program Perantisan, JKIP akan meneruskan program ini dengan pemberian insentif RM900 sebulan untuk tempoh enam bulan kepada majikan yang menggajikan golongan perantis lepasan sekolah dan graduan berumur 18 hingga 30 tahun dalam jawatan Eksekutif. Golongan Perantis ini perlu ditawarkan kontrak 6 bulan dengan bayaran gaji minima RM1,500.

Kementerian melalui PERKESO juga telah menyediakan platform portal MYFutureJobs yang perlu dimanfaatkan oleh setiap pencari kerja. PERKESO turut mempergiatkan beberapa program bagi menggalakkan penyertaan tenaga kerja serta memastikan pengambilan pekerja dapat dilaksanakan dengan berkesan melalui program-program berikut :

- i. Program Karnival Kerjaya (Job Carnival);

- ii. Program Insentif Pengambilan Pekerja(*Hiring Incentive Programme*) ; dan
- iii. Program latihan kemahiran semula (*reskilling* dan *upskilling*) dan peningkatan kemahiran melalui Penyedia Latihan yang dilantik.

Di bawah JKIP, perluasan Elaun Mencari Pekerjaan (EMP) atau Program EMP+ turut diberikan kepada golongan yang tidak mencarum dengan PERKESO termasuklah graduan baharu, lepasan sekolah dan pekerja sektor tidak formal serta aktif mencari pekerjaan di dalam MYFutureJobs.

PERKESO turut bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Belia dan Sukan untuk melaksanakan program-program penempatan pekerjaan dan giat menganjurkan aktiviti temu duga termasuk kepada golongan siswazah dan belia.

Selain itu, Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) PERKESO juga menyediakan program-program bagi peningkatan modal insan dan kebolehpasaran pekerja seperti khidmat kaunseling kerjaya, pemprofilan kemahiran, penulisan *resume*, *mock interview*, latihan persediaan temuduga, latihan kemahiran bahasa dan penyampaian serta seminar pekerjaan bagi mereka yang mencari pekerjaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

-Kementerian melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) secara berterusan melaksanakan program latihan *reskilling* dan *upskilling*. Melalui Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad (Akta PSMB 2001), majikan yang berdaftar dengan PSMB akan membayar levi Pembangunan Sumber Manusia berjumlah 1% daripada gaji pekerja warganegara Malaysia dan levi tersebut boleh digunakan kembali bagi menggalakkan latihan dan pembangunan pekerja tempatan, perantis dan pelatih.

Melalui levi ini yang berperanan sebagai insentif latihan, majikan boleh menghantar pekerja tempatan mengikuti pelbagai aktiviti latihan peningkatan kemahiran dan latihan semula kemahiran melalui PSMB. Setakat Jun 2022, seramai 561,324 pelatih telah diluluskan merangkumi pelbagai sektor meliputi bidang latihan kemahiran; insaniah (*softskills*) dan teknikal.

Selain itu, PSMB telah membangunkan platform e-LATiH iaitu platform pembelajaran dalam talian untuk memberi peluang kepada rakyat Malaysia meningkatkan kemahiran dan pengetahuan bagi meningkatkan prospek pekerjaan dan keupayaan menjana pendapatan melalui pelbagai kursus pembangunan peribadi dan profesional secara percuma. Sehingga Jun 2022, seramai lebih 200 ribu pengguna telah berdaftar dengan e-LATiH dan lebih 400 ribu kursus telah diikuti.

PSMB juga menubuhkan **HRDCorp Placement Centre (HPC)** yang berperanan sebagai platform untuk memadankan pekerja dengan peluang pekerjaan yang tersedia oleh majikan. Sehingga Jun 2022, sebanyak **42,310 peluang pekerjaan tersedia** melalui HPC dan lebih **6,000 pekerja berjaya** ditempatkan melalui inisiatif ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN  
CHIK [ BALIK PULAU ]**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [ BALIK PULAU ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan dapatan laporan siasatan ke atas syarikat penerbangan tambah murah yang culas dengan jadual penerbangan yang sering bertukar-tukar baru-baru ini serta tindakan tegas yang bakal diambil bagi memastikan kejadian seperti ini tidak lagi berulang.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) telah membuat pemantauan berterusan berkaitan pembatalan / penjadualan semula penerbangan yang sering berlaku sejak bulan April lepas. Dalam hubungan ini, daripada jumlah 67,298 penerbangan yang dijadualkan bagi tempoh April hingga Mei 2022, 29,956 atau 44.51% penerbangan domestik dan antarabangsa telah dibatalkan. Punca pembatalan/ penjadualan semula adalah disebabkan kekangan pesawat dan juga kekurangan kakitangan.

2. Selanjutnya, MAVCOM melalui suratnya bertarikh 7 Julai 2022 kepada semua syarikat penerbangan telah mengingatkan syarikat penerbangan untuk mematuhi jadual penerbangan yang telah ditetapkan bagi sebarang gangguan terhadap penumpang. Dalam hubungan ini, syarikat penerbangan telah diminta untuk memastikan kesediaan operasi pada setiap masa terutama sepanjang musim perayaan.
3. Di samping itu, bagi memastikan syarikat penerbangan mematuhi jadual-jadual penerbangan yang telah ditetapkan, pihak MAVCOM sedang mempertimbangkan cadangan untuk mengenakan penalti kewangan kepada syarikat penerbangan atau tindakan-tindakan lain yang bersesuaian dengan syarat-syarat lesen/permit yang ditetapkan. Cadangan ini boleh dilaksanakan dengan perubahan atau tambahan kepada syarat lesen/permit sedia ada. Tindakan tegas seperti ini boleh diambil bagi memastikan kejadian pembatalan/ penjadualan semula penerbangan tidak lagi berulang.
4. Bagi maksud bayaran pampasan kepada penumpang, Kod Perlindungan Pengguna Penerbangan Malaysia 2016 (*Malaysian Aviation Consumer Protection Code 2016*, MACPC) telah memperuntukkan tanggungjawab syarikat penerbangan terhadap pengguna. Kod ini bertujuan untuk melindungi hak dan kepentingan pengguna dengan memastikan semua aduan terhadap syarikat-syarikat penerbangan diambil tindakan dan diselesaikan.
5. Syarikat penerbangan yang menunda penerbangan atas faktor di bawah kawalan syarikat penerbangan seperti masalah operasi, komersial atau teknikal adalah tertakluk untuk menawarkan pampasan dan penjagaan kepada penumpang sepertimana yang diperuntukkan di dalam MACPC.
6. Sekiranya syarikat penerbangan gagal mematuhi **MACPC**, MAVCOM boleh mengenakan penalti kewangan sebanyak amaun yang tidak melebihi RM200,000, dan ketidakpatuhan kedua atau berikutnya, amaun sepuluh kali daripada penalti kewangan yang dikenakan bagi ketidakpatuhan yang pertama. Dari tahun 2018 sehingga 2020, MAVCOM telah mengenakan penalti sebanyak RM4.72 juta ke atas

kegagalan syarikat penerbangan dalam mematuhi Pelbagai kesalahan di bawah MACPC.

7. Syarikat penerbangan yang membatalkan penerbangan atas faktor di bawah kawalan syarikat penerbangan seperti teknikal, atau kapasiti penumpang yang tidak memuaskan menyebabkan penerbangan tersebut dilewatkan atau dibatalkan adalah tertakluk untuk menawarkan pembayaran ganti dalam masa 30 hari atau perubahan laluan sepertimana yang diperuntukkan di dalam MACPC.

8. Dalam situasi berbeza di mana **pengguna sendiri yang membatalkan penerbangan**, maka bayaran balik tiket kepada pengguna adalah tertakluk kepada terma dan syarat tiket penerbangan yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak iaitu syarikat penerbangan dan pengguna.

9. Untuk makluman Yang Berhormat, syarikat penerbangan di Malaysia secara amnya menawarkan bayaran balik (*refund*) kepada penumpang yang terkesan daripada pembatalan penerbangan akibat daripada penularan wabak COVID-19. Dalam hubungan ini, syarikat penerbangan pada kebiasaannya akan menawarkan pilihan kepada penumpang untuk menerima bayaran balik dalam bentuk baucar perjalanan atau kredit akaun yang boleh digunakan untuk perjalanan yang ingin dilakukan pada masa hadapan.

10. Selain itu, syarikat penerbangan juga menawarkan pilihan untuk penumpang membuat sekali penukaran tarikh perjalanan dengan caj perubahan tarikh serta perbezaan harga tiket dikecualikan. Pihak syarikat penerbangan turut menawarkan pilihan untuk bayaran balik dalam bentuk pembayaran asal namun pilihan ini akan dipertimbangkan berasaskan kes demi kes.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE LIMA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS 2022**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' MOHD AZIS BIN JAMMAN  
(SEPANGGAR)**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK MOHD. AZIS BIN JAMMAN ( SEPANGGAR )** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan setelah 9 tahun kejadian pencerobohan Lahad Datu, apakah alternatif lain selain daripada perintah berkurung di kawasan perairan ESSZONE bagi menjamin keselamatan rakyat dan pada masa yang sama dapat memulihkan semula ekonomi setempat.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Pelaksanaan Arahan Perintah Berkurung di perairan Zon Selamat Sabah Timur (ESS Zone) sejak tahun 2014 telah memberikan impak positif kerana ianya memberi jaminan keselamatan kepada masyarakat, komuniti maritim, dan pelancong selain berjaya mengekang pencerobohan anasir luar dan penjenayah rentas sempadan. Meskipun adanya arahan perintah berkurung, penduduk setempat **dibenarkan** menjalankan aktiviti harian di kawasan perairan tersebut **dengan permit** yang dikeluarkan oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM). Berdasarkan statistik dari bulan Januari hingga Jun 2022, sebanyak **9,079 Permit Pengecualian Perintah Berkurung** telah dikeluarkan kepada bot nelayan, kapal dagang, kontena, feri dan bot tunda (*tug boat*).

Selain itu, antara inisiatif lain yang dilaksanakan ESSCOM bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan masyarakat setempat adalah seperti berikut:

- i. Memperkasakan operasi-operasi bersepadu pasukan keselamatan untuk mengesan dan mengekang anasir luar, tali barut, penjenayah rentas sempadan dan kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI) ke ESS Zone melalui Op Cegah PATI, Op GASAK Laut, *Road Check Point* (RCP) dan *Sea Check Point* (SCP);
- ii. Memperkasa kawalan sempadan melalui atur gerak pasukan (*troop*), pengukuhan infrastruktur di pos-pos kawalan sedia ada serta rancangan bagi pewujudan pos-pos kawalan yang baharu;
- iii. Memperkukuhkan perkongsian maklumat dan kerjasama antara Angkatan Tentera Malaysia (ATM), PDRM dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang merentasi agensi melalui jaringan komunikasi yang berkesan;
- iv. Mengatur gerak dan mengkoordinasi aset-aset ATM, PDRM dan APMM secara bersepadu melibatkan tiga domain iaitu darat, laut dan udara melalui maklumat yang diperolehi daripada sumber risikan dan sistem pengawasan sedia ada bagi mengesan dan memantau sasaran yang mencurigakan; dan
- v. Mengeratkan jaringan hubungan dan kerjasama ESSCOM bersama masyarakat melalui penganjuran sesi libat urus, program-program kemasyarakatan dan sosio-ekonomi yang menyasarkan penduduk di ESS Zone.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE LIMA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS 2022**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL  
SINGH (BUKIT GELUGOR)**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH ( BUKIT GELUGOR )** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan penjelasan terperinci berkenaan isu layanan terhadap tahanan – tahanan serta keadaan persekitaran di pusat tahanan / depot Imigresen yang telah menyebabkan kematian ratusan tahanan-tahanan sepertimana yang dilaporkan dalam satu laporan oleh Sovereign Migrant Workers Coalition (KBMB) baru-baru ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pihak Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta telah membuat kenyataan media pada 28 Jun 2022 bagi menerangkan statistik sebenar. Sehingga 12 Julai 2022, terdapat 17,703 orang PATI ditahan di semua depot imigresen seluruh negara yang terdiri daripada 12,722 orang lelaki, 3,217 orang wanita, 996 orang kanak-kanak lelaki dan 768 orang kanak-kanak perempuan. Warganegara Filipina merupakan tahanan paling ramai iaitu 7,022 orang (39.67%), diikuti warganegara Indonesia seramai 4,625 orang (26.13%) dan warganegara Myanmar seramai 1,390 orang (7.85%).

Jumlah terkini pendatang tanpa izin yang ditahan di empat buah depot imigresen Negeri Sabah pula ada seramai 7,369 orang iaitu meliputi 5,478 orang tahanan lelaki, 1,129 orang tahanan wanita, 447 orang tahanan kanak-kanak lelaki dan 315 orang tahanan kanak-kanak perempuan.

Bagi tempoh 2021 sehingga 12 Julai 2022, terdapat 247 kematian melibatkan 217 orang tahanan lelaki, 26 orang tahanan wanita dan empat orang tahanan kanak-kanak lelaki. Daripada jumlah tersebut, 154 orang merupakan tahanan warganegara Indonesia dan Filipina yang meninggal dunia di depot-depot imigresen Negeri Sabah bagi tempoh 2021 sehingga 12 Julai 2022.

Bagi memastikan usaha pengusiran dilaksanakan dengan cekap dan isu kesesakan atau kepadatan di depot imigresen khususnya di Negeri Sabah tidak berterusan, Kementerian Dalam Negeri melalui JIM Negeri Sabah mengambil tindakan konsisten seperti berikut:

- (i) melaksanakan pemindahan tahanan dari depot berkapasiti tinggi ke depot yang kurang berkapasiti tinggi;
- (ii) menggiatkan usaha pengusiran PATI ke negara asal;
- (iii) mengadakan rundingan secara berkala dengan pihak Kedutaan Filipina dan Indonesia bagi mempercepatkan proses penghantaran pulang tahanan ke negara asal;

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD ANUAR MOHD TAHIR  
[ TEMERLOH ]**

**TARIKH JAWAB : 3 OGOS (RABU)**

**SOALAN**

**YB TUAN HAJI MOHD ANUAR MOHD TAHIR [ TEMERLOH ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa unjuran kenaikan harga rumah atau hartanah yang akan berlaku pada tahun 2022

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan **Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC)**, Indeks Harga Rumah Malaysia (IHRM) berada pada aras 202.7 mata (2021) dengan pertumbuhan 1.2% berbanding tahun 2020. Sepanjang dari tahun 2009 hingga 2021, didapati indeks harga rumah Malaysia menunjukkan peningkatan ketara dari tahun 2011 hingga 2013 iaitu perubahan tahunan indeks harga rumah adalah antara 10.9 peratus hingga 13.4 peratus.

Namun begitu, perubahan tahunan IHRM menunjukkan siri pertumbuhan yang tidak ketara bagi tempoh selepas tahun 2013 dengan kembali mencatatkan peningkatan satu angka berbanding tahun sebelumnya. IHRM bagi suku pertama tahun 2022 (data awalan) menyaksikan pertumbuhan negatif (-0.1 peratus) setelah beberapa siri pertumbuhan harga rumah yang perlahan sejak 2018.

IHRM dijangka akan kekal stabil pada 2022 dengan pertumbuhan kecil di negeri-negeri utama selari dengan persekitaran ekonomi yang kian pulih. Fasa 'Peralihan ke Endemik' Covid-19 bermula 1 April 2022 dijangka meningkatkan lagi aktiviti ekonomi domestik dan seterusnya menyumbang kepada sektor harta kediaman dan kestabilan harga rumah Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR BIN  
RADIN [KINABATANGAN]**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK SERI PANGLIMA BUNG MOKTAR BIN RADIN  
[KINABATANGAN]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan perancangan Kementerian dalam membantu graduan menganggur untuk mendapatkan pekerjaan dan apakah usaha bagi mengawal atau mengurangkan bilangan pekerja yang diberhentikan ekoran pandemic COVID-19.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Berdasarkan Statistik Tenaga Buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, semasa pandemik Covid -19 kadar pengangguran negara telah mencatat rekod tertinggi iaitu 4.9 peratus pada Januari 2021.

Daripada usaha-usaha yang diambil oleh Kerajaan, kini kadar pengangguran telah menurun kepada 3.9 peratus pada Mei 2022. Walaupun begitu kadar pengangguran ini masih belum kembali ke tahap sebelum pandemik iaitu 3.2 peratus.

Bagi meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh termasuk graduan serta mengurangkan kadar pengangguran, Kerajaan telah mempergiatkan usaha mengadakan program berikut:

- i. Melaksanakan **Program JaminKerja-Insentif Penggajian** yang akan memanfaatkan pencari kerja dari seluruh negara. Program ini merupakan satu insentif kewangan yang diberikan kepada majikan yang membuat pengambilan baharu mulai 1 Januari 2022 dalam kalangan perantis, graduan, golongan mudah terjejas termasuk OKU, bekas tentera, bekas banduan, warga emas serta penganggur am. Sehingga **29 Julai 2022** sebanyak **120,237 pencari kerja** telah berjaya ditempatkan melalui pelbagai aktiviti yang dilaksanakan oleh Kementerian melalui PERKESO.
- ii. Sebagai kesinambungan kejayaan **Program Perantisan** pada tahun 2021, JaminKerja-Insentif Penggajian akan meneruskan program ini dengan pemberian insentif RM900 sebulan untuk tempoh enam bulan kepada majikan yang menggajikan golongan perantis lepasan sekolah dan graduan berumur 18 hingga 30 tahun dalam jawatan Eksekutif. Golongan Perantis ini perlu ditawarkan kontrak 6 bulan dengan bayaran gaji pemula berjumlah RM1,500. Berdasarkan statistik, jumlah pekerja yang telah mendapat manfaat daripada **Program Perantisan JaminKerja-Insentif Penggajian** setakat **29 Julai 2022** adalah seramai 5,932 orang.
- iii. Kerajaan turut meluaskan program **Sistem Insuran Pekerjaan- Elaun Mencari Pekerjaan Plus** kepada golongan bukan pencarum bagi membantu mereka dalam usaha mendapatkan pekerjaan baharu. Setakat **29 Julai 2022**, seramai **1,487** pencari kerja **telah diluluskan permohonannya** bagi program ini.
- iv. Selain itu, Kerajaan juga telah meluaskan **Sistem Insuran Pekerjaan- Elaun Mencari Pekerjaan Plus** kepada **pencarum yang tidak layak mendapat Elaun Mencari Pekerjaan SIP**. Sehingga **29 Julai 2022**

pula, seramai **19,234** pencari kerja telah diluluskan permohonannya bagi program ini.

- v. Kerajaan melalui **HRD Corp** telah menubuhkan **Placement Centre** yang berperanan sebagai platform untuk memadankan pekerja dengan peluang pekerjaan yang tersedia oleh majikan. Sehingga **31 Julai 2022**, sebanyak **43,903 peluang pekerjaan tersedia** melalui platform ini di mana lebih **6,000 pekerja telah berjaya** mendapat pekerjaan dalam pelbagai sektor seperti Perkhidmatan, Perkilangan, Borong dan Runcit serta lain-lain lagi. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **60 peratus (3,600 pekerja)** adalah daripada golongan belia dan sebahagian besar mereka memperoleh gaji sebanyak RM2,000 dan ke atas.
- vi. Kerajaan juga telah melancarkan **Inisiatif PENJANA HRDF** dengan memperkenalkan lima skim yang terdiri daripada **Place & Train, B40 Development, SME Development, Industrial Revolution 4.0 dan Gerak Insan Gemilang**. Skim-skim ini diwujudkan dengan tujuan untuk membantu rakyat termasuk golongan belia dan graduan dalam mendapat pekerjaan, pekerjaan sendiri dan menambah serta meningkatkan kemahiran mereka. Setakat **31 Julai 2022**, sebanyak **85,527 pelatih** telah mengikuti skim-skim yang melibatkan penempatan pekerjaan dan pekerjaan sendiri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN BARU BIAN (SELANGAU)**

**TARIKH : 3.8.2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN BARU BIAN (SELANGAU)** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan pelanggaran prinsip Deklarasi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai hak Orang Asli (UNDRIP) terus berlaku di negara ini. Mengapakah Kerajaan tidak menyokong dan melaksanakan UNDRIP, yang mana Malaysia telah mengundi untuk menerima pakai pada tahun 2007 dan adakah Kerajaan berhasrat untuk berbuat demikian.



**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Dokumen United Nation Declaration on the Right of the Indigenous People (UNDRIP) adalah merupakan satu deklarasi Bangsa-bangsa Bersatu (UNGA) pada tahun 2007 termasuk Malaysia.

Deklarasi ini tidak mengikat ahli negara secara perundangan untuk melaksanakan sebarang artikelnnya. Ia merupakan satu penanda aras pembangunan terhadap masyarakat peribumi di negara ahli.

Dari konteks masyarakat Orang Asli di Semenanjung Malaysia, Kerajaan telah menggunapakai kebanyakan pernyataan dalam dokumen deklarasi ini sebelum ia dipersetujui pada tahun 2007. Sebahagian kandungan ini adalah selaras dengan Perlembangan Persekutuan dan dasar sedia ada negara.

Antara prinsip utama dokumen deklarasi ini adalah (FPIC) Free, Prior, Inform dan Conent yang telah diamalkan oleh Kerajaan bukan sahaja terhadap pembangunan kepada masyarakat Orang Asli tetapi kepada semua masyarakat negara ini.

Selain itu, United Nations Declaration in the Rights of Indigenous People (UNDRIP) juga menekankan tentang hak kesamarataan, hak kebebasan diri serta hak kelayakan untuk menjadi Ahli Parlimen, hak kewarganegaraan dan hak yang mana pendidikan serta hak menduduki tanah yang mana ke semua perkara ini telah dilaksanakan secara konsisten oleh Kerajaan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID  
[ KAPAR ]**

**TARIKH : 03 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [ KAPAR ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah tindakan menghapuskan subsidi minyak masak botol ini adalah tindakan terbaik sedangkan alasan penyeludupan minyak masak botol ini adalah berpunca daripada penguatkuasaan yang lemah.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kerajaan telah memutuskan pemansuhan subsidi minyak masak botol bagi memastikan harga dan bahan makanan dalam pasaran adalah stabil. Keputusan tersebut telah mengambil kira minyak masak sawit tulen botol yang sepatutnya hanya untuk kegunaan domestik telah disalahgunakan oleh pihak industri dan komersial serta diseleweng oleh pihak-pihak tidak bertanggungjawab. Pemberian subsidi ke atas minyak masak sawit tulen botol juga tidak banyak memberi manfaat kepada golongan berpendapatan rendah kerana mereka lebih cenderung untuk membeli minyak masak pek polibeg 1kg yang harganya lebih murah. Atas rasional ini, maka Kerajaan memutuskan untuk memansuhkan subsidi minyak masak botol bermula 1 Julai 2022.

Tindakan penguatkuasaan bagi membanteras penyelewengan minyak masak paket dan botol telah dipertingkatkan bagi memastikan subsidi sampai ke golongan sasaran. Sepanjang tahun 2018 sehingga Jun 2022, sebanyak 430 kes telah dihasilkan berkaitan penyelewengan minyak masak paket dan botol melibatkan nilai rampasan hampir RM15.7 juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN  
[ STAMPIN ]**

**TARIKH JAWAB : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**YB TUAN CHONG CHIENG JEN [ STAMPIN ]** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah cadangan Kerajaan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh orang Sarawak bahawa antara kesemua negeri dan wilayah dalam negara kita, harga rumah di Sarawak adalah paling unaffordable (tidak mampu milik) di mana ratio median harga rumah – median pendapatan isi rumah adalah tertinggi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengadakan Mesyuarat Majlis Perumahan Mampu Milik Negara (MPMMN) Bilangan 1 Tahun 2022 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 10 Februari 2022. MPMMN adalah merupakan sebuah platform bagi membincangkan dan menyelaraskan hala tuju perancangan, pelaksanaan serta pemantauan penyediaan Rumah Mampu Milik (RMM) di seluruh negara selaras dengan matlamat Satu Keluarga Satu Rumah.

Selaras dengan strategi Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) untuk meningkatkan bekalan RMM sebanyak 500,000 unit rumah, Kerajaan telah mewujudkan Jawatankuasa Kerja Perumahan Mampu Milik Negara dan Jawatankuasa Pemandu Perumahan Mampu Milik Negara bagi memastikan sasaran ini dapat dicapai menjelang tahun 2025. Strategi pelaksanaan ini akan melibatkan KPKT sebagai penyelarasan utama kepada 15 Kementerian/ Agensi Persekutuan, kerajaan negeri dan sektor swasta. Kerajaan Negeri Sarawak telah menyasarkan RMM RMKe-12 bagi wilayah Sarawak sebanyak **2,391 unit**. Selain itu, KPKT akan meneruskan program perumahan sedia ada di bawah RMKe-12 iaitu dengan menyasarkan **1,112 unit** Program Perumahan Rakyat (PPR) **dan 1,200 unit** Rumah Mesra Rakyat (RMR) untuk Wilayah Sarawak. Sehingga 30 Jun 2022, sebanyak **651 unit PPR dan 121 unit RMR** telah siap dibina di Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi menangani isu kemampuan rakyat memiliki rumah di Malaysia termasuk Wilayah Sarawak. KPKT akan memperkenalkan Indeks Harga Rumah Mampu Milik berdasarkan lokaliti. Indeks ini akan dijadikan sebagai panduan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan pemaju perumahan swasta untuk

membangunkan perumahan mengikut kemampuan pembeli. Indeks ini akan dipaparkan melalui Dashboard Maklumat Rumah Mampu Milik untuk memudahkan penyedia perumahan di peringkat Persekutuan, Negeri dan pemaju swasta serta rakyat untuk melihat maklumat rumah mampu milik yang dinamik dibawah program KPKT.

Bagi meningkatkan aksesibiliti perumahan oleh rakyat, KPKT telah mengambil tindakan seperti berikut:

- (i) melaksanakan Program Pemilikan Rumah atau *Home Ownership Programme* (HOPE) dan Karnival Jom Beli Rumah (KJBR); dan
- (ii) melaksanakan Inisiatif Pembiayaan Perumahan Malaysia (i-Biaya) seperti Skim Rumah Pertamaku (SRP) di bawah Cagamas Berhad, Skim Jaminan Kredit Perumahan di bawah Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad (SJKP) dan Rent-to-Own (RTO) PR1MA dengan kerjasama institusi kewangan yang terpilih agar dapat menarik minat pembeli khususnya golongan B40 dan M40 untuk memudahkan pembiayaan bagi memiliki rumah.
- (iii) seterusnya bagi mendukung Program HOPE ini, YAB Perdana Menteri semasa Majlis Pelancaran HOPE dan KJBR pada 15 Julai 2022 telah mengumumkan Inisiatif Pemilikan Perumahan Keluarga Malaysia atau i-Miliki yang melibatkan pemberian insentif pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman bagi pembelian rumah pertama secara peringkat atau tier harga rumah iaitu:

Pertama: Bagi rumah berharga RM500,000 dan ke bawah, insentif pengecualian duti setem adalah sebanyak 100 peratus; dan

Kedua: Bagi rumah berharga melebihi RM500,000 sehingga RM1 juta, insentif pengecualian sebanyak 50 peratus.

Pengecualian ini adalah bagi perjanjian jual beli yang disempurnakan dalam tempoh mulai 1 Jun 2022 sehingga Disember 2023.

Selain itu, KPKT juga telah mewujudkan Panel Pemikir (*Panel of Experts*, POE) bagi membantu dan memberi nasihat dalam pelbagai isu perumahan khususnya melibatkan kluster sosial, ekonomi dan geopolitik. Selain itu, POE juga dapat membantu merangka strategi pendekatan aksesibiliti perumahan ideal yang konklusif, praktikal dan mampan. Buat permulaan, POE ini akan membincangkan mengenai kaedah pembiayaan perumahan serta kaedah pembangunan perumahan yang mengekalkan harga perumahan pada harga mampu milik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR  
[ POKOK SENA ]**

**TARIKH : 03.08.2022 (RABU)**

**SOALAN**

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [ Pokok Sena ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah langkah proaktif dan agresif yang diputuskan oleh Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara (NACCOL) bagi mengekang kenaikan harga barang keperluan yang meningkat dalam keadaan rakyat tidak mempunyai wang untuk membeli.



**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Mengambil kira semangat Keluarga Malaysia, antara langkah jangka pendek dan jangka panjang yang diambil bagi mengurangkan kesan kenaikan harga barangan adalah seperti berikut:

- i. RM1.1 bilion diperuntukkan kepada subsidi ayam dan telur bagi menstabilkan harga kedua-dua produk ini;
- ii. Kerajaan juga dijangka membelanjakan subsidi minyak masak polibeg 1 kg sehingga RM4 bilion pada tahun ini. Jumlah ini naik secara mendadak berbanding keperluan pada tahun 2020 dan 2021;
- iii. Bagi memastikan keberadaan bekalan minyak masak di pasaran serta minyak masak bersubsidi 1 kg ini dinikmati oleh pihak yang sepatutnya, KPDNHEP melaksanakan penguatkuasaan serta operasi membanteras penyeludupan dengan menggerakkan lebih kurang 2,200 anggota penguatkuasa seluruh negara;
- iv. Kerajaan juga terus mengekalkan harga RON95 sekaligus menyebabkan Kerajaan menanggung perbelanjaan yang besar bagi membantu rakyat. Dengan tidak menaikkan harga RON95 ia telah memberi ruang supaya harga barangan dan perkhidmatan kekal stabil; dan
- v. Bagi membolehkan rakyat mendapat akses untuk membeli barangan pada harga berpatutan, Kerajaan meneruskan Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) dengan peruntukan sebanyak RM100 juta melibatkan 222 kawasan Parlimen terlibat tanpa mengira status kawasan Parlimen tersebut.

Benar, kita tidak dapat menghalang kenaikan kerana ia adalah disebabkan faktor inflasi global. Namun, impaknya dikurangkan dengan strategi-strategi yang telah dirangka oleh Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [ PUCHONG ]**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN GOBIND SINGH DEO [ PUCHONG ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah kos saraan hidup meningkat dan inflasi.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, antara tindakan yang telah diambil oleh kerajaan untuk mengatasi masalah kos sara hidup yang meningkat adalah melalui meningkatkan pemberian subsidi iaitu sebanyak RM77 bilion pada tahun ini. Jumlah ini mungkin akan bertambah lagi berbanding dengan peruntukan asal sebanyak RM31 bilion pada tahun 2020. Selain itu, antara Subsidi yang diperuntukan oleh kerajaan bagi mengurangkan kesan kenaikan harga barangan adalah seperti berikut:

- i. Minyak masak sebanyak RM4 bilion;
- ii. Gandum sebanyak RM40 juta;
- iii. Gas LPG sebanyak RM2.6 bilion;
- iv. Diesel sebanyak RM7.5 bilion;
- v. RON95 sebanyak RM27 bilion; dan
- vi. Tarif elektrik dijangka RM6.5 bilion.

Selain itu, kerajaan turut mengambil tindakan tambahan seperti berikut:

- i. RM1.1 bilion diperuntukkan kepada subsidi ayam dan telur bagi menstabilkan harga kedua-dua produk ini;
- ii. Kerajaan juga dijangka membelanjakan subsidi minyak masak polibeg 1 kg sehingga RM4 bilion pada tahun ini. Jumlah ini naik secara mendadak berbanding keperluan pada tahun 2020 dan 2021;
- iii. Bagi memastikan keberadaan bekalan minyak masak di pasaran serta minyak masak bersubsidi 1 kg ini dinikmati oleh pihak yang sepatutnya, KPDNHEP melaksanakan penguatkuasaan serta operasi membanteras penyeludupan dengan menggerakkan lebih kurang 2,200 anggota penguatkuasa seluruh negara;
- iv. Kerajaan juga terus mengekalkan harga RON95 sekaligus menyebabkan Kerajaan menanggung perbelanjaan yang besar bagi membantu rakyat. Dengan tidak menaikkan harga RON95 ia telah memberi ruang supaya harga barangan dan perkhidmatan kekal stabil; dan
- v. Bagi membolehkan rakyat mendapat akses untuk membeli barangan pada harga berpatutan, Kerajaan meneruskan Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) dengan peruntukan sebanyak RM100 juta melibatkan 222 kawasan Parlimen terlibat tanpa mengira status kawasan Parlimen tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR]**

**TARIKH : 25 JULAI 2022 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN SU KEONG SIONG [ KAMPAR ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status terkini berkenaan pengharaman penggunaan tiga jenis kenderaan mikrobiliti yang dikelaskan sebagai Moped, Personal Mobility Devices (PMD) dan Personal Mobility Aids (PMA). Adakah Kerajaan akan mengkaji garis panduan dan/atau peraturan yang sesuai untuk kegunaan kenderaan mikrobiliti (e-Bike) ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian Pengangkutan telahewartakan Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan (Larangan Penggunaan Kenderaan Mikromobiliti Tertentu) 2021 berkuatkuasa pada 17 Disember 2021. Peraturan ini bertujuan untuk melarang tiga jenis / perihalan kenderaan mikromobiliti iatu Moped, *Personal Mobility Devices* (PMD) dan *Personal Mobility Assistant* (PMA) daripada digunakan di atas jalan raya.
2. Larangan tersebut bermaksud semua kenderaan mikromobiliti adalah dilarang digunakan sepertimana kenderaan motor yang lain dan bercampur dengan aliran trafik di atas jalan raya termasuk di atas lebuhraya. Penggunaan kenderaan ini di jalan raya adalah sangat berisiko tinggi yang mempunyai *mix traffic* (pencampuran) dengan mod kenderaan

lain, selain mempunyai perbezaan had laju dan tidak dicipta khusus untuk kegunaan sepertimana kenderaan motor yang lain.

3. Peraturan ini mengambil kira prinsip keselamatan jalan raya memandangkan penggunaan kenderaan ini adalah tidak selamat dan tiada elemen pemantauan / kawalan peraturan sedia ada seperti aspek kompetensi pemanduan, pelesenan pemandu, kawal selia pembinaan kenderaan dan pendaftaran kenderaan sekiranya berlaku kemalangan. Selain itu juga, peraturan ini dilaksanakan bagi melindungi kebajikan dan keselamatan semua pengguna jalan raya termasuk pengguna kenderaan mikromobiliti.

4. Walau bagaimanapun, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh menyediakan infrastruktur khas dan selamat seperti laluan khas kenderaan mikromobiliti (seperti laluan basikal) dan mengemukakan permohonan pengecualian larangan ini kepada MOT. Pembangunan infrastruktur berkenaan juga perlu mematuhi garis panduan yang dibangunkan oleh KPKT melalui PlanMalaysia dan semua elemen keselamatan dan peraturan penggunaan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK  
[ SEREMBAN ]**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN LOKE SIEW FOOK [ SEREMBAN ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan terkini projek pemuliharaan landasan KVDT Fasa 1 dan KVDT Fasa 2, nama kontraktor serta perunding ICC yang dilantik dan bilakah tarikh jangka masa siap untuk kedua-dua fasa serta jumlah kos terkini untuk Fasa 2.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi Projek KVDT Fasa 1 kontraktor yang dilantik adalah Dhaya Maju Infrastructure (Asia) Sdn. Bhd. dan JSP Emenea JV Sdn. Bhd telah dilantik sebagai perunding pemeriksa bebas (ICC). Projek yang sepatutnya siap pada 1 November 2019 tetapi tertangguh sehingga pelanjutan masa sebanyak 4 kali telah diberikan dengan tarikh siap semasa iaitu pada 30 Januari 2023. Kesannya, pengguna-pengguna perkhidmatan KTMB masih tidak dapat menikmati perkhidmatan pengangkutan awam yang lebih baik serta kemudahan stesen yang lebih selesa. Untuk makluman, peratus kemajuan keseluruhan Projek KVDT Fasa 1 sehingga 24 Julai 2022 adalah sebanyak 92.43%.

Bagi Projek KVDT Fasa 2, berdasarkan Keputusan Jemaah Menteri bertarikh 18 Mei 2022, Syarikat Dhaya Maju LTAT Sdn. Bhd. (DM-LTAT) telah menarik balik tindakan undang-undang terhadap Kerajaan Malaysia. Susulan daripada itu, Surat Setuju Terima (SST) bertarikh 29 Julai 2022 telah dikeluarkan kepada Syarikat DM-LTAT berdasarkan perbincangan bersama Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) dan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT). Kos kontrak dikekalkan sebanyak RM4,475,250,000 dengan skop projek dan tempoh pelaksanaan dikekalkan. Justeru itu, sukacita dimaklumkan bahawa penglibatan LTAT secara usahasama dengan DMIA dalam projek KVDT2 masih diteruskan dan sebarang dakwaan kononnya LTAT ditindas oleh Kementerian Pengangkutan adalah tidak berasas. Pelantikan ICC ini perlu disegerakan untuk memastikan kelancaran projek.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [ SEREMBAN ]**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN LOKE SIEW FOOK [ SEREMBAN ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapa Syarikat Integrated Marine Works Sdn. Bhd. masih diberikan lanjutan konsesi dredging selama 15 tahun walaupun syarikat ini menghadapi pelbagai masalah kewangan dan mengapa skop konsesi diperluaskan untuk merangkumi kerja-kerja penambakan (reclamation) yang merupakan satu bentuk monopoli.



**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

1. Keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 7 Julai 2021 untuk melantik syarikat *Integrated Marine Works Sdn. Bhd.* (IMW) bagi melaksanakan kerja-kerja pengerukan dan penambakan ataupun *reclamation* di pelabuhan-pelabuhan dalam negara dibuat setelah mengambil kira kelebihan aset, tenaga mahir dan pencapaian serta pelaburan syarikat di bawah Perjanjian Penswastan terdahulu.
2. IMW juga merupakan syarikat Bumiputra yang telah berjaya melaksanakan hampir 247 projek pengerukan sepanjang tempoh konsesi terdahulu dengan nilai kontrak keseluruhan mencecah hampir RM2.28 bilion. Selain itu, IMW juga merupakan ahli *World Organisation of Dredging Associates* (WODA) dan *Eastern Dredging Associations* (EADA) dan merupakan satu-satunya syarikat tempatan yang berdaftar di bawah WODA dan EADA di Asia Tenggara.
3. Walau bagaimanapun, Perjanjian Konsesi yang diberikan kepada pihak syarikat selama 15 tahun ini bukanlah perjanjian lanjutan sepertimana yang didakwa. Perjanjian Konsesi ini adalah satu perjanjian baharu yang telah diperhalusi dan ditambah baik berbanding Perjanjian Konsesi terdahulu bagi memastikan kepentingan Kerajaan dan pengoperasian kesemua pelabuhan persekutuan terus terpelihara.
4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kerja penambakan (*reclamation*) yang dilaksanakan oleh syarikat sebenarnya merupakan sebahagian daripada proses kerja-kerja pengerukan. Kerja penambakan tersebut hanya melibatkan bahan daripada dasar laut hasil kerja-kerja pengerukan yang dijalankan di setiap Pelabuhan Persekutuan dan hanya dilaksanakan sekiranya terdapat keperluan bagi operasi pelabuhan. Hal ini juga bermakna kerja penambakan tersebut tidak akan melibatkan kerja-kerja penimbunan tanah (*land-fill*), penambakan pantai (*beach nourishment*) dan projek-projek Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE LIMA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS 2022**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIM CHEE KEONG (BUKIT MERTA JAM)**

**TARIKH : 3 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN SIM CHEE KEONG ( BUKIT MERTA JAM )** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status siasatan kes job scam rakyat Malaysia ke Kemboja, berapa ramai rakyat Malaysia terlibat yang masih berada di sana dan apa rancangan Kerajaan untuk menumpaskan sindiket tersebut.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menerima sebanyak 161 laporan polis yang telah dibuat oleh mangsa dan ahli keluarga. Daripada jumlah ini, pihak PDRM telah mengenalpasti seramai 194 orang warganegara Malaysia dipercayai telah menjadi mangsa sindiket penipuan kerja di luar negara. Dengan kerjasama ASEANAPOL, INTERPOL, Kementerian Luar Negeri dan pihak berkuasa tempatan, seramai 54 orang telah berjaya diselamatkan. Manakala 140 orang masih lagi dalam tindakan untuk mengesan mangsa oleh pihak berkuasa tempatan.

Pelbagai usaha telah diambil oleh pihak PDRM bagi membendung isu ini. Antaranya adalah;

- i. Pihak PDRM telah menubuhkan Pasukan Petugas Khas untuk menangani isu ini.
- ii. Kerjasama dengan ASEANAPOL, INTERPOL, Kementerian Luar Negeri dan pihak berkuasa tempatan sedang giat dijalankan bagi mengesan warganegara Malaysia di negara-negara terbabit dan dibawa pulang.
- iii. PDRM telah mula menjalankan kempen kesedaran terhadap sindiket tawaran kerja palsu di luar negara ini melalui platform media sosial. Usaha ini akan diperluaskan dan dipergiatkan lagi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2022**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR]**

**TARIKH : 3.8.2022 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD BIN HASSAN (PAPAR)** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan inisiatif Kerajaan bagi melonjakkan ekonomi luar bandar dengan menambah nilai perkhidmatan, menggunakan teknologi terkini dan menggalakkan penyelesaian luar kotak.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah melancarkan Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030 (DPLB 2030) yang telah menggariskan pelbagai strategi dan inisiatif untuk membangunkan kawasan dan masyarakat luar bandar ke arah wawasan “Luar Bandar Sejahtera”. DPLB 2030 mempunyai 10 teras yang meliputi teras ekonomi, keusahawanan, modal insan, infrastruktur, tadbir urus dan lain-lain lagi.

Antara objektif di bawah Teras Ekonomi, DPLB 2030 adalah untuk memberi tumpuan kepada penghasilan sumber pertumbuhan baharu dan mempelbagaikan ekonomi di luar bandar. Dalam hal ini, beberapa program ekonomi luar bandar telah diperkukuh untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup penduduk luar bandar.

Salah satu program pembangunan ekonomi adalah Program Desa Lestari di mana bantuan geran diberikan kepada sesebuah kampung untuk mewujudkan komuniti desa yang berpendapatan tinggi melalui platform Koperasi Komuniti. Sehingga kini, terdapat 137 kampung di bawah Program Desa Lestari yang menjalankan pelbagai aktiviti

ekonomi termasuk pertanian, pelancongan desa, pembuatan dan perkhidmatan.

KPLB turut melaksanakan Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung (PROSPEK) yang merupakan pengembangan aktiviti ekonomi sedia ada bagi membangunkan *niche product* dan mewujudkan *economy of scale*. Antara projek yang dilaksanakan adalah ternakan ikan air tawar, perusahaan burung walit, tanaman jagung dan durian *Musang King*. Sehingga kini terdapat 12 projek PROSPEK sedia ada dan 4 projek PROSPEK baharu yang dilaksanakan.

Selain itu, terdapat beberapa Lembaga Kemajuan Wilayah seperti Lembaga Kemajuan Wilayah Kelantan Selatan (KESEDAR) dan Lembaga Kemajuan Wilayah Terengganu Tengah (KETENGAH) yang melaksanakan program pembangunan ekonomi berasaskan komuniti. Sebagai contoh, Program Rehabilitasi Komuniti (KESEDAR) yang memberi bantuan dari segi modal, stok barangan, serta pembangunan minda dan kemahiran dan Program Pemerkasaan Komuniti Berdaya Saing (Komuniti Lestari) yang memberi tumpuan kepada aktiviti ekonomi desa secara berkelompok dan tersusun.

KPLB turut melaksanakan pelbagai program keusahawanan bagi membangunkan usahawan baharu dan memperkukuh usahawan sedia ada di luar bandar. Antara program yang dilaksanakan adalah *Rural Business Challenge* yang bertujuan untuk mengembangkan perniagaan usahawan belia luar bandar dan juga DesaMall@KPLB untuk membantu usahawan luar bandar memasarkan produk mereka di platform atas talian. Selain itu, MARA turut menawarkan bantuan dari segi modal pusingan dan peralatan di bawah Program Usahawan Teknikal (PUTEK) yang mensasarkan lepasan intitusi kemahiran di bawah MARA dan juga agensi teknikal kerajaan yang lain, untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan.

Sekian, terima kasih.